



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS

PENGGAL KELIMA

MESYUARAT KETIGA

Shah Alam, 29 November 2012 (Khamis)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Lau Weng San (KampungTunku)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Malawati)

Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Dato' Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., JSM., SSA (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro,
DPMS.,ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom, PJK. (Morib)

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol
DSIS., AMS., SMS., AMN., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing,
DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Dato' Sri Subahan bin Kamal,
SSAP., DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz,
DMSM., JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim,
DPSM., AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun,
JMN., SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Haji Sulaiman bin Haji Abdul Razak
SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani,
SMS., PJK. (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Kelang)

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

Y.B. Tuan Philip Tan Choon Swee (Teluk Datok)

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Dr. Mohamad Khir bin Toyo, PJK (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK. JBM.,Dr.(Hc) (Sementa)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus,
KMN., SIS., ASDK. (Kuang)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
DPMS., DIMP., SMS. (Gombak Setia)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Ismail bin Habib
Bentara

Encik Ahmad Hafizan bin Yusof
Encik Mohamad Redzuan bin Adam
Encik Izal Izlan bin Misnon
Encik Mohd Saiful Nizam
Penolong Bentara

Puan Noor Syazwani bt. Abd Hamid
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah
Pelapor Perbahasan

(Puan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Kedua Belas bagi hari yang kesembilan 29 November 2012 dimulakan dengan bacaan doa.

I. **DOA**

II. **PERTANYAAN-PERTANYAAN**

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

Y.B. PUAN TIMBALAN SPEAKER : *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Pertanyaan yang pertama daripada Rawang. Tidak hadir. Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Puan Timbalan Speaker, soalan 224. Terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PERKUBURAN

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah status tapak perkuburan tanpa kebenaran di daerah Hulu Langat?
- b) Apakah status tapak baru perkuburan bukan Islam di daerah Hulu Langat?
- c) Apakah status tapak perkuburan tanpa kebenaran di daerah Hulu Langat?

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Puan Timbalan Speaker, soalan Kajang, perkuburan. Adakah, apakah status tapak perkuburan tanpa kebenaran di daerah Hulu Langat? Pihak Majlis tidak mempunyai tapak perkuburan tanpa kebenaran di kawasan MPKj. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor dan pihak MPKj telah menyediakan laporan inventori tanah perkuburan Selangor 2010 dan jumlah tapak perkuburan semasa di dalam kawasan MPKj adalah sebanyak 64 unit seperti berikut:

1. Tapak perkuburan Islam – 37

2. Tapak perkuburan Cina – 14
3. Tapak perkuburan Hindu – 6
4. Tapak perkuburan Kristian – 3
5. Tapak perkuburan yang diuruskan oleh pihak swasta – 4

Pihak Majlis telah menyediakan cadangan tapak perkuburan sepadu MPKj di Jalan Sg. Lalang, Hulu Semenyih dan telah diwartakan dalam Rancangan Tempatan MPKj 2020. Terima kasih.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Soalan tambahan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan tambahan. Silakan Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih. Soalan, jawapan yang diberi oleh EXCO memang tepat tapi tidak mengambil kira perkuburan swasta. Kajang dapati ada perkuburan swasta yang memang belum dapat kelulusan daripada PBT untuk penanaman mayat-mayat. Tapi telah dilangsungkan iaitu di Jalan Sg. Lalang juga. Ya. Dan nama dia, *Semenyih Memorial Hill*. Adakah ia sudah diluluskan?

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Kajang, Puan Timbalan Speaker. Sebenarnya, apa yang dinamakan *Semenyih Memorial Hill* itu, sebenarnya adalah, saya difahamkan, diberikan sebanyak 100 ekar ekoran pelan asal di mana sebanyak 500 ekar telah diberikan kepada Kerajaan Pusat untuk dijadikan tapak perkuburan untuk menggantikan kubur di Kuala Lumpur. Akhirnya, rancangan itu tidak dijalankan, maka, hanya 100 ekar telah diberi kepada *Semenyih Memorial* oleh Kerajaan Pusat. Walau bagaimanapun, kalau katakan kelulusan itu tidak lengkap ataupun tidak mengikut prosedur, Kerajaan Negeri boleh membuat siasatan. Kalau, Kajang boleh memberi kerjasama. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Soalan tambahan satu lagi.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, silakan Kajang dulu.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Baik, terima kasih kepada Y.B. EXCO. Kajang ada satu soalan tambahan iaitu dari laporan yang diberi oleh Y.B. EXCO didapati memang tidak ada tapak perkuburan untuk penganut-penganut agama asing. Ya, tapi ikut tinjauan yang kita dapat, di Serdang lama, memang ada satu tapak perkuburan agama Sikh di mana ia digazetkan, diwartakan pada tahun waktu *British Colonial* lagi. Dan, tapak ini telah diguna oleh, diuruskan oleh satu persatuan yang bukan persatuan di.. mereka, ahli-ahlinya bukan dari Hulu Langat. Dari tempat lain mereka uruskan tapi tempat itu tidak langsung digunakan untuk pengebumian. Jadi, pihak Gurdwara Sikh di Kajang

ingin menuntut hak pengurusan tapak ini. Jadi, kita minta pihak kerajaan meneliti dan memberi kuasa pengurusan kepada Persatuan Gurdwara Sikh di Kajang, terima kasih.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Puan Timbalan Speaker, dasar negeri ialah, tanah perkuburan diberikan oleh Kerajaan Negeri. Lepas itu, tapak perkuburan akan diuruskan oleh masyarakat ataupun komuniti tempatan. Jadi, kalau apa yang dikatakan Kajang adalah benar, jadi kita boleh mengadakan rundingan dengan persatuan yang dikatakan ada *locus standi*, ada hak untuk menguruskannya. Ini kita boleh dibincangkan, terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Boleh?

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Boleh.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Bangi ingin mengetahui bagaimanakah status perkuburan Hokkien di Sg. Chua yang telah diperuntukkan tanah itu dikatakan sejak 1920-an tetapi mendapat pertentangan daripada penduduk setempat untuk diteruskan, dia sebagai tapak perkuburan. Manakala pihak Persatuan Hokkien masih ingin meneruskan. Setakat mana dapat diselesaikan, kalau dapat bagaimana? Tidak dapat, apakah kaedah yang akan diambil untuk penyelesaian? Terima kasih.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Puan Timbalan Speaker, sebenarnya apa yang berlaku di tapak perkuburan Hokkien di Kajang itu bukan masalah diteruskan menjadi perkuburan. Masalah ialah, Persatuan Hokkien yang menguruskan tapak itu dikatakan ingin, memang sudah mengadakan satu cadangan untuk membuat krematorium untuk, bukan..*sorry* untuk membuat, ya..satu pusat untuk menguruskan mayat dan sebagainya. Jadi, itu menjadi masalah kerana orang tempatan, ada orang yang di tempat itu tidak persetujuan sebab hal ini telah dimajukan ke MTES, dan MTES telah membuat keputusan MTES akan membuat kajian dan juga *public hearing* sebelum satu keputusan diadakan. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Seterusnya, Paya Jaras. Tidak hadir. Gombak Setia, tidak hadir juga. Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Soalan saya No. 228.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PERHENTIAN TEKSI DAN TERMINAL BAS DI PELABUHAN KLANG

Kemudahan pengangkutan ini merupakan fasiliti kepada masyarakat setempat tetapi masih gagal dan serba kekurangan dalam memenuhi kehendak masa kini.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Bagi menaik taraf kawasan tersebut misalnya apakah perancangan Kerajaan Negeri seterusnya.
- b) Bagi menghidupkan kawasan tersebut apakah usaha Pihak Berkuasa Tempatan dapat membantu dan memajukannya.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Puan Timbalan Speaker, 228, soalan Pelabuhan Klang adalah berkaitan dengan perhentian teksi dan terminal bas di Pelabuhan Klang. Jawapannya, MPK telah menyediakan pelan perancangan jangka pendek dan jangka panjang khususnya penyediaan rancangan kawasan khas bandar Pelabuhan dan kerajaan juga memfokuskan program pembangunan semula pusat bandar dan kaedah membangunkan tanah-tanah milik LPK dan agensi kerajaan yang mempunyai kepentingan. Dan, juga ada usaha untuk menaik taraf kemudahan infrastruktur seperti memperbaiki taraf jalan raya, sistem perparitan dan meningkatkan kemudahan prasarana, kemudahan awam dan sistem pengangkutan darat dan laut.

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH : Soalan tambahan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH : Saya ingin bertanyakan berkenaan dengan perhentian teksi dan terminal bas di pusat bandar Pelabuhan Klang. Saya melihat keadaan ini, hari demi hari sebagai tidak terurus dan saya melihat juga wujud beberapa bandar di sekitar DUN Pelabuhan Klang seperti Bandar Bukit Tinggi, Bandar Botanic dan Bandar Parkland. Dan saya melihat juga, ketiga-tiga bandar ini diberi terlalu banyak keistimewaan sehinggakan bandar di Pelabuhan Klang seperti bandar mati. Saya minta EXCO pandang dan lihatkan bukan sahaja cadangan-cadangan dibuat, atau cadangan jangka pendek, jangka panjang..

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan dia?

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH : Soalan dia, saya minta EXCO yang berkenaan melihat ataupun menjalankan kerja-kerja seterusnya untuk perhentian teksi dan..

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Itu bukan soalan, itu seolah-olah macam perintah.

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH : Ya?

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Itu bukan soalan.

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH : Penjelasan, ok.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Masa sudah cukup. Ya, silakan Pandamaran kalau sekiranya ada perkara yang nak dijelaskan.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Tiada.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Tiada? Lembah Jaya.

Y.B. TUAN HAJI KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Soalan No. 229.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. HAJI KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PKNS

229. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Bagaimana perkembangan atau tindakan Kerajaan Negeri berkenaan dengan aset PKNS yang hendak ditukar milik atau ditukar tadbir.
- b) Bilakah PKNS akan membuat rumah mampu milik untuk rakyat yang kurang berkemampuan ataupun yang berpendapatan rendah khususnya di DUN Lembah Jaya, Ampang.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Puan Timbalan Speaker, Lembah Jaya bertanyakan tentang bagaimana tindakan kerajaan berkenaan dengan aset PKNS yang hendak ditukar milik ataupun ditukar tadbir. Kedua, bilakah PKNS akan membuat rumah mampu milik untuk rakyat yang kurang berkemampuan, yang berpendapatan rendah khususnya di DUN Lembah Jaya, Ampang. Soalan yang pertama telah banyak dibincangkan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya betul.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Dan salah satu daripada cara PKNS untuk berkembang menyusun semula aset-aset ini di dalam satu entiti yang boleh dipantau dan terus ditentukan hasilnya supaya dia tidak lagi tertinggal dari segi penelitian pengurusan PKNS dan saya percaya Dewan ini yang akan datang akan mendapat laporan mengenai PKNS dan pengurusan aset-aset dari masa ke semasa maknanya tiap-tiap 6 bulan PKNS akan membuat laporan dalam dewan tentang perkembangan pengurusan mereka. Kedua, usaha untuk mengadakan rumah kos dan rumah kos sederhana ialah berterusan. Yang Berhormat Chempaka, Ahli EXCO telah beberapa kali disoal dan jawapannya sama, saya juga tidak hendak memberikan jawapan sebab jawapan yang saya beri adalah sama dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Chempaka tetapi kita akan membuat satu strategi baru oleh kerana kita akan menggunakan peruntukan RM50 juta dari rizab Selangor untuk kita perbaiki lagi dan perbanyakkan lagi pembinaan rumah mampu milik untuk Negeri Selangor.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Baik terima kasih. Lembah Jaya ada lagi soalan tambahan?

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Soalan tambahan. Terima kasih pada Yang Amat Berhormat, adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan rumah-rumah bukan kos rendah maksud saya bagi mereka-mereka yang miskin bandar ini yang tidak ada kelayakan untuk membeli rumah kadang-kadang umur dah 50 masih lagi menyewa, umur 60 masih menyewa. Adakah kerajaan ingin bercadang untuk menyediakan rumah-rumah bagi bukan dalam konteks jual tapi untuk mereka sewa. Adakah kerajaan bercadang?

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat Puan Timbalan Pengerusi, itu satu *option* yang sangat penting kita mesti bincangkan semula dari segi polisi. Saya dapati dalam usaha untuk memberikan kesempatan kediaman untuk seluruh keluarga Negeri Selangor bukan sahaja strategi menjual unit-unit ataupun rumah-rumah kepada rakyat Selangor tetapi juga membagi peluang untuk sewaan. Jadi ini yang akan kita perhatikan. Kajian kita berpandukan pengalaman di England mengenai *council homes* ada baik dan ada buruknya, tapi itu. Keduanya, kajian kita melihat perkembangan di Germany, di Jerman lebih daripada 40% rakyat Jerman tidak memiliki harta tetapi menyewanya jadi itu pun satu perkara yang kita akan mula usahakan masa depan supaya strategi kita tak ada siapa pun yang tak ada mempunyai tempat kediaman sama ada menjadi pemilik ataupun menjadi penyewa.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Puan Timbalan Speaker, soalan tambahan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih. Bangi ingin tahu bila bercakap tentang aset PKNS selalu disebut pejabat dan rumah-rumah yang dibina tapi Bangi mendapat maklum sekurang-kurangnya di Bangi ada harta PKNS yang lain dari itu misalnya Golf Resort di Bangi. Dia kata dimiliki bersama oleh PKNS begitu juga Hotel Equatorial, mungkin tempat lain banyak lagi. Jadi bagaimana dengan aset-aset ini adakah di susun dari segi ekuiti pemilikan ataupun di bagi untuk pentadbiran yang lain dan sebagainya. Kalau ada banyak mana lagi harta yang tidak diketahui yang tidak diberi maklumat kepada orang ramai.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Bangi, Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Inilah perkara yang kita mahu membetulkan dari segi bukan sahaja apabila PKNS beroperasi kita melihat daripada segi pendapatan dan juga kerja-kerja dilakukan tetapi juga dari segi pengendalian aset-aset yang diberikan dulunya pada Dasar Kerajaan Negeri dalam usaha pembangunan dan perkembangan PKNS dan saya dapati PKNS tidak menilai aset-aset itu seperti yang dibuat dalam sektor swasta supaya tiap-tiap aset yang dipunyai itu dinilai daripada segi hasilnya dan pembangunannya dan saya rasa sekarang sudah ada *culture* ataupun budaya itu sudah mula dalam PKNS dan kalau hari ini Yang Berhormat Bangi hendak tahu senarai aset-aset PKNS sama ada di sewa atau pun usaha sama ataupun mana-mana pun bukan sahaja daripada segi anak syarikat, sub-sub pun kita ada. Itu pun kita buat supaya kita benar-benar tahu tentang perkembangan PKNS dari segi hasil, dari segi pengurusan aset dan dari segi usaha sama yang mereka lakukan. Kesemuanya kita bagi untuk makluman maknanya kita mempunyai sikap *very transparent* atau telus dalam usaha ini.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Baik, soalan seterusnya Kota Damansara.

Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Terima kasih Puan Timbalan Speaker, soalan 230.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : SUMBER ALTERNATIF AIR PERCUMA

230. Kerajaan Negeri bersusah payah mendapatkan air percuma untuk rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

- a) Apakah alternatif untuk mendapatkan sumber air alternatif
- b) Apakah faktor-faktor yang perlu diambil kira dalam usaha tersebut.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Timbalan Speaker, soalan 230 ini semuanya sudah kita nyatakan di dalam yang kita berikan kepada Dewan mengenai laporan apa yang dipanggil Laporan Perkembangan Penyusunan Semula Air dan termasuk surat-menyurat yang saya buat dengan Kerajaan Persekutuan termasuk menerangkan kesempatan untuk mencari punca-punca sumber air lain selain dari sumber air yang ada sekarang iaitu melalui membetulkan loji-loji yang ada sekarang dengan mengambil teknologi yang lebih senang diuruskan seperti *membrane technology*, menengok kesempatan jika perlu air bawah tanah, meningkatkan takungan yang lebih baik seterusnya semua itu dilakukan dalam usaha untuk menentukan bahawa penjagaan sumber air ini ialah suatu usaha berterusan bukan satu usaha hari ini sahaja tapi berterusan umpamanya sebagai contoh, perjanjian yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dengan Pahang di buat pada tahun 2004 dan kajian untuknya dibuat pada tahun 2000 ataupun sebelumnya tetapi tak ada kajian tambahan yang dibuat untuk menengok sama ada keputusan-keputusan yang kita buat itu perlu diperbaiki lagi kerana mereka sudah buat kajian jawapannya dalam masa ini bila kita buat kajian semula kita dapati iaitu kajian semula yang kita buat dan kita lihat sumber-sumber air alternatif adalah lebih *economical* dan lebih baik untuk diutamakan oleh Kerajaan Negeri Selangor daripada hanya bergantung kepada sumber air dari Pahang, jadi sumber-sumber ini kajian kita menunjukkan bahawa usaha untuk mencari air-air alternatif dan secara ekonominya lebih baik dari hanya bergantung kepada sumber air daripada Pahang. Itulah sebabnya kita katakan penekanan ataupun keutamaan itu bukanlah hanya Langat 2.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Baik ,Kota Alam Shah? Tidak hadir. Teratai ? Tidak hadir juga. Hulu Kelang?

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Puan Timbalan Speaker, soalan 234.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : FILEM HAK ASASI DAN PUSAT KOMAS

234. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

- a) Apakah dasar Kerajaan Negeri terhadap aktiviti NGO dalam penghasilan filem dokumentari hak asasi manusia?
- b) Berapakah sumbangan kepada Pusat KOMAS dan adakah memadai dan selaras dengan dasar di atas?

- c) Bagaimanakah filem dokumentari “Demokrasi: Siapa Boss?” dimanfaatkan dalam konteks pendemokrasian?

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL : Puan Timbalan Speaker, jawapan saya kepada Hulu Kelang yang bertanya tentang apakah dasar kerajaan terhadap filem ataupun aktiviti NGO dalam penghasilan filem dokumentari Hak Asasi Manusia. Ingin saya nyatakan di sini Dasar Kerajaan Negeri terhadap aktiviti ini kita sentiasa bekerja sama dengan mana-mana NGO yang mana NGO ini perlulah mendaftar dengan pendaftar pertubuhan dan ianya juga pula mengikuti beberapa garis panduan yang telah ditetapkan terutamanya oleh FINAS sendiri tetapi apa yang penting di sini Kerajaan Negeri menggalakkan aktiviti ataupun program-program yang dasarnya amalan kebebasan maklumat itu menjadi satu ketetapan atau pun menjadi satu pegangan kerana dasar keterbukaan dan ketelusan ini disarankan untuk menjadi satu budaya rakyat Negeri Selangor itu terutama untuk mendapat maklumat yang betul dan tepat untuk menghasilkan perkara-perkara budaya-budaya yang positif untuk itu Kerajaan Negeri telah pun menghasilkan selain media cetak seperti Selangorkini, Selangor Times, kita juga ada media elektronik seperti TV Selangor, portal-portal maklumat juga menghasilkan dokumentari ataupun filem-filem pendek yang berkaitan dengan isu-isu hak asasi. Ada aktiviti ini sebenarnya sudah bermula sejak tahun 2010 di mana program ini usaha sama ini telah dibuat bersama dengan KOMAS singkatannya ataupun Komunikasi Masyarakat yang mana ianya menyumbangkan kita usaha sama ini atau kerjasama ini telah memperuntukkan sebanyak dalam 3 tahun ini sebanyak RM33,215.00 iaitu 2010 sebanyak RM3,215.00 pada asalnya kita baru ingin *explore* dengan izin ataupun ingin melihat apakah usaha ini dapat sambutan dan alhamdulillah saban tahun ianya dapat sambutan baik oleh rakyat jadi peruntukan itu kita tambah pada 2011 sebanyak RM10,000.00, 2012 tambah lagi RM20,000.00 jadi ini adalah untuk menggalakkan filem-filem pendek diusahakan dikeluarkan dan akhirnya kita membuat satu setiap tahun ya kita berjaya melaksanakan satu *Freedom Film Fest* yang mana telah pun mendapat sambutan bukan sahaja di kalangan rakyat tetapi telah pun diiktiraf di peringkat antarabangsa. Ada filem-filem kita yang menang anugerah antarabangsa juga. Jadi untuk soalan yang seterusnya apakah bagaimanakah filem dokumentari “Demokrasi : Siapa Boss?” dimanfaatkan dalam konteks pendemokrasian? Jadi Hulu Kelang ingin tahu perkara tersebut jadi bagi saya selaku Jawatankuasa Tetap Budaya kita lihat perkara ini boleh dimanfaatkan melalui tayangan-tayangan umum yang berskala kecil atau sederhana melalui layar rakyat, kita juga pernah membuat diskusi melibatkan pemimpin-pemimpin serta wakil masyarakat juga ianya di *download* atau dimuat turun dimuat turunkan menerusi internet melalui *youtube*. Sekian jawapan saya.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalan tambahan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Yang Berhormat EXCO untuk menarik perhatian Yang Berhormat, pemenang pada filem “Demokrasi Siapa Boss” adalah *silent riot* yang memaparkan rampasan kuasa BN di Sabah ketika parti-parti tempatan menang dan ada persamaannya apa yang berlaku di Perak dan ada persamaannya apa yang berlaku di Selangor. Jadi saya apakah pandangan EXCO sekiranya program *silent riot* di *endorse* sebagai program untuk mendidik rakyat Selangor tentang program pendemokrasian yang sebenarnya.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL : Bagi saya bila Kerajaan Negeri telah pun mengiktiraf program atau pun *festival* tahunan ini sebagai *festival* yang patutnya dimanfaatkan. Jadi secara tak langsung, *Silent Riot* yang kita telah pun usahakan telah pun mendapat tontonan masyarakat itu. Ianya bukan sahaja kita nak kata boleh kita sebar luaskan. Dah menjadi satu ketetapan yang tidak menjadi masalah bagi Kerajaan Negeri untuk memberi kepada sesiapa yang ingin melaksanakan ini. Dasar ini, kita tidak katakan dasar tetapi kita kata mana-mana program atau pun mana-mana filem yang telah ditayangkan di bawah *Freedom Film Fest* itu adalah filem yang kita rasakan begitu manfaat kepada rakyat. Yang perlu ditonton dan akhirnya boleh membudayakan pemikiran yang positif kepada rakyat bagaimana sesuatu perubahan itu boleh dilaksanakan dengan baik. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Seterusnya Rawang.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Rawang belum sebut lagi soalan berapa.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Puan Timbalan Speaker, soalan no. 236.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : ASET BALKIS

236. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Senaraikan aset yang didaftarkan di bawah nama BALKIS, tetapi milik Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Senaraikan jumlah aset BALKIS yang telah dikembalikan kepada Kerajaan Negeri Selangor dan badan/jabatan manakah yang mengambil alih pengurusan BALKIS bagi menjamin ketelusan dalam segi pentadbiran aset dan aktiviti badan tersebut.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Y.A.B. Ijok.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Rawang bertanyakan tentang BALKIS dan aset-aset yang didaftarkan di bawah BALKIS.

Untuk makluman Dewan, kes BALKIS ini telah dibawa ke Mahkamah dan Mahkamah mengambil keputusan bahawa usaha untuk mencairkan BALKIS tidak diterima. Oleh sebab itu, proses mengembalikan BALKIS di bawah jagaan institusi Kerajaan Negeri akan dilakukan dan buat masa ini sudah tentulah kita tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai aset-aset dan di mana harta, duit yang dikatakan RM10 juta itu diberikan atau pun disogokkan. Jadi oleh sebab itu kita akan dari masa ke semasa membiarkan perkara ini diuruskan oleh peguam-peguam kita supaya akhirnya Negeri Selangor akan mendapat menjaga semula institusi BALKIS ini.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Puan Timbalan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan, Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Saya ingin mohon penjelasan, bilakah maksudnya Mahkamah telah putuskan bahawa kes BALKIS sebelum ini tidak *valid*, dengan izin dan maksudnya sepanjang tempoh ini tiada aset yang dikembalikan kepada pihak Kerajaan Negeri.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Timbalan Speaker, Yang Berhormat Rawang, aset hanya boleh dikembalikan jika ada, jika ada. Jawapannya jika ada. Mestilah dibuat oleh BALKIS sendiri sebagai satu organisasi. Jadi apabila kita esok ubah pengurusan dan juga Lembaga BALKIS. Kita boleh buat keputusan ke mana aset-aset itu diberikan atau pun aset-aset itu diserahkan. BALKIS sekarang ialah dalam keadaan yang mana ia tidak boleh dicairkan. Itu sahaja yang berlaku.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Puan Timbalan Speaker, soalan saya no. 237.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : BANJIR

237. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah perancangan kerajaan dalam mengatasi banjir?

- b) Apakah rancangan pemeliharaan dan mitigasi banjir di Hulu Sungai Jelok, Kajang?
- c) Berapakah jumlah kerugian kapita akibat banjir di seluruh Negeri Selangor dalam tahun 2011?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Timbalan Speaker, Kajang membangkitkan isu yang saya ingat sudah banyak dibincangkan mengenai banjir. Jadi, kita telah lihat kenyataan-kenyataan yang mengatakan usaha mengatasi banjir ini mestilah dilakukan dengan secara *total* atau pun secara keseluruhannya dan buat masa ini kita dapati peruntukan-peruntukan yang dijanjikan dalam Rancangan Malaysia Ke – 10 tidak turun ke Negeri Selangor. Jadi, oleh sebab itu, saya tidak perlu nak mengatakan program-program yang tidak berjaya. Tapi saya ingin menyatakan Kerajaan Negeri sekarang mengambil satu sikap untuk mendahulukan apa yang dipanggil perbelanjaan-perbelanjaan ini demi menyelesaikan masalah-masalah banjir seperti yang sudah dinyatakan dan dibincangkan dalam bajet 2013.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Puan Timbalan Speaker, soalan tambahan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Soalan berkaitan dengan mitigasi banjir di Hulu Sungai Jelok, Kajang kerana tempat itu telah ditebang tebas hutan simpanannya dan menyebabkan banyak lumpur, pasir yang telah memenuhi tempat takungan. Maka, tempat itu perlu dibina kolam takungan sebagai mitigasi banjir. Ingin tanya kerajaan, apakah tindakan, cadangan ini? Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih, Yang Berhormat Kajang. Yang Amat Berhormat Puan Timbalan Speaker, perkara ini sudah dimasukkan dalam Rancangan Tebatan Banjir. Ia antara yang dinyatakan adalah :-

- Menaik taraf sungai sedia ada
- Menaik taraf jambatan dan lintasan
- Mempertingkatkan keupayaan dan membina perlindungan tebing sungai
- Mempertingkatkan sistem saliran dalaman
- Membina rumah pam
- Pemulihan kolam sedia ada
- Mempertingkatkan infrastruktur saliran sedia ada
- Sistem Ramalan dan Amaran Banjir

Bil.	Lembangan	Siling Peruntukan RMK-10 (RM)
1.	Lembangan Sungai Buloh	8,500,00.00
2.	Lembangan Sungai Klang	28,750,000.00
3.	Lembangan Sungai Langat	18,800,000.00
4.	Lembangan Sungai Selangor	3,900,000.00
5.	Lembangan Sungai Bernam	200,000.00
6.	Lembangan Sungai Sepang	450,000.00
Jumlah		60,500,000.00

Untuk makluman Dewan, saya sempat melawat di kawasan Sepang berhampiran dengan Dengkil tentang banjir yang berlaku. Saya lihat keutamaan untuk JPS bukan menyelesaikan masalah sungai seperti yang dinyatakan di sini. Tetapi dia membina pagar yang dibuat daripada batu, cantik untuk menentukan di mana apa yang dipanggil kawasan rizab. Pagar itu diperbuat daripada batu-batu cantik sampai hampir 1 kilometer yang saya rasa tidak perlu. Kalau kita ada duit, itu bukan keutamaan kita. Jadi, saya belajar daripada situ. Saya lihat pengurusan sebelum ini bukan pengurusan menumpukan kepada penyelesaian masalah banjir tetapi menumpukan pemberian kontrak yang tidak ada kena-mengena untuk banjir.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Baik, Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Puan Timbalan Speaker, soalan no. 239.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : SISA PEPEJAL

237. Dasar tender terbuka yang diambil oleh kerajaan khusus berhubung sisa pepejal tidak melibatkan Ahli Majlis.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Kenapa peranan Ahli Majlis dinafikan?
- b) Terdapat kontraktor yang dipilih tidak menjalankan kerja-kerja yang sepatutnya dijalankan. Apakah tindakan yang telah diambil terhadap kontraktor-kontraktor tersebut.

- c) Adakah kerajaan bercadang untuk menyenaraihitamkan kontraktor-kontraktor terbabit.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Puan Timbalan Speaker, soalan Lembah Jaya berkaitan dengan sisa pepejal. Lembah Jaya rasa dasar tender terbuka yang diambil oleh kerajaan khusus berhubung sisa pepejal tidak melibatkan Ahli Majlis.

Sebenarnya tidak. Sebenarnya Kerajaan Negeri melalui PBT melakukan pemilihan kontraktor berdasarkan dari mesyuarat sebut harga dan tender yang dianggotai oleh Ahli Majlis yang terpilih sebagai pemerhati bagi memastikan perjalanan mesyuarat pemilihan berjalan dengan baik dan telus. Pada suatu ketika, Kerajaan Negeri melantik Ahli Majlis sebagai ahli dalam jawatankuasa tender dan juga sebut harga tetapi oleh kerana ada *Treasury Instruction*, dengan izin di mana dikatakan anggota-anggota dilantik untuk jawatankuasa tender dan sebut harga hanyalah boleh terdiri daripada Pegawai Kerajaan, penjawat awam. Saya bagi contoh, kerana itu di peringkat negeri pun EXCO-EXCO yang dilantik oleh Menteri Besar hanya berfungsi sebagai pemerhati dalam jawatankuasa negeri untuk sebut harga dan juga tender.

Soalan Lembah Jaya seterusnya, terdapat kontraktor yang dipilih oleh PBT tidak menjalankan kerja-kerja yang sepatutnya dijalankan. Apakah tindakan. Sebenarnya, pihak PBT mempunyai kuasa bagi mengeluarkan *Notice To Correct* (NTC) terhadap kontraktor-kontraktor tersebut. Tindakan yang dikenakan ialah dengan melakukan pemotongan bayaran jika sekiranya kontraktor tidak melaksanakan kerja mengikut jadual dan spesifikasi kerja yang telah ditetapkan. Setakat ini terdapat beberapa PBT seperti MPSJ, MPAJ dan MPSepang, MPKj, MBPJ, MPK telah..... dan juga MPSelayang telah menyenaraihitamkan beberapa kontraktor yang telah ditamatkan perkhidmatan mereka kerana gagal melaksanakan tugas dengan baik. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Seterusnya, Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih, Puan Timbalan Speaker. Soalan saya no. 242.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PEMBANGUNAN DI KUIL BATU CAVES

242. Memandangkan projek pembangunan atas sekeping tanah berdekatan dengan Kuil Sri Maha Mariamman Batu Caves yang dimiliki oleh Syarikat Dolomite Industries Sdn. Bhd. telah pun diluluskan pada tahun 2007 dan projek tersebut di bantah oleh jawatankuasa kuil tersebut.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memelihara keceriaan pemandangan destinasi pelancongan ini?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Puan Timbalan Speaker, untuk makluman Dewan yang bersidang. Kawasan projek pembangunan yang dimaksudkan adalah di luar kawasan Kuil Sri Maha Mariamman dan jaraknya adalah lebih kurang sekitar 180 meter. Sehingga kini terdapat pelbagai pembangunan termasuk sembilan (9) tingkat komersial blok bangunan, rumah pangsapuri, kuil-kuil kecil, taman-taman, kampung-kampung dan sebagainya. Di sekitar kawasan Batu Caves tersebut terdapat pusat rekreasi.....

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta, minta kenapa ada 2 soalan lompat tidak

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Soalan tersebut sudah dijawab.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: 241, 240 sudah dijawab ke?

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Audit kewangan sudah dijawab. Sudah dijawab, sebelum ini sudah dijawab.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: 241?

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya, itu berkaitan dengan hak milik tanah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ha, itu belum dijawab. Sepatutnya jangan dilepaskan. Ini menunggu lama dah.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Puan Timbalan Speaker, kalau boleh saya habiskan mungkin kita boleh balik kepada soalan tersebut.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, teruskan Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Di sekitar kawasan Batu Caves terdapat pusat rekreasi Gua Damai yang menjalankan aktiviti *rock climbing*. Untuk makluman Dewan yang bersidang juga, kawasan rekreasi tersebut tidak terlibat langsung dengan kawasan pembangunan yang diperkatakan. Kerajaan Negeri berpandangan bahawa keceriaan pemandangan destinasi pelancongan ini besar kemungkinan tidak terjejas. Walau bagaimanapun, kes ini iaitu pembangunan atau pun kemajuan yang dijalankan oleh Syarikat Dolomite akan dirujuk kepada satu *task force* khas di mana pelbagai isu akan dibangkitkan termasuk isu-isu yang dikemukakan oleh Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Puan Timbalan Speaker, saya ingin bertanya kepada kerajaan tentang peranan Jabatan Alam Sekitar dalam pembangunan ini kerana mengikut kenyataan Y.A.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Parlimen pada 19 November yang lalu, beliau menyatakan bahawa kelulusan telah diberi oleh Jabatan Geosains dan kemudiannya Jabatan Alam Sekitar. Jadi, saya ingin bertanya apakah sebenarnya kenyataan atau pun kedudukan, atau pun pandangan, atau pun sama ada kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar telah pun diberi kepada projek ini kerana saya khuatir walaupun ianya tidak menjejaskan keceriaan tetapi apabila pembangunan dimulakan tidak banyak pun, ia pasti akan menjejaskan sedikit sebanyak.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Saya setuju dengan Kampung Tunku bahawa walaupun dari segi pelancongan, mungkin *effectnya* atau pun kesannya adalah minimum. Tapi keselamatan dan juga isu-isu alam sekitar di sana *is different the issue* adalah satu subjek yang berbeza dan di sini Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor pada tahun 24 Januari 2007 telah keluarkan satu surat yang mengatakan bahawa mereka, jabatan itu tidak menyokong pembangunan di atas iaitu Dolomite memandangkan ianya berpotensi menimbulkan masalah tanah runtuh dan sebagainya. Masalah punca atau pun sebab Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor pada 2007 keluarkan surat tidak menyokong adalah kerana tidak ada *sand bag* atau pun zon penampan antara Batu Caves dan juga Dolomite.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Baik, Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, Puan Timbalan Speaker. Soalan no. 241

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : HAKMILIK TANAH

241. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila kemukakan butiran terperinci jumlah bilangan hak milik tanah yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 sehingga kini mengikut pecahan daerah dan kaum?

- b) Sila nyatakan setakat manakah pencapaian yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri dalam konteks meluluskan hak milik tanah secara berkelompok?
- c) Sila nyatakan apakah kekangan yang dihadapi oleh pihak Kerajaan Negeri dalam usaha menyelesaikan hak milik tanah khususnya melalui kaedah permohonan secara berkelompok?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Timbalan Speaker dan Sekinchan. Sila kemukakan butiran terperinci tentang bilangan hak milik tanah yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sejak 2008? Nyatakan kekangan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri menyelesaikan hak milik? Perangkaan ini seperti pernah yang kita berikan, saya nak tunjukkan yang perangkaan keseluruhannya terdapat 6,998 hak milik *that means* geran, bukan Borang 5A tapi geran yang terdiri daripada mengikut pecahan kaum dan daerah. Di daerah yang terbanyak ialah di Sabak Bernam 1,231 dan 1,736 diikuti oleh Hulu Langat dan diikuti oleh Gombak dan juga Hulu Selangor. Yang terendah ialah antaranya di Klang dan kawasan perbandaran. Komposisi kaum daripada 7,000 yang saya nyatakan tadi, 3,800 daripada kaum Melayu, 1,994 daripada kaum Tionghoa, 1,171 daripada kaum India dan salah satu daripada usaha yang kita nak lakukan ialah kita hendak kelulusan secara berkelompok iaitu satu kampung dapat diselesaikan dengan sekali. Tidak membezakan satu-satu tetapi oleh sebab itu kerjasama daripada masyarakat itu penting dan laporan-laporan kena dibuat, pengesahan pemohon sama ada tapak yang dipohon atau tapak yang diusahakan. Pemohon yang melibatkan rizab kerajaan ada yang duduk di rizab jalan, rizab sungai, pemohon dari satu mukim, tapi kedudukan tanah daripada kawasan yang berlainan, itu pun. Jadi, itu ialah pentadbiran kita tidak memberi alasan perkara ini tak boleh diselesaikan. Tapi dia mengambil masa dan ada kalanya Ketua Kampung tidak mengesahkan oleh sebab dia terkeluar sedikit daripada kampung tersebut. Jadi kita mengambil masa untuk pentadbiran.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Soalan tambahan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, Puan Timbalan Speaker. Saya mengucapkan tahniah kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar kerana telah banyak menyelesaikan masalah hak milik tanah sejak 4 tahun setengah yang lalu, khususnya di daerah Sabak Bernam ya sebanyak 1,700 lebih. Ini satu peningkatan yang mendadak. Walau bagaimanapun, masih saya nampak ada perkara yang perlu kita Y.A.B. beri perhatian dalam kelulusan kelompok tersebut sebagai contoh di bagan Sekinchan, Lorong 1 hingga Lorong 5, semua kebanyakan majoriti dah selesai, tetapi masih ada keciciran, ada lagi 12 lebih kurang pemohon tercicir daripada kelulusan asal dan ini yang saki baki ini saya minta Y.A.B. Dato' Menteri Besar dapat menjelaskan kenapa wujud perkara ini dan boleh bantu supaya dia dipercepatkan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih, Yang Berhormat daripada Sekinchan, Yang Berhormat Timbalan Speaker. Satu daripada perkara yang kita ada kalanya aneh, kenapa terdapat keciciran. Itu yang kita tanya sebab sebenarnya semua nama-nama ini diluluskan ataupun ditentukan oleh ketua masyarakat. Jadi, dan kita juga mencadangkan supaya nama-nama mereka dipaparkan di balai raya supaya semua orang tahu. Walau bagaimanapun, saya telah meminta Pegawai Daerah dan ADO mengemaskinikan cara-cara tersebut dan menentukan kesahihan mereka-mereka yang meminta. Jadi, saya tahu dalam usia ini ada juga keadaan jual beli, tanah itu bukan dia punya tetapi dia jual beli tapaknya. Ada, dan orang yang duduk itu adalah bukan orang yang mempunyai tapak, tapi main beli tapak dan orang menjual tapak juga ada tapak di tempat lain. Jadi oleh sebab, kisah dahulu dia boleh dapat 2-3 tapak. Jadi, itu tapi bila kita *check* kita tengok rupanya dia hanya boleh dapat 1 tapak. Jadi, 2 tapak itu kita kena *cancel* tapi sekarang satu keputusan yang kita buat kalau orang yang dikatakan membeli dan menyewa, dia katalah tapi duduk dekat situ lebih daripada 10 tahun, maknanya dia boleh dianggap sebagai orang yang boleh dapat. Itu yang, tapi nak tentukan itu mengambil masa, jadi boleh jadi yang duduk bukan generasi pertama tetapi generasi kedua. Jadi, saya harap kita bersabar dalam penyelesaian ini ya.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan, sudah ke?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, Puan Timbalan Speaker. Saya memang saya maklum apa yang dinyatakan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar soal pemilikan baru dengan soal tukar beli. Itu memang ada. Tapi dalam keciciran, konteks yang saya nyatakan tadi, disebabkan ukuran daripada zaman dahulu, ditinggalkan ada yang tercicir, itu satu. Yang kedua, oleh kerana permohonan tersebut yang baru yang tercicir itu perlu ulasan daripada jabatan-jabatan dan jabatan-jabatan kadang-kadang saya dapati, jabatan lain tidak memberi kerjasama yang sepenuhnya, memakan masa sepatutnya 2 minggu, mereka memakamkan sampai 2 bulan, 3 bulan tak ada bagi ulasan untuk Pejabat Tanah menguruskan. Jadi perkara ini minta penjelasan daripada Y.A.B.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat Sekinchan dan Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya rasa kita membagi peluang untuk penjawat awam menjalankan kerjanya. Polisi yang kita berikan ialah bukan urus niaga di dalam di Pejabat Tanah ataupun urus niaga dia antara dia. Polisi yang kita berikan saya minta dia melawat secara fizikal. Maknanya dia pergi ke tapak itu, dia ambil gambar, ada rumah, ada orang duduk, siapa yang duduk. Jadi bukan tengok kertas-kertas. Jadi dengan cara itu, tak ada yang ketinggalan sebab semua yang duduk ada rumah, ada penempatan boleh diambil kira sebagai pemilik. Jadi, saya rasa yang kita buat itu is a *physical*. Jadi saya tidak terbayang kita boleh terlepas, sebab gambar dah ada, hanya bila ada satu tempat itu dia minta kita ambil gambar dan tak ada rumah, tak ada penempatan dekat situ. Jadi kita tidak, saya minta tak usah dibagi kerana kalau ada tanah itu besok, ada

benar-benar orang yang tak ada tanah di kawasan tersebut, yang tertinggal kita boleh bagikan tanah tersebut. Jadi itulah cara penyelesaian, sebab setiap rakyat yang berhak kita beri. Jadi tak ada kita kata beza-bezakan. Itu polisi kita. Jadi saya rasa banyak saya menerima penjelasan ada juga Ketua Kampung yang kata kita tersilap pilih. Saya hairan, tapi bagaimanapun saya minta pegawai untuk pergi sendiri tengok, sebab dulunya kita boleh tolak-tolak, maknanya kalau tak pilih ini, pilih ini, tak ada. Saya tak, kita tak buat macam itu, *is a physical selection*. Jadi lebih senang, lebih telus, lebih sama rata.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Soalan tambahan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, silakan Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Ya Kajang, terima kasih pada Y.A.B. yang memberikan keterangan berkaitan dengan apa ini tanah dan Kajang mendapati ada tanah yang diberi hak miliknya kepada individu dan juga persatuan. Macam di Sungai Chua, Kampung Baru Sungai Chua ada sekeping tanah dalam Kampung Baru di mana ianya dimohon oleh MCA dan mereka dapat tanah ini dan tanah ini terbiar dah lebih kurang ada 10 tahun terbiar dan tidak ada bangunan tidak keperluan kerana memang MCA ada lagi tapak-tapak tanah yang ada bangunan, MCA dan nampaknya mereka mungkin ambil tanah ini tak tahu apa gunanya. Jadi adakah kerajaan cadang mengambil balik tanah sebegini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih, Kajang, Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya rasa Pegawai Daerah bertanggungjawab tentang perkara ini, Pegawai Daerah mempunyai kuasa, Pegawai Daerah yang mempunyai kuasa di bawah Kanun Tanah Negara untuk menentukan penggunaan tanah. Di dalam undang-undang penggunaan tanah, jika tanah itu diberi kepada sesiapa tanah kerajaan dan dia tidak digunakan ataupun tidak dibangunkan seperti yang dijanjikan. Kerajaan boleh mengambil alih tanah tersebut. Ada borang-borang yang di boleh diberikan kepada pemilik-pemilik yang diberi dan untuk mereka menjawab. Kalau tak ada dalam masa yang tertentu tanah itu terus menjadi milikan kerajaan. Jadi, saya tidak hendak Pegawai Daerah bersikap pilih kasih. Dia mesti mengikuti undang-undang dan kalau itu berlaku Yang Berhormat daripada Kajang boleh memberitahu Pegawai Daerah untuk mengeluarkan borang-borang tertentu demi kebaikan pembangunan Negeri Selangor bukan kerana marahkan MCA ataupun UMNO, tak itu bukan. Pegawai Daerah tidak boleh diberikan tanggungjawab itu, tetapi tanggungjawab dari segi penggunaan tanah penting. Itu sahaja.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Soalan susulan daripada Kajang.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Ya, Kajang ingin bertanya lagi soalan berkaitan, sekiranya orang yang diberi tanah dan dia dapat hak milik dan bayar premium. Adakah kerajaan mengehadkan bahawa tanah ini tak boleh dipindah milik, tidak dijual untuk kegunaan lain misalnya di Sungai Chua juga dekat pasar tanah T.O.L sudah diberi kepada pemimpin-pemimpin MCA setempat dan mereka tukar tangan, jualkan. Jadi, bagaimana dasar Kerajaan Negeri.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat Kajang dan juga dalam reformasi kita, *property rights* dipanggil *property rights* sangat penting. Kalau orang itu dikatakan sudah memiliki harta tersebut, kita tidak boleh mengubahnya, hanyalah mereka tidak ikuti lunas-lunas undang-undang. Kesilapan yang lepas bukan merupakan alasan, bukan, jadi kalau itu yang kita, tapi kalau mereka tidak mengikutinya cukai tidak dibayar ataupun tanah itu tidak dibangunkan, ataupun dia membuat *business* yang tidak termasuk dalam yang dijanjikan, itu boleh. Jadi kita mesti berlandaskan kepada prinsip itu, jadi kita tidak boleh berlandaskan pada prinsip sebab kita marah pada orang yang dapat tanah itu, tak boleh. *That's cannot be done* dan ini tidak boleh dapat dilaksanakan oleh penjawat awam kita. Dia hanya boleh laksanakan apabila mereka mengikuti sistem-sistem itu. Jadi yang penting apabila geran diberi, bererti hak milik sudah ditukarkan, jadi geran jadi oleh sebab itu. Itulah sebabnya dalam pengurusan tanah geran tanah sangat penting. Jadi saya Yang Berhormat Kajang saya baca 3-4 kali Kanun Tanah Negara, saya memang tak suka baca, tapi saya kena baca, itu sebab saya tahu tentang perkara ini dan itulah hakikatnya. Jadi daripada situ saya telah minta pegawai-pegawai kerajaan tidak lagi pemberian tanah kerajaan dengan cara yang tidak tertib dan tidak teratur. Jadi kita akan dapat mengurangkan keadaan-keadaan yang tak sepatutnya berlaku.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMD : Timbalan Speaker, soalan tambahan.

Y.B. PUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan Seri Setia.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMD : Tetapi Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, bagaimana pula macam tindakan UMNO Puchong yang pernah cuba menjual tanah rizab Melayu yang mereka miliki kepada pihak bukan bumiputera. Jadi bagaimana ulasan Dato' Menteri Besar terhadap tindakan sebegini.

Y.A.B. DATO' MENTRI BESAR : Yang Berhormat Seri Setia dan Yang Berhormat Timbalan Speaker. Dari kenyataan Yang Berhormat tadi, langkah yang dibuat oleh pemilik tanah tu salah, jadi makna langkah tu salah dan dia tidak dibenarkan melakukan penjualan, bukan kita boleh rampas tanah, tak boleh tetapi dia tidak boleh dibenarkan penjualan, sebab penjualan tanah rizab Melayu mestilah kepada pembeli-pembeli Melayu. Jadi, dan peruntukan telah diberikan bahawa kalau syarikat pun, syarikat itu

mesti didaftarkan oleh negeri sebagai syarikat yang boleh memiliki tanah Melayu, ada dan individu. Jadi, pada saya kalau itu berlaku, Pejabat Daerah boleh menyekat urusan niaga yang dilakukan.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Puan Speaker, soalan tambahan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sebab saya tapi sampai 5 soalan tambahan. Subang Jaya.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Puan Timbalan Speaker soalan no. 243.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK: SAMPAH KEBUN

243. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimana MPSJ bercadang untuk menangani masalah pembuangan sampah kebun haram?
- b) Berapakah orang penduduk telah menghubungi MPSJ untuk pembayaran pembuangan sampah kebun?
- c) Berapakah kos yang telah dibelanjakan oleh MPSJ untuk mengutip sampah kebun yang dibuang secara haram sejak kerja pengutipan sampah diambil alih oleh MPSJ?

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Puan Timbalan Speaker, soalan Subang Jaya sampah kebun. Subang Jaya nak tahu bagaimanakah MPSJ bercadang untuk menangani masalah pembuangan sampah kebun secara haram. Cadangan menangani masalah sampah kebun secara haram:

- a) Peletakan *banner* kutipan sampah pokok berbayar, iaitu tanpa beg plastik bermula pada bulan Jun tahun ini. Maksud saya kalau sampah pokok dimasukkan ke dalam beg plastik tidak kena bayaran.
- b) Notis pemberitahuan kepada penduduk mengenai cara pengurusan sampah yang efektif juga bermula pada bulan Julai. Dan pembayaran

pembuangan sampah kebun dari bulan Mei tahun ini hingga ke bulan November tak banyak sangat hanya melibatkan 36 orang.

- c) Kos kutipan sampah pokok iaitu bukan dalam plastik hasil daripada penduduk adalah sebanyak RM349,292.00 bagi keseluruhan kawasan MPSJ dari Mac hingga Oktober.

Puan Timbalan Speaker, nampaknya cara ini tidak berkesan, cara ini tidak berkesan dan masalah sampah kebun di MPSJ masih kita menerima aduan yang kerap. Jadi saya akan sendiri akan pergi, akan membuat lawatan kerja ke MPSJ selepas Dewan ini untuk bersama-sama. Saya akan menjemput Subang Jaya dan juga Ahli Parlimen di kawasan Subang Jaya bersama-sama dengan penduduk-penduduk yang sering membuat pengaduan dan juga semua pengarah dan Ahli Majlis supaya kita boleh menyelesaikan masalah ini, terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Kota Damansara.

Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM: Terima kasih Puan Timbalan Speaker, soalan 246.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK: KEDAI JUDI HARAM

246. Kedai judi haram makin berleluasa di DUN Kota Damansara dan menimbulkan pelbagai masalah sosial.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan kedai-kedai yang beroperasi tanpa lesen (haram).
- b) Apakah tindakan yang telah diambil terhadap kedai-kedai tersebut dan jumlah yang mengulangi kesalahan yang sama.
- c) Bagaimana dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain bagi membanteras masalah ini.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Soalan Kota Damansara adalah berkaitan dengan kedai judi haram. Kedai judi haram dikatakan makin berleluasa di DUN Kota Damansara dan menimbulkan berbagai masalah sosial. Kota Damansara ingin nak

tahu senarai kedai-kedai yang beroperasi tanpa lesen. Sebanyak 22 premis telah dikenal pasti menjalankan perniagaan *cyber* dan *cafe cyber* tanpa lesen daripada pihak Majlis MBPJ di kawasan Kota Damansara, PJ. Senarai akan diedarkan kepada Yang Berhormat Kota Damansara. Tindakan terhadap premis-premis haram tersebut telah dikenakan sepertimana yang telah diperuntukkan di dalam Undang-undang Kecil Pusat *Cyber* dan *Cafe Cyber* tahun 2007 MBPJ. Antara peruntukan kuasa yang telah dikenakan adalah kompaun, sitaan dan juga pendakwaan telah diambil ke atas premis kedai judi haram tersebut. Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor sering mengadakan kerjasama bersama agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Polis, Jabatan Agama Islam Selangor, Jabatan Imigresen serta Agensi Dadah Kebangsaan bagi membanteras masalah kedai judi haram. Operasi penguatkuasaan secara bersepadu yang dilaksanakan secara berkala dilihat dapat membantu mengurangkan masalah ini walaupun tidak dapat menyelesaikan semua sekali, terima kasih.

Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Soalan Tambahan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Dr. Kota Damansara.

Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Isu yang ditimbulkan adalah benda ni perkara dah lama, di mana kalau hari ini *raid* besok buka balik, so, kita nak tahu apakah sebenarnya ceritanya, adakah sekurang-kurangnya berlaku dalam keadaan ini.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Ini adalah kerana Kerajaan Negeri memang tidak mengeluarkan lesen judi, tak ada, lesen judi hanya dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat seperti untuk Genting Highland, Toto dan sebagainya. Jadi kalau kita negeri tidak keluaran judi, tetapi industri judi haram itu sangat lumayan, jadi sebab itulah mereka berani, berani membuat demikian. Tambahan lagi PBT sebenarnya kuasa dalam tangan kita amat terhad. Sebab itu kita perlukan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain seperti polis dan sebagainya. MC-MC sebenarnya boleh, akan, boleh memainkan peranan yang sangat penting, mustahak kerana MC-MC boleh memberhentikan semua talian telefon yang diperlukan untuk judi haram kerana mereka gunakan *internet*, gunakan *online*. Tanpa talian itu tanpa *business* tetapi saya tak tahu sebab yang apa yang sebenarnya MC-MC sangat-sangat lewat mengambil tindakan apabila menerima laporan, terima kasih.

PUAN TIMBALN SPEAKER : Terima kasih. Kota Alam Shah, tidak hadir. Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Puan Timbalan Speaker, soalan 248.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEN NEI
(RAWANG)**

TAJUK: GERAN SELANGORKU

248. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Senaraikan jumlah Geran Selangorku yang berjaya dilaksanakan mengikut 17 kategori berbanding jumlah peruntukan asal yang diluluskan untuk setiap 17 kategori di bawah Geran Selangorku.
- b) Apakah mekanisme pelaksanaan dan pemantauan yang digariskan bagi memastikan peruntukan yang diluluskan di bawah Geran Selangorku mencapai sasaran?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Timbalan Speaker, Rawang bertanyakan tentang Geran Selangorku dan saya akan menghantar kepada Rawang perkembangan terkini daripada 17 program yang saya sebutkan di dalam Belanjawan 2012 ini dan berapa banyak yang telah digunakan. Antara yang terbesar ialah program infrastruktur yang kita telah menggunakan lebih daripada 80% daripada peruntukan tersebut. Ada juga yang kita tidak gunakan yang kecil sekali ialah daripada kebajikan kepada pekerja, daripada RM20 juta kita gunakan RM26,500.00. Ini, peruntukan ini akan kita terus penggunaannya pada tahun 2013 sehingga tak ada lagi dalam, dalam bajet kita. Jadi, dan sudah tentulah pengalaman daripada Geran Selangorku itu memberikan kita maklumat bagaimana penggunaan dana dan kita dapati penggunaan dana tidak dirancang ataupun tidak diadakan belanjawan khas tetapi kebanyakan daripada permohonan adalah dari segi konsep bukan dari segi pelaksanaan. Tetapi sekarang sudah mula kita membawa pemikiran yang Geran Selangorku bukan untuk konsep, Geran Selangorku untuk pelaksanaan. Kalau kita perlukan RM300,000.00 di mana duit yang RM300,000.00 itu kita akan gunakan. Dengan memahami tentang perkara itu, barulah kita tahu pelaksanaan program dibuat dengan cara yang terbaik.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Soalan Tambahan Puan Timbalan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Saya ingin bertanya sebab kita dapati bahawa kelulusan Geran Selangorku khasnya untuk permohonan projek *infra* amat lambat dan ada banyak, ramai juga ADUN yang adu bahawa permohonan dikemukakan tetapi tak ada maklum balas. Jadi saya ingin tahu siapa yang panel yang untuk tentukan dan apakah

faktor-faktor mungkin yang berlaku KPI ada tak KPI ditentukan untuk tempoh masa untuk memberi maklum balas terhadap mana-mana permohonan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Rawang, Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Pelaksanaan penggunaan dana Geran Selangorku dibuat secara telus *very transparent* dan maklumat-maklumat tentang penggunaan dan maklumat-maklumat tentang permohonan, saya rasa saya tidak menyemak sepenuhnya tetapi saya diberitahu itu dimasukkan ke dalam *internet* supaya dapat semua orang tahu tentang perkembangannya, jadi maklumat. Tetapi saya telah tubuhkan, saya minta penjawat awam menubuhkan jawatankuasa untuk menentukan prioriti dari segi permintaan supaya kita berlaku adil kepada geran dan juga kepada penggunaan dana tersebut. Jadi saya juga dapati program yang dibuat tidak ada dikatakan *follow up* maknanya kalau kita nak membelanjakan RM100,000.00 kita bagi geran RM100,000.00 kita juga mesti tahu *follow up* dari segi penggunaan. Dan dengan cara itu kita memahami dari segi pelaksanaan sebab konsep kita setiap ringgit yang kita gunakan mesti sampai kepada *target* usaha. Jadi, dulunya sebabnya kita buat konsep ini sebab reformasi yang nak kita lakukan, kita dapati walaupun kerajaan mempunyai geran-geran tetapi dia menyalurkan kepada orang tengah dan orang tengah akan menggunakan duit bukan sahaja untuk pelaksanaan tetapi ada kos di sebalik melaksanakan. Jadi oleh sebab itu kita mula ingin kurangkan itu, walaupun ada tetapi kita ingin kurangkan supaya mereka-mereka itu boleh diukur tugasnya seperti *main hours of work* berapa jumlah jalan dibaiki. Jadi dengan cara itu setiap ringgit, besok kita akan buat setiap laporan berapa banyak perkara-perkara yang dilakukan oleh Geran Selangorku, siapa yang dapat, siapa yang menggunakan dan seterusnya. Dengan cara itu, rakyat akan mula memberikan kepercayaan kepada kita yang setiap ringgit duit rakyat digunakan sampai kepada rakyat.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Soalan tambahan Puan Timbalan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, silakan.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Saya ingin bertanya sebab saya difahamkan (saya terima aduan) yang dikatakan *reporting* ini saya memang sokong (dengan izin), tetapi ada tak ini wujudkan lebih banyak lagi birokrasi untuk sesuatu permohonan itu? Sebab saya difahamkan ada satu permohonan setiap minggu kena lapor balik sedangkan aktiviti giat dijalankan di padang (*I mean on the ground*), *sorry*. Dan sebenarnya kita tahu inisiatif Geran Selangorku ini adalah untuk kita buka kepada rakyat untuk mohon dan badan-badan yang berminat. Ada tak ini tidak mencapai sasaran sebab ini merupakan satu geran *one-off* sahaja (dengan izin).

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Y.B. Rawang dan Y.B. Puan Speaker, saya percaya pentadbiran itu boleh diperbaiki. Salah satu daripada cara yang terbaik, tak payah datang untuk buat laporan. Tetapi dibuat secara e-mel. Jadi, secara e-mel kita boleh beritahu. Setiap pegawai yang buat itu, boleh buat rekod penggunaan dan seterusnya. Jadi, tak payah kita katakan terpaksa pula datang dan seterusnya. Saya dapati ramai yang ingin buat laporan secara mulut, tak payah. Sebab laporan itu dia boleh dibuat secara e-mel. Jadi, beratus boleh dibuat dan dengan cara itu kita dapat memantau keadaan yang seluruhnya dan e-mel itu akan telus kepada persatuan tersebut dan juga mereka-mereka yang menggunakan proses ini. Saya faham *culture* ataupun budaya ketelusan itu masih lagi belum mantap di diri kita tapi kalau kita buat cara begini, dengan itu kita merasakan boleh kita lakukan.

Kedua, Geran Selangorku ialah *catalyst* (ialah pemangkin) bukan satu jawapan. Sebab jawapan yang penting ialah seluruh belanjawan negeri. Geran Selangorku ialah pemangkin sebab kita dapat hasil yang sebenarnya bukan hasil yang kita uruskan tapi hasil daripada luar daripada belanjawan ini. Jadi, oleh sebab itu kita gunakan hasil tersebut untuk kepentingan orang ramai berasaskan konsep hasil negeri untuk rakyat.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Baik, terima kasih. Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Soalan Kajang 249.

**PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEJAL

249. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah prestasi pengurusan sisa pejal dan pembersihan awam selepas kerajaan mengambil alih daripada Alam Flora Sdn. Bhd.?
- b) Apakah rancangan kerajaan dalam pengitaran semula sisa pejal dan pengurangan tapak *landfill*?
- c) Adakah kerajaan mempunyai rancangan pelupusan sampah dengan menggunakan teknologi *incinerator*?

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Puan Timbalan Speaker, Kajang soalnya pengurusan sisa pepejal. Apakah prestasi pengurusan sisa pejal dan pembersihan awam selepas kerajaan mengambil alih daripada Alam Flora?

Tuan Speaker, setelah proses pengambilalihan dilaksanakan pada tahun ini, semua PBT menyuarakan pandangan bahawa terdapat penjimatan terutama daripada segi kos perbandingan semasa di bawah kendalian pihak Alam Flora. Jumlah terperinci kos pengurusan bagi setiap PBT tersebut dapat dilihat seperti di Lampiran A yang akan diedarkan. Kosnya setakat ini merupakan RM54 juta khasnya dari kutipan sampah dan juga pembersihan awam. Ini belum lagi masuk kos penjimatan daripada aspek yang lain.

Kerajaan Negeri telah melihat pelbagai kaedah bagi menaik taraf sistem pelupusan sampah selain daripada *landfill* yang diamalkan sekarang dalam usaha membina sebuah negeri maju dan lestari. Walau bagaimanapun, bagi penyelesaian jangka pendek Kerajaan Negeri masih menganggap kaedah *sanitary landfill* (dengan izin) serta *inert waste* merupakan kaedah penyelesaian yang terbaik. Manakala bagi rancangan jangka panjang, Kerajaan Negeri sedang melalui kajian awal untuk menggunakan kaedah-kaedah yang lebih berkesan seperti *material recovery facility* (MRF) dan jenis *incinerator* yang baru. Akan tetapi, kaedah-kaedah tersebut akan menelan kos yang tinggi kepada Kerajaan Negeri (semua ini masih dalam kajian).

Kerajaan Negeri menerusi anak syarikatnya iaitu Worldwide Holdings Berhad telah pun menjalankan kajian terperinci berkenaan kesesuaian untuk membina alat pembakar sampah untuk kawasan-kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, kos pembinaan dan pengoperasian masih lagi sangat tinggi jika dibandingkan dengan kaedah pelupusan menggunakan kaedah tapak *sanitary*. Namun begitu, usaha-usaha masih diteruskan bagi mendapatkan teknologi yang lebih praktikal daripada *incinerator*. Terima kasih.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sila.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Ya, terima kasih Tuan Speaker. Kajang mendapati *landfill* ataupun *sanitary landfill* memang merupakan satu cara pelupusan yang agak primitif dan ianya akan mencemarkan alam sekitar dengan menggunakan ruang yang banyak. Jadi, apakah rancangan (walaupun kajian dibuat), tapi apakah rancangan yang sudah digariskan untuk mengurangkan *landfill* dan menggunakan alternatif yang lain? Dan *landfill* juga adalah mencukupi dengan adanya *sanitary landfill* sekarang iaitu di Bukit

Tagar dan ia mencukupi dan tidak perlu kita membuka *landfill* di Jeram, di Tanjong Dua Belas dan lain. Apa pendapat daripada Kajang?

Y.B. TUAN RONNIE LIU IAN KHIEW : Tuan Speaker, *landfill* di Bukit Tagar itu bukan pemilikan Kerajaan Negeri Selangor. Itu adalah Kerajaan Pusatlah dan tempatnya sangat-sangat jauh daripada tempat pusat-pusat bandar sebab itu adalah keperluan kita mengadakan *landfill* di Tanjong Dua Belas dan juga Jeram. Dan hayat tapak ini masih panjanglah. Saya mengaku kerajaan pun sedar bahawa cara konvensional (dengan izin) iaitu tapak pelupusan *landfill* itu ada potensi mencemarkan alam sekitar dan sebagainya. Tetapi melalui kajian yang kita ada setakat ini, saya bagi contoh kita baru saja balik daripada Holland yang dikatakan negara yang paling (antara negara yang paling canggih dan maju) dalam pengurusan sisa pepejal. Saya beri contoh. Satu MRF yang efektif sekurang-kurangnya RM500 juta untuk dibina dan ada banyak perkara dan aspek logistik yang kena diadakan. Sebab itu memandangkan keadaan ini, kita masih mencari cara ataupun teknologi yang baik dan pada masa yang sama kosnya yang kita boleh menanggung. Terima kasih.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Soalan susulan. Terima kasih Tuan Speaker. Kajang ingin bertanya sama ada kerajaan kita berfikir secara jangka masa panjang, walaupun kos untuk yang dikatakan *material recovery* (sistem itu), memang kos dia tinggi termasuk ada yang lain (yang pengasingan sumber) dan juga dia buat fermentasi dan adakah kerajaan difahamkan secara jangka masa panjang dan juga merancang untuk mengadakan teknologi ini.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, Kajang memang betul-betul. Bagi jangka panjang memang kita perlukan teknologi yang lebih baik walaupun kosnya tinggi. Dan saya rasa kalau kerajaan ditadbir dengan baik dan rizab kita bertambah, kita boleh juga walaupun RM500 juta pun kita boleh tanggung kerana misalnya jambatan ketiga di Klang itu walaupun RM300 juta pun kita boleh bayar. Jadi, satu masa sudah sampai kita meneliti, membuat kajian betul-betul dan untuk jangka panjang. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, soalan 250.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : MASALAH BANJIR DI SERDANG DAN KAJANG

250. Hujan lebat pada 4 September 2012, menyebabkan banjir teruk berlaku di Seri Serdang, Sungai Ramal Luar dan Dalam dan Taman Mahkota Kajang.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah sebab berlakunya banjir kilat di tempat tersebut?
- b) Apakah tindakan yang diambil bagi mengatasi banjir tersebut?
- c) Apakah tindakan khusus diambil bagi mengatasi air limpah dari kolam di kawasan tanah UPM melimpah dan membanjiri lebuhraya PLUS berhampiran dengan *Country Heights*?

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, soalan Bangi adalah masalah banjir di Serdang dan Kajang.

Berdasarkan ulasan pihak JPS, julat hujan tinggi pada hari kejadian ini telah menyebabkan banyak kawasan berlaku banjir kilat. Banjir di kawasan Sungai Ramal Luar dan Sungai Ramal Dalam berlaku berpunca dari paras air sungai yang tinggi dan kawasan tersebut turut menerima limpahan air dari kawasan Country Heights dan UPM. Banjir di kawasan Seri Serdang berpunca dari kerja-kerja pembangunan yang terdapat di kawasan sekitar. Pihak JPS telah menjalankan kajian *Storm Water Management* dan *Drainage Master Plan Study For* Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) bagi mengenal pasti serta mengatasi masalah banjir dan perparitan. Pihak MPKj telah mengeluarkan notis dan kompaun kepada pemaju terlibat yang menyumbang kepada kejadian banjir. Pihak MPKj telah mengeluarkan notis kepada pihak UPM dan Country Heights agar menaik taraf dan membina kolam takungan, perparitan di dalam kawasan masing-masing berdasarkan kajian JPS yang telah dilakukan. Saya rasa kalau ada *solutions* ialah dana yang masih tidak mencukupilah. Kajian memang sudah sedia ada. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sila.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Setakat ini, apakah usaha-usaha yang dibuat untuk melancarkan larian air di sungai-sungai seperti Sungai Kuyuh? Sungai Kuyuh ini di Seri Serdang. Seri Serdang tanahnya rendah dan Sungai Kuyuh ini sendiri tidak berjalan lancar. Oleh kerana tempat itu rendah nak tuju lebih tinggi. Ini sejak lima enam tahun dulu lagi kes ini. Tetapi masih belum dapat diatasi. Begitu juga dengan Sungai Langat yang melalui Kajang, Bangi tidak diperdalamkan untuk larian air lebih selesa. Terima kasih.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, saya difahamkan *Storm Water Management And Drainage Master Plan Study For* Majlis Perbandaran Kajang telah merangkumi apa yang disebutkan oleh Bangi tadi cuma menunggu dana sahaja.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya, silakan.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih Tuan Speaker dan Kajang ingin mengemukakan soalan berkaitan jawapan yang diberi oleh Y.B. EXCO tadi iaitu kebanyakan banjir kilat yang disebabkan oleh pembangunan di sekitar. Jadi, kenapa ini boleh berlaku? Adakah kerana waktu kelulusan ataupun waktu perancangan sistem penyaliran daripada tapak pembangunan itu memang tidak lengkap dan kenapa ini boleh berlaku? Kalau kita (PBT) yang meluluskannya, adakah juga terlibat dari segi teknikal profesionalisme di PBT ataupun pemantauannya memang kita dapati ada kecuaiian di situ? Terima kasih.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, saya rasa ini adalah masalah ataupun isu pemantauan kerana memang setiap kali ada pembangunan yang baru mereka ada syarat-syarat termasuk mesti membina (apa dikatakan takungan) kolam takungan dan perparitan dan sebagainya. Dan kalau ini tidak dilakukan, maka banjirlah. Sebab itu pemantauan daripada PBT dan agensi yang berkaitan adalah sangat-sangat penting. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Waktu pertanyaan telah tamat. Urusan seterusnya.

III. RANG UNDANG-UNDANG

Aturan-aturan Mesyuarat Seterusnya Usul No. 13 Tahun 2012, Usul Peruntukan Pembangunan 2013.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahir rahmanir rahim*, Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan sukacitanya memohon membawa satu usul di Dalam Dewan Yang Mulia ini yang berbunyi seperti berikut:

“ Bahawa Menurut Seksyen 9 Seksyen 4(iii) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 Dewan Ini Membuat Ketetapan Bahawa Peruntukan Sebanyak RM 633,019,310.00 yang Dinyatakan Dalam Bajet Peruntukan Pembangunan Yang Dibentangkan Di hadapan Dewan Mengikut Seksyen 4(i) Akta Yang Sama Seperti Mana Yang Terdapat Dalam Jadual Hendaklah Diluluskan”.

Peruntukan Pembangunan 2013 P.01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan RM360,235,000.00 Perbendaharaan Negeri. Projek Am RM4,000,000.00. Perbendaharaan Negeri. Pengkomputeran RM1,000,000.00. Jabatan Pertanian RM14,437,050.00. Jabatan Perhutanan RM4,040,040.00. Jabatan Kerja Raya RM56,600,720.00. Jabatan Pengairan Dan Saliran RM 44,750,000.00. Jabatan Agama Islam Selangor RM120,000,000.00. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa RM2.5 juta. Jabatan Perkhidmatan Veterinar RM5,875,000.00. Jabatan Kehakiman Syariah RM 16,581,500.00. Jumlah keseluruhannya ialah RM633,019.310.00.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sejumlah RM 1,630,000.000.00 telah diperuntukkan dalam Belanjawan Tahun 2013. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM 633,019,310.00 adalah merupakan caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan bagi membiayai projek-projek pembangunan iaitu sebanyak RM 628,979,270.00 untuk pembangunan negeri. Dan RM4,040,040.00 untuk pembangunan hutan. Jumlah peruntukan mengikut kepala adalah seperti dalam usul pembangunan 2013.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Sejumlah RM360,235.000.00 telah diperuntukkan kepada Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM 48,110,000.00 diperuntukkan kepada pecahan kepala 1 dan atau PK1 Perkhidmatan Masyarakat. Peruntukan tersebut bertujuan untuk menampung perbelanjaan peruntukan tahunan semula Ahli Dewan Negeri. Bagi PK2 Pembangunan Luar Bandar, peruntukan sebanyak RM 9,244,010.00 disediakan bertujuan untuk membiayai projek ekonomi kecil seperti Program Pembasmian Kemiskinan, Pembangunan Ekonomi Kampung Tradisi dan Pembangunan Ekonomi Nelayan serta Petani dan juga Penternak. Di samping itu ia juga penampung program pembangunan kampung seperti Penyelarasan Jalan, Pembangunan Kampung Baru dan Kemudahan Asas Desa.

Bagi Pecahan Kepala 3. Perbendaharaan peruntukan sebanyak RM 14,408,030.00 disediakan untuk menaik taraf prasarana Pihak Berkuasa Tempatan. Bagi Pecahan

Kepala 4 - Adat Melayu Dan Warisan Sebanyak RM 775,030.00 telah disediakan untuk menaik taraf serta pembangunan tempat-tempat bersejarah di Negeri Selangor.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Pecahan Kepala 5 atau PK5 - Perpustakaan sebanyak RM1,950,040.00 disediakan untuk menaik taraf membina serta pembangunan Perpustakaan. Bagi Pecahan Kepala 6 - Pembangunan Usahawan sebanyak RM2,200,000.00 disediakan untuk menampung perbelanjaan Dana Promosi dan Latihan IKS. Program Selangor Ria, Program Satu Kampung Satu Produk dan Pembangunan Usahawan. Bagi Pecahan Kepala 7 - Sosial, Sebanyak RM47,724,510.00 disediakan untuk Program Pembangunan Insan. Pendidikan Wanita, Pendidikan, Wanita, Pembangunan Belia dan Pembangunan Perumahan. Bagi Pecahan Kepala 8 – Pusat Latihan dan pecahan Kepala 9 – Pembangunan Institusi Pentadbiran. Masing-masing diperuntukkan sebanyak RM300,000.00 dan RM 800,000.00 untuk penyelenggaraan.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Bagi Pecahan Kepala 10 atau pun PK 10 – Pelancongan. Peruntukan untuk pelancongan ialah sebanyak RM5,585,000.00 disediakan untuk promosi naik taraf dan memajukan produk pelancongan. Bagi PK11 – Kajian sebanyak untuk kajian. Sebanyak RM4,500,000.00 disediakan untuk melaksanakan kajian-kajian. Bagi PK12 – Bagi Pentadbiran 4E. Sebanyak RM8,500,000.00 disediakan untuk Pembangunan ICT dan Projek Sains. Bagi PK13 – Perikanan. Sebanyak RM800,000.00 disediakan untuk Program Pembangunan Ternak Air. Bagi PK14 – Jabatan PERHILITAN sebanyak RM100,000.00 disediakan untuk Program Kawalan Makhluk Perosak. Bagi PK15 – Projek Khas Negeri sebanyak RM 33,300,030.00 disediakan untuk Projek Persimpangan Bertingkat dan Projek Sekolah Tamil Desa Coldfield. Bagi PK16 – Pengambilan Tanah sebanyak RM30,000,000.00 disediakan untuk Program Pengambilan Tanah. Bagi PK17 – Alam Sekitar sebanyak RM 450,000.00 disediakan untuk Program Alam Sekitar. Bagi PK18 – Sumber Alam sebanyak RM50.010.00. disediakan untuk Program Bantuan. Bagi Pecahan Kepala 19 – Kerajaan Prihatin sebanyak RM1,150,000.00 disediakan untuk Program Kerajaan Prihatin dan bantuan kepada Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO). Bagi PK20 – Program Merakyatkan Ekonomi Selangor. Sebanyak RM118,250,020.00 disediakan untuk Skim Kesihatan Wanita, Hadiah Anak Masuk Universiti, Tabung Warisan Anak Selangor, Skim Mesra Usia Emas, Projek Bekalan Air dan Skim TUNAS dan bagi PK 21 – Am, sebanyak RM12,038,320.00 disediakan untuk Pelbagai Projek Program Perindustrian, Pelaburan, Kebudayaan, Pengurusan Air, Pembangunan Kesihatan dan Pemulihan Tapak Pelupusan.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. P4 Perbendaharaan Negeri Selangor. Sejumlah RM4,000,000.00 telah diperuntukkan kepada Kepala P4 Perbendaharaan Negeri Selangor. Peruntukan tersebut adalah bagi tujuan Kontingensi.

Peruntukan Pembangunan Negeri. Perbendaharaan Negeri Selangor sebanyak RM1,000,000.00 telah diperuntukkan kepada Kepala P5 Perbendaharaan Negeri Selangor. Peruntukan tersebut adalah untuk tujuan Penyelenggaraan dan Menaik Taraf Komputer di Perbendaharaan Negeri.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Jabatan Pertanian Negeri Selangor. Sejumlah RM14,437,050.00 telah diperuntukkan kepada Kepala P8 – Jabatan Pertanian Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM 1.400,000.00 diperuntukkan kepada Pecahan Kepala 1, PK1 – Pembangunan Taman Hydro Teknologi. Bagi PK2 - Pembangunan Taman Makanan sebanyak RM5,040,000.00 diperuntukkan untuk membiayai Program Tanaman Padi, buah-buahan, sayur-sayuran dan Tanaman Kelapa. Bagi PK3 – Pembangunan Taman Industri. Sebanyak RM300,000.00 diperuntukkan untuk membiayai Program Tanaman Nanas dan Umbisi. Bagi PK4 – Pembangunan Industri Bunga dan Taman Hiasan. Sebanyak RM200,000.00 diperuntukkan untuk membiayai Program Tanaman Bunga Keratan dan Semaian. Bagi PK5 – Pembangunan Industri Asas Tani. Sebanyak RM1,251,000.00 diperuntukkan untuk membiayai Program Pemprosesan Makanan dan Pembangunan Industri Pertanian. Bagi PK6 – Pembangunan Pusat-pusat Teknologi Pertanian. Sebanyak RM2,160,000.00 diperuntukkan untuk Memajukan Pusat-pusat Pertanian di Selangor.

Tuan Speaker, Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Bagi PK7 – Pengurusan Perosak Bersepadu. Sebanyak RM100,000.00 diperuntukkan. Bagi PK8 – Memajukan Kompleks Pertanian sebanyak RM250,040.00 di peruntukkan untuk memajukan Kompleks Pertanian di seluruh Negeri Selangor. Bagi PK10 – Pembangunan Pertanian Bersepadu sebanyak RM700,000.00 diperuntukkan untuk Program Perladangan Bersepadu. Integrasi Taman Herba dan Pembangunan Sumber Pertanian serta Bahan Mentah. Bagi PK11 – Pembangunan Teknologi Maklumat. Sebanyak RM520,000.00 telah diperuntukkan bagi Pembangunan ICT. Bagi PK12 – Perkhidmatan Perkembangan dan Perundingan. Sejumlah RM916,000.00 diperuntukkan untuk Latihan, Penglibatan Swasta dan Kajian.

Bagi PK13 - Pengurusan Tanah Bermasalah, sebanyak RM250,000.00 di peruntukkan bagi mengurus tanah gambut bekas lombong dan berasid. Bagi PK14 - Pembangunan Pengurusan Tanah Terbiar sebanyak RM250,000.00 diperuntukkan. Bagi PK15 – Pembangunan Kemudahan Kejenteraan dan Logistik Pertanian, sejumlah RM800,000.00 diperuntukkan untuk peroleh jentera dan penyelidikan. Bagi PK16 – Penyelidikan Dan Perolehan Teknologi Baru Tanaman, sebanyak RM300,000.00 diperuntukkan untuk program ini.

Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. P10 – Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

Sejumlah RM4,040,040.00 telah diperuntukkan kepada P10 - Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM890,000,010.00 diperuntukkan kepada Pecahan Kepala 1 atau PK1. Program Pengurusan Sumber Hutan yang bertujuan untuk penyelenggaraan hutan simpanan pencegahan dan kawasan kebakaran, sistem maklumat perhutanan dan aplikasi data perhutanan. PK2 Program Pembangunan Sumber Hutan sebanyak RM1,050,010.00 diperuntukkan untuk program pembangunan tanaman manggair bakau, herba, pokok nabir dan penyediaan tapak semaian. PK3 Perhutanan dan Masyarakat sebanyak RM400,000.00 diperuntukkan untuk program perhutanan bandar, hutan pelajaran, hutan perkampungan dan kampung kawasan terosok. PK4 Pembangunan Tenaga Manusia Infrastruktur. Sebanyak RM1,000,010.00 diperuntukkan untuk pusat pendidikan perhutanan, bangunan dan perumahan, perhubungan jalan hutan. PK5 pemulihan alam sekitar sebanyak RM200,000.00 diperuntukkan untuk pemulihan dan inventori hutan simpan serta rawatan tanaman. PK6 Seranta Pengembangan Perhutanan sebanyak RM150,010.10. PK7 Pembalakan Haram Sifar sebanyak RM200,000.00. Dan PK8 pengurusan hutan secara berkekalan sebanyak RM150,000.00 diperuntukkan untuk *central forest spine* pengurusan hutan berasaskan RFID dan persijilan hutan.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor.

Sejumlah RM59,600,720.00 telah diperuntukkan kepada Kepala P12 Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut RM26,998,350.00 diperuntukkan kepada pecahan Kepala 1 atau PK1 pelbagai rancangan bertujuan untuk penyelenggaraan cerun, membina jambatan, memasang lampu-lampu jalan dan lampu isyarat, baik pulih istana dan pengambilan balik tanah. Bagi PK2 membina jambatan sebanyak RM100,90.00 dan PK3 membina jalan sebanyak RM20,000,666.00 diperuntukkan. PK4 menaik taraf jalan sebanyak 1.6 juta diperuntukkan bagi merupakan menaiktaraf jalan sebanyak RM1,600.00 diperuntukkan adalah merupakan token kepada pecahan kepala tersebut kerana pembinaan jalan raya mengikut perkara 1061 Perlembagaan Malaysia tidak lagi dibajetkan. PK5 membina dan menaik taraf bangunan sebanyak RM12,500,020.00 diperuntukkan bagi membina dan menaik taraf pejabat dan bangunan Jabatan Kerja Raya.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor.

Sejumlah RM44,750,000.00 telah diperuntukkan kepada Kepala P13 Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor daripada jumlah tersebut sebanyak RM27,002,650.00 diperuntukkan kepada pecahan Kepala 1 dan pengurusan banjir yang bertujuan untuk projek tebatan banjir dan kerja kecemasan. PK2 menaik taraf sistem saliran sebanyak RM5,350,260.00 diperuntukkan untuk program menaik taraf

sistem saliran seluruh Selangor. PK3 program pengurusan lembangan sungai sebanyak RM2,300,060.00 diperuntukkan untuk pengurusan rizab dan program pengukuhan tebing. PK Pengurusan Sumber Air Hidrologi sebanyak RM1,600,060.00 diperuntukkan untuk pembangunan inventori dan menaik taraf sistem rangkaian hidrologi. PK5 Program Pengurusan Mesra Alam sebanyak RM2,800,150.00 diperuntukkan untuk kajian dan menaik taraf kolam takungan. PK6 Program Pengurusan Pantai. Sebanyak RM2,016, 230.00 diperuntukkan untuk rancangan mengukuhkan benteng, benteng pantai dan kawalan hakisan. PK7 Program Pengurusan Mekanikal Dan Elektrikal sebanyak RM700,010.00 diperuntukkan untuk menaik taraf rumah pam dan pintu Air. PK8 Program Pengurusan Infrastruktur Bangunan. Sebanyak RM1,880,100.00 diperuntukkan untuk membina dan menaik taraf rumah kuarters dan pejabat Jabatan Pengairan dan Saliran. PK9 Program Pengairan Dan Saluran Pertanian sebanyak RM1,100,480.00 diperuntukkan untuk membina dan menaik taraf sistem saliran pertanian.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Jabatan Agama Islam Negeri Selangor.

Sejumlah RM120,000.000.00 juta telah diperuntukkan kepada Kepala P14 Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM51,250,270.00 diperuntukkan kepada pecahan Kepala P1 PK1. Sekolah-sekolah Agama yang bertujuan untuk menaik taraf dan pembinaan Sekolah Agama. PK2 Pejabat Agama Islam. Sebanyak RM22,800,030.00 diperuntukkan untuk membina dan menyelenggara bangunan serta Pejabat Agama. PK3 Masjid. Sebanyak RM43,900,270.00 diperuntukkan untuk membina serta membaik pulih masjid. Dan PK4 sebanyak RM2,049,430.00 diperuntukkan untuk membaik pulih kuarters dan kerja-kerja pelbagai.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. P16 Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor.

Sejumlah RM2,500,000.00 telah diperuntukkan kepada Kepala P16. Jabatan Perancang Bandar dan Desa Selangor daripada jumlah tersebut RM2,060,000.00 diperuntukkan kepada pecahan Kepala 1 atau PK1 Rancangan Kemajuan PK2 Perancangan Dasar sebanyak RM120,000.00. PK3 Kajian Perancangan sebanyak RM320,000.00. Peruntukan ini adalah merupakan kos-kos kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor.

Sebanyak, sejumlah RM5,875,000.00 telah diperuntukkan kepada Kepala P17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM840,000.00 diperuntukkan kepada pecahan Kepala 1 dan atau PK1. Pembangunan Komoditi Ternakan Ruminan bertujuan untuk program skim pengadaan ternakan,

program pembiakan, penternakan *feedlot* dan program pemakanan ternakan. PK2 Bangunan Komoditi Ternakan Unggas sebanyak RM800,000.00 diperuntukkan untuk pembiakan unggas dan puyuh. PK3 Pembangunan Industri Atas Ternak sebanyak RM360,000.00 diperuntukkan untuk pembangunan dan peningkatan usahawan. PK4 Kesihatan Veterinar sebanyak RM565,000.00 diperuntukkan untuk kawalan penyakit, perkhidmatan ambulanti veterinar dan program kemasyarakatan prihatin haiwan. PK5 Regulatori SPS Dan Biosekuriti sebanyak RM495,000.00 diperuntukkan untuk pembangunan sistem kawalan keselamatan makanan regulatori dari kawal selia industri haiwan. PK6 Pembangunan Kompetensi Dan Bimbingan Usahawan sebanyak RM500,000.00 diperuntukkan untuk pembangunan kompetensi dan kajian. PK7 Pemantapan Kualiti Perkhidmatan Veterinar sebanyak RM1,250,000.00 diperuntukkan untuk pusat sumber dan membaik pulih kuarters. Dan PK8 Pembangunan Taman Kekal pengeluaran makanan sebanyak RM1,035,000.00.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Jabatan Kehakiman dan juga Mahkamah Syariah Negeri Selangor.

Sejumlah, sejumlah RM16,581,500.00 telah diperuntukkan kepada Kepala P17 Jabatan Kehakiman dan Mahkamah Syariah Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM16,651,000.410.00 diperuntukkan kepada pecahan Kepala 1 membangun Mahkamah Syariah yang merupakan bayaran balik ke atas bangunan Mahkamah Syariah di peruntukkan sebanyak RM90.00 adalah token kepada membangun Mahkamah Syariah Daerah.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Memandangkan saya telah memberikan penjelasan tentang peruntukan pembangunan dengan panjang lebar maka saya ini ingin memohon supaya usul ini diluluskan.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ia Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong saya buka untuk perbahasan. Setiap Yang Berhormat akan diberi maksimumnya dua puluh minit untuk dibahaskan usul pembangunan ini.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDDIN BIN LIAS : Terima kasih Tuan Speaker, Yang Berhormat sekalian. *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam satu Malaysia. Sungai Burong ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut memberikan perbahasan pada pagi ini dan Sungai Burong ingin menyentuh kepada perkara P1 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan berhubung dengan perkara PK15 projek khas negeri

kod 10150 muka surat 160 dalam buku anggaran perbelanjaan. Isu yang Sungai Burong ingin bangkitkan ialah mengenai pembinaan persimpangan bertingkat dari lebuh raya persekutuan ke ICT Shah Alam di Seksyen 7 Shah Alam supaya tidak menyusahkan rakyat Sungai Burong ingin fokus kepada isu ICT dan pembinaan bertingkat. Sebenarnya dasar perancangan dan pembangunan ICT di Shah Alam Selangor telah pun dimuktamadkan semasa Kerajaan Barisan Nasional dahulu sebelum pilihan raya PRU 13. Apa yang perlu dilaporkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat ialah untuk memantau pelaksanaan pembangunan ICT berdasarkan kelulusan yang telah di laksana yang telah diputuskan yang melibatkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor atau PKNS, Majlis Bandaraya Shah Alam MBSA dan juga pemaju tanah Sumur Wang Development Sdn. Bhd. Antara perkara penting yang telah diputuskan pada masa itu ialah pertama, Kerajaan Negeri dan MBSA bersetuju dengan permohonan pihak pemaju untuk membangunkan kawasan tersebut sebagai pusat perniagaan dan institusi dengan nama ICT Selangor. Yang kedua, pemaju tidak perlu membina rumah kos rendah di kawasan tersebut bagi menempatkan bekas pekerja-pekerja Ladang Midlands yang tinggal di kawasan projek ICT. Yang ketiga, Kerajaan Negeri melalui PKNS akan membina dan merizabkan rumah-rumah kos rendah di Seksyen 7 Shah Alam di tanah PKNS yang berhampiran untuk dijual kepada pekerja-pekerja Ladang Midland yang tinggal di kawasan ICT dengan harga subsidi yang ditanggung bersama oleh PKNS dan pemaju. Ini bermakna pemaju dapat mengurangkan kos kerana tidak perlu membina rumah-rumah kos rendah.

Keempat, Kerajaan Negeri melalui PKNS akan memindahkan sekolah rendah Tamil yang berada sebahagian di tanah ICT ke sebahagian daripada padang awam di Seksyen 7, Shah Alam buat sementara waktu dan seterusnya membina sekolah tersebut dengan harga bajet lebih kurang RM200,000.00, dan sekolah Tamil tersebut kemudiannya akan dipindahkan di atas tapak dalam kawasan ICT seluas lebih kurang 4 ekar dan apabila telah disiapkan peruntukan pembinaan tersebut sebagaimana diputus dalam mesyuarat Kerajaan Negeri pada MTES 25 Julai 2006 untuk menaikkan taraf sekolah Tamil tersebut menjadi sekolah SMART Tamil *School*.

Kelima, PKNS dengan kerjasama MBSA akan memindahkan pekerja-pekerja ladang ke rumah-rumah kos rendah PKNS apabila telah disiapkan. Keenam, pembinaan unit kos rendah dibina bersama unit yang lain tertakluk kepada semakan PTG Selangor berkaitan hak milik strata.

Dan yang Ketujuh, Kerajaan Negeri dan MBSA tidak ada halangan untuk meluluskan pada dasarnya pembinaan satu persimpangan bertingkat berhampiran plaza tol Sungai Rasah yang dipohon oleh pemaju ICT untuk menghubungkan lebuh raya persekutuan ke ICT Selangor dengan dua (2) syarat berikut:-

- i) Pihak pemaju hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM);
- ii) Pembinaan persimpangan bertingkat hendaklah dibiayai sepenuhnya oleh pihak pemaju kerana persimpangan bertingkat tersebut adalah khas untuk kegunaan dan faedah ICT Selangor sahaja,

syarat ini juga lah yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri kepada syarikat-syarikat pemaju di Negeri Selangor termasuk PKNS sebagai contohnya, tiga (3) persimpangan bulatan yang menghubungkan lebuhraya persekutuan ke bandar Shah Alam dan persimpangan bertingkat di Selangor Science Park, dua (2) oleh PKNS persimpangan di Kota Kemuning dan Bukit Rimau Lebuhraya KESAS. Dan beberapa contoh lagi kita lihat pada masa yang lepas amalan ialah pemaju sendiri yang menanggung pembinaan kos bagi pembinaan jalan ataupun jambatan bertingkat seperti ini.

Tapi pada 5 Julai 2010 Pengerusi Tetap Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Kajian dan Penyelidikan Negeri Yang Berhormat ADUN Pandamaran telah membuat kenyataan akhbar bahawa satu persimpangan bertingkat dengan kos dianggarkan RM50 juta akan dibina di Plaza Tol Rasau yang menghubungkan bandar ICT dengan Seksyen 7, Shah Alam, dan pada bajet kali ini kita lihat dalam projek khas kerajaan negeri PK 15 kod 1015005 projek persimpangan bertingkat dengan kos RM 46 juta telah di peruntukan dalam bajet 2013 berjumlah RM31.8 juta. Berdasarkan kepada latar belakang tersebut ternyata di sini bahawa pembinaan jambatan bertingkat oleh ICT ini sekarang akan ditanggung sepenuhnya melalui kod bajet yang akan diluluskan dalam 2013.

Sungai Burong tidak bersetuju sepenuhnya, pertama dengan kenyataan Yang Berhormat Pengerusi Tetap Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Y.B. ADUN Pandamaran yang seperti di laporkan dalam akhbar Berita Harian 5 Julai 2010 bahawa projek tersebut menjadi laluan pilihan kepada pengguna-pengguna untuk memasuki Shah Alam, setelah dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di Seksyen 7, ini kerana sebenarnya untuk masuk ke Seksyen 7, Shah Alam tidak perlu melalui persimpangan ini kerana ada 3 jalan yang ada sekarang ini sudah mencukupi dan tidak mendatangkan masalah walau pun adanya pembangunan baru yang berlaku di Seksyen 7.

Satu daripada Persimpangan Lebuhraya Padang Jawa, kedua lebuhraya NKVE Bukit Raja dan banyak lagi jalan-jalan saluran yang melalui Seksyen 2, dan Seksyen 8. Dan dalam pelan ini saya boleh tunjukkan bahawa untuk pergi ke Seksyen 7, tidak perlu untuk membina satu jambatan bertingkat daripada lebuhraya ke kawasan ICT. Yang kedua keputusan ini jika dijadikan sebagai satu amalan oleh Kerajaan Negeri ia akan menjadi presiden adakah? selepas ini semua pemaju boleh memohon untuk diberikan peruntukan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri bagi membina jambatan-jambatan

bertingkat seperti ini, adakah? kalau sekiranya tidak adakah ini mungkin pengecualian, dan berapa banyak pengecualian-pengecualian yang akan diberikan oleh Kerajaan Negeri terhadap isu-isu yang berkaitan dengan pembinaan jambatan bertingkat.

Yang ketiga sebenarnya Kerajaan Negeri telah banyak memberikan kemudahan dan pengecualian kepada ICT Berhad, memandangkan projek ini akan memberi faedah kepada negeri Selangor dan merupakan *icon* yang penting kepada bandar raya Shah Alam, cukuplah dengan apa yang telah disumbangkan oleh Kerajaan Negeri ini kepada ICT dan tidak perlu kita membebankan duit rakyat digunakan sebanyak hampir RM 50 juta untuk menggunakan/membiayai projek ini.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar selalu melaung-laungkan slogan untuk mempedulikan rakyat kita mementingkan rakyat dan membela rakyat dan kita dalam perbincangan dalam mesyuarat dewan ini yang lalu kita banyak permohonan-permohonan yang dibangkitkan oleh ADUN-ADUN sama ada dalam Pakatan Rakyat dan juga Barisan memohon supaya isu-isu masalah seperti banjir dan sebagainya masalah perparitan yang perlu memerlukan peruntukan tetapi peruntukan tidak sampai, tapi sebaliknya kita lihat di sini peruntukan yang begitu besar hampir RM50 juta alangkah baiknya kalau peruntukan RM50 juta ini kita agih-agihkan untuk mengatasi masalah permohonan-permohonan yang lebih utama tadi.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sungai Burong apakah? Yang Berhormat Sungai Burong tahu tentang *gross development value* untuk projek ICT dan kalau *GDV* untuk ICT adalah menjangkau RM 3 bilion, kalau kerajaan memperuntukkan sejumlah wang untuk menaik taraf infrastruktur di sekitar kawasan itu bukan sahaja berbaloi orang akan memasukkan/melaburkan RM3 bilion Yang Berhormat.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya sebenarnya setuju dengan Kampung Tunku, kalau begitu banyak lagi projek-projek pembangunan yang begitu besar dalam Negeri Selangor, bukan sahaja 2, 3 bilion berpuluh-puluh bilion, kita boleh senaraikan projek-projek pembangunan yang mana kita dapati hari ini kebanyakannya keperluan untuk mengatasi jalan susur jambatan bertingkat ini ditanggung sendiri oleh pemaju-pemaju berkenaan, tidak oleh Kerajaan Negeri, jadi kalau kita..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tapi Yang Berhormat,

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya nak beritahu, saya nak beri penjelasan lah,,yang Tuan Speaker, saya tak habis lagi nak beri penjelasan

TUAN SPEAKER : Ya...ya. nanti saya tanya ya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Jadi, kalau kita lihat dari segi itu, kalau dari segi *percentage* pada *gross value* untuk membina jambatan bertingkat ini banyak lagilah pembangunan-pembangunan yang akan datang nanti perlu dibiayai oleh kerajaan dan inilah amalan yang saya tidak mahu diamalkan di Negeri Selangor sebab dasar kerajaan telah memutuskan bahawa kita lebih memberikan kepada rakyat jadi kita kena membela rakyat, dan projek ini tidak memberi faedah kepada rakyat khususnya penduduk di Seksyen 7, itu yang pertama, yang kedua Tuan Speaker, dasar mempedulikan rakyat.

TUAN SPEAKER : Ya..ya..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Minta sikit penjelasan, ha Yang Berhormat Sungai Burong saya nampak Yang Berhormat tadi, berhujah berbahas dengan kepentingan awam, kepentingan rakyat, saya setuju sungguhlah soal kita memperjuangkan kepentingan rakyat tapi saya cuma nak minta penjelasan dalam konteks projek di ICT ini di mana kerajaan memperuntukkan sejumlah wang membuat *fly over* daripada Sungai Rasa sampai ke ICT, kan apabila Selangor Maju ke depan untuk memajukan ekonomi kita menarik lebih ramai pelaburan kita sewajarnya menyediakan prasarana yang mencukupi prasarana yang mencukupi supaya pelabur yakin dan dapat melabur di sini dan itu adalah tanggung jawab kerajaan demi kebaikan rakyat termasuk kita mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak untuk rakyat Negeri Selangor, setuju tak Yang Berhormat.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya setuju, memang kita kena bangunkan infrastruktur yang baik kalau boleh bertaraf dunia, tetapi isunya sekarang ini bukan infrastruktur tu, isunya adalah pembiayaan infrastruktur ini. Saya ingin merujuk kalau masalah keutamaan saya ingat pembinaan jejantas ICT ini kalau dibandingkan kesesakan yang berlaku setiap hari yang kita dapati terutamanya dalam waktu puncak di Lebuhraya persekutuan ke persimpangan Bukit Rajah itu lagi mendesak, adakah? langkah baiknya sekiranya Kerajaan Negeri membuat perancangan melihat persimpangan-persimpangan yang telah begitu sesak pada hari ini disebabkan oleh pembangunan, dari segi positifnya ia baik tetapi kita merancang bagaimana kita menyelesaikan waktu-waktu puncak ini supaya kita boleh menyelesaikannya.

Ini saya nak jawapan itu, saya bersetuju infrastruktur itu perlu tetapi pembiayaan tidak harus dibebankan kepada rakyat, saya ingin menambah pula, saya ingin menambah pula bahawa dari segi rakyat kalau betul-betul kerajaan mempedulikan rakyat mengapa kita tidak dengar bantahan-bantahan daripada penduduk di Jalan Plumbum 7/101A dan 7/102 yang mahu supaya pembinaan jalan ini terutamanya tidak melibatkan kawasan penampungan, dan alangkah sedihnya apabila dari segi perancangan pembangunan telah dizonkan kawasan penampungan kemudian dibenarkan pula ICT membina jejantas tersebut melalui kawasan penampungan.

Jadi apakah? dasar lestari pembangunan agenda 21 yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri, ini lagi satu contoh di mana bantahan-bantahan dibuat oleh penduduk di kawasan tersebut tetapi diabaikan hari ini kita lihat bahawa pembinaan jambatan bertingkat ini telah pun dilaksanakan. Kita boleh tengok di sana bukan sahaja cerucuk, struktur asas jambatan itu pun telah hampir sampai ke lebuhraya persekutuan, ini lah Tuan Speaker yang saya ingin bangkitkan ya, kalau dasar mempedulikan rakyat saya sedar bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberilah pertimbangan.

TUAN SPEAKER : Sekinchan..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya ada 10 minit kan saya diberikan, jadi saya teruskan dulu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya nak tambah sikit, sikit,

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ok.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burong, oleh sebab Yang Berhormat tadi memberi penjelasan tentang kesesakan jalan terutamanya sewaktu petang di lebuhraya persekutuan di Sungai Rasah dan Bukit Raja di seluruh kawasan di situ, saya duduk di situ berdekatan situ saya tahu setiap petang sore dan waktu-waktu pagi memang mengalami kesesakan, adakah? Yang Berhormat setuju bahawa *fly-over* yang dibina oleh kerajaan sekarang ini antara satu daripada kaedah untuk menyelesaikan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut, adakah Yang Berhormat bersetuju, terima kasih.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Kalau dia *disperse* keluar, saya lihat, kita boleh lihat nanti apabila jambatan bertingkat ini disiapkan adakah masalah di Persimpangan Lebuhraya Persekutuan Bukit Rajah akan selesai? Saya ingin cabar ni. Kita akan tengok ini belum berlaku lagi. Tetapi yang jelas nyata sekarang ialah pembinaan ICT ini hanya daripada ICT ke Lebuhraya. Ertinya untuk kegunaan ICT ke Lebuhraya. Malah bukan diperlukan oleh penduduk di Seksyen 7. Penduduk-penduduk di Seksyen 7 ini telah membantah. Bantahan telah dikemukakan tetapi bantahan ini telah tidak didengar oleh MBSA dan juga Kerajaan Negeri. Saya mempersoalkan dasar mempedulikan rakyat. Kalau kita mempedulikan rakyat kita kena dengarlah bantahan ini. Bawalah nanti bantahan ini kalau diputuskan, tak setuju di bawah kepada Lembaga Rayuan dan sebagainya. Tetapi bantahan yang dibangkitkan sendiri oleh penduduk ini pun tidak, orang kata tidak dilayan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Sikit, sikit.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Apa lagi Tuan Speaker?

TUAN SPEAKER : Tertakluk kepada kebenarannya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ok, terima kasih Sungai Burong kawan lama saya ni ya. Saya, saya memang suka apa yang diutarakan oleh Sungai Burong tu tapi mengatakan apa tadi yang Sungai Burong mengatakan bahawa hanya untuk ICT untuk keluar ke *highway* itu dan lain untuk penduduk yang sekitar tidak mendapat manfaat, tidak. Sebenarnya apa yang saya nampak, penduduk di sekitar Seksyen 7 termasuk sekitar Seksyen 8 boleh menggunakan kawasan tersebut melalui jejantas tu untuk keluar ke *highway*. Ini satu daripada kebaikan saya nampak akan mengurangkan kesesakan lalu lintas. Jadi, tadi yang fakta yang dikatakan itu tidak melalui Seksyen 7 dan sebagainya hanya untuk ICT saya rasa ini ada, ada sedikit bahaya. Terima kasih.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ini kita tengok pelan ni. Pelan ini daripada kawasan ICT. Daripada ICT barulah ada *connection* ke kawasan Seksyen 7. Itu yang pertama. Yang kedua, kita tengok pelan ni. Pelan ini rizab zon penampunan. Ini dah ada dalam struktur pelan ni. Rizab zon penampunan. Kalau ICT nak buat, kalau nak buat pun saya nak tanya dengan Menteri Besar, mengapa dia tak buat di kawasan sebelah ni? Mengapa tidak dibuat di rizab mana ni? Rizab untuk perniagaan. Ambillah sikit rizab perniagaan ini. 66 kaki sahaja lebarnya. Bawa sini terus hubungkan dengan Lebuhraya. Tidak, tidak merugikan sangat ICT. Kita, orang tidak akan membantah. Zon penampunan, Agenda 21. Orang-orang di Seksyen 7 apa akan jadi? Kalau dulu dia kurang oksigen, sekarang bertambah lagi kurang oksigen disebabkan oleh kehilangan zon penampunan. Kalau zon penampunan ini ditanam dengan pokok-pokok yang boleh menghijau yang boleh mengeluarkan oksigen maka ia akan mendapat kesihatan. Ini agenda 21. Jangan gelak Yang Amat Berhormat Menteri Besar ya. Kita bercakap tentang ya Selangor dah sampai negara maju, negeri maju. Kita kena naik tahap satu lagi. Tahap di mana kita nak melahirkan. Ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri cakap *third world class* di Negeri Selangor. Jadi ini satu contoh, walaupun mungkin kecillah 60 kaki zaman, apa orang kata, zon penampunan. Kalau tak, tapi kalau nanti setiap zon penampunan akan berlaku masalah seperti ini sebagaimana dibangkitkan oleh ADN-ADN yang lain, ini akan memberikan kesan keseluruhannya kepada Agenda 21 pembangunan di Negeri Selangor yang lestari. Itu yang pertama. Yang seterusnya Tuan Speaker, saya juga, Sungai Burong

TUAN SPEAKER : Masa dah sampai dah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Dah merah?

TUAN SPEAKER : Ya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ok dah merah. Saya cuma akhirnya saya memang tak setuju dan membantah menggunakan duit peruntukan wang Kerajaan Negeri untuk membela korporat. Ataupun mungkin orang-orang korporat ini

TUAN SPEAKER : Cukuplah

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Dia peduli kepada korporat.

TUAN SPEAKER : Dah cakap 20 minit ulang sama aje kan? Tadi patut kuning dah gulung. Tak habis nak gulung lagi.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ok, merah, terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, baik. Baik, Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin ambil bahagian dalam P 01 khusus dalam PK 2, pembangunan desa, pembangunan luar bandar dan PK 3, perbandaran. Merujuk muka surat 147 dan 148. Dalam pembangunan luar bandar, khususnya pembangunan kampung, ada 2 aspek yang saya ingin sentuh iaitu kemudahan asas desa. Yang mana Kerajaan Negeri memperuntukkan RM4 juta bagi tahun 2013. Apabila kita menyentuh tentang pembangunan kemudahan asas desa, saya mentafsirkan bahawa kebersihan juga adalah merupakan suatu kemudahan asas. Dan pengurusan kebersihan angkat sampah juga merupakan satu perkara asas kemudahan asas. Di DUN Hulu Klang khususnya di Kampung Pasir dan Kampung Klang Gate, kampung kepada Bukit Antarabangsa, didapati bahawa sistem pengangkutan sampahnya ikut lot tanah. Satu kawasan lot ada beberapa rumah dan oleh kerana itu lori sampah tidak dapat masuk. Di atas sebab itu maka tong-tong sampah terbuka diletakkan di setiap lot. Jadi ini nampaknya sudah ketinggalan zaman. Pendekatan ini tidak mesra alam, tidak ceria dan kadang-kadang apabila pengangkutan itu tidak mengikut jadual maka akan berlaku pencemaran bau dan suasana yang tidak murni. Jadi dengan peruntukan RM500 ribu bagi setiap ADUN baru-baru ini, saya memohon kepada UPEN satu peruntukan untuk membekalkan 30 buah tong sampah dengan *two wheels bin*. Dan untuk menempatkan, menggantikan tong-tong sampah *leach bin* yang besar yang terbuka dan terdedah di Kampung Pasir dan tong-tong sampah terbuka yang dibuat daripada tangki-tangki air lepas yang tidak dipakai untuk mengutip sampah secara kelompok. Jadi, saya ingin memohon agar sedikit peruntukan sekiranya peruntukan daripada peruntukan projek kecil DUN Hulu Kelang tidak mencukupi agar dibekalkan beberapa lagi *two wheels bin* ke kampung-kampung ini agar akan dapat digantikan dengan sistem kutipan sampah terbuka *leach bin* dan tidak mesra alam itu.

Kemudian saya ingin juga menyentuh tentang pembangunan kampung baru. Di Hulu Klang, satu kampung baru Cina iaitu Kampung Kuala Ampang adalah satu kawasan yang terkenal tetapi kampung itu mempunyai satu pasar yang sudah uzur dan sudah lama. Sudah usang dan tidak sesuai dengan keadaan pembangunan sekitar dan pembangunan yang berlaku di kampung itu sendiri. Dengan itu saya sudah membuat permohonan melalui Geran Selangorku kepada EXCO kampung baru untuk membuat satu sama ada pembaik pulih naik taraf pasar baru, pasar kampung baru itu ataupun

buat semula. Dan pihak MPAJ dengan kerjasama Pejabat Daerah Gombak telah membuat kiraan dan telah mengusulkan dan sehingga ini belum ada jawapan lagi daripada pihak EXCO kepada saya secara muktamad dan pihak Kerajaan Negeri. Jadi saya ingin agar satu keputusan dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri untuk membolehkan sama ada pembinaan atau penaiktarafan pasar baru di Kampung Kuala Ampang.

Kemudian Tuan Speaker, saya ingin menyentuh tentang PK 3, perbandaran. 3 sudut akan saya sentuh di sini. Pertamanya dewan orang ramai. Dari segi penyeliaan dewan orang ramai, ada peraturan khususnya di PBT kawasan saya, MPAJ mengatakan pembaikpulihan dewan-dewan orang ramai di DUN Hulu Kelang kalau kosnya melebihi RM1,000.00 hendaklah dibuat permohonan. Kalau tidak maka ditanggung sendiri oleh penduduk ataupun komuniti ataupun Adun. Tetapi prosedur ini tidak diguna pakai cara teratur kerana ada permohonan-permohonan yang saya telah kemukakan pada MPAJ yang tidak mendapat tindak balas yang segera. Jadi saya ingin memohon memandangkan ada peruntukan RM500,00.00 bagi tahun 2013 dewan orang ramai. Satu peruntukan khusus disalurkan ke MPAJ khususnya di DUN Hulu Kelang untuk membolehkan dewan-dewan orang ramai yang banyak dibina yang meriah dipakai oleh komuniti pada hari ini di naik taraf dan dibaiki cara yang sederhana.

Kemudian kemudahan awam. PK 3 Kod 10030 No.3 kemudahan awam peruntukan RM2 juta. Saya juga mentafsirkan kemudahan awam ini sebagai dewan serba guna. Dewan serba guna kalau di kawasan saya di MPAJ ni berbanding dengan Majlis-majlis Perbandaran lain tidak setaraf. Keadaannya agak buruk agak tidak ceria, usang dan tidak nampak mesra pada pengguna. Di DUN Hulu Kelang ada 2 dewan serba guna MPAJ, AU 5 dan AU 2. AU 2 boleh dikatakan memadai, sederhana tetapi boleh di naik taraf. Tetapi AU 5 amat daif. Sedangkan permohonan penduduk untuk kenduri kahwin, majlis-majlis keraian dan sebagainya amat baik. Jadi saya ingin memohon agar sebahagian daripada peruntukan RM2 juta ini disalurkan. Dalam pentafsiran saya kumpulan awam adalah untuk penyeliaan dewan serba guna.

Kemudian Kerajaan Tempatan. Satu sudut lagi Kerajaan Tempatan peruntukkan RM3 juta. Saya ingin kepastian kali ini bahawa satu jadual, satu program mencantas pokok, memotong pokok lapuk, pokok sudah, pokok reput dan sebagainya diadakan di DUN saya melalui MPAJ. Kerana ini adalah kehendak rakyat yang menghadapi masalah pokok yang dianggap bahaya oleh mereka dan saya sendiri sudah membuat beberapa permohonan dan tidak mendapat tindakan yang sewajarnya. Jadi saya mohon pihak kerajaan agar memantau, agar satu penjadualan program mencantas pokok-pokok rimbun, pokok-pokok tinggi, pokok-pokok yang berbahaya dapat dilaksanakan di DUN Hulu Klang melalui MPAJ. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih diucapkan kepada Tuan Speaker dan saya ingin masuk terus ke dalam perbahasan saya. Kampung Tunku ingin mengambil perhatian terhadap perkara pembangunan luar bandar di mana sebanyak RM5 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan kampung baru dan RM4 juta lagi untuk penyelenggaraan jalan-jalan kampung. Kampung Tunku ingin menyarankan kepada Kerajaan Negeri supaya memberi tumpuan terhadap beberapa kampung yang tidak berada di bawah pentadbiran PBT. Terdapat banyak kampung seperti ini. Salah satu contohnya adalah Kampung Menyorok, Kampung Menyorok di Batang Kali Daerah Hulu Selangor. Saya difahamkan kampung ini walaupun kecil tetapi ianya tidak terletak di bawah PBT iaitu Majlis Daerah Hulu Selangor dan ianya haruslah diberi perhatian dalam peruntukan ini supaya infrastruktur asas seperti jalan dapat dipertingkatkan.

Selain itu saya juga ingin meminta kerajaan memberi perhatian kepada kampung baru yang ada aktiviti-aktiviti perindustrian. Salah satu contoh ialah Kampung Baru Sungai Buloh. Kampung Baru Sungai Buloh merupakan satu kampung yang memang terkenal dengan industri-industri perabot. Dan industri, aktiviti industri yang ada barangkali adalah industri yang mungkin besar, dalam saiz yang besar. Jadi saya berharap kerajaan juga dapat memberi perhatian kepada kampung-kampung seperti ini supaya mereka yang menjalankan aktiviti perindustrian ini mungkin sebahagiannya masih lagi harap tetapi kita cuba mengusahakan sesuatu untuk mempertingkatkan jalan-jalan di kampung ini.

Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil perhatian terhadap perkara dewan orang ramai di bawah Pecahan Kepala 3 perbandaran 10030 perbandaran 01 dewan orang ramai. Sebanyak RM500,000.00 diperuntukkan untuk tujuan ini dan saya ingin meminta kerajaan memberi perhatian sehingga sekarang masih ada lagi dewan orang ramai ataupun balai raya yang dibina atas tanah kerajaan, tanah negeri atau tanah lapang di mana dewan-dewan ini masih belum diambil alih sepenuhnya. Dan salah satu bentuk ataupun jenis atau kategori dewan ini adalah dewan yang di *occupied* oleh Rukun Tetangga. Rukun Tetangga adalah di bawah Jabatan Perpaduan Nasional, di bawah Kementerian Persekutuan tetapi ada juga dewan di kawasan saya yang diuruskan oleh Rukun Tetangga tetapi tanahnya atas tanah kerajaan dan masih belum diserahkan. Walaupun kerajaan tempatan, Majlis Bandar Raya Petaling telah berkali-kali meminta, memesan dan sehingga mereka terpaksa mengunci tetapi mangga Majlis di rosak dan dibuka. Jadi saya rasa perkara ini harus diberi perhatian contohnya Dewan Respons di Sungai Way, Kampung Baru Sungai Way yang dapat satu lagi balai raya sebelah dewan respons ini digunakan sebagai Tadika Kemas. Saya rasa tak ada masalah untuk dewan-dewan yang diduduki atas tanah kerajaan ini dijadikan sebagai Tadika Kemas asalkan ia memberi panduan ataupun perkhidmatan kepada masyarakat setempat. Tetapi apa yang penting adalah pengurusannya haruslah betul. Kalau tanah

itu kerajaan, maka ianya harus diambil balik. Dan saya minta EXCO yang berkenaan untuk memesan, menegaskan supaya tanah ini perlu diambil balik oleh Pejabat Tanah ataupun oleh PBT.

Satu perkara ialah tentang perbandaran iaitu perkara tentang CCTV di mana kerajaan memperuntukkan RM6 juta untuk tujuan ini. Dan saya ada satu nasihat kepada kerajaan iaitu kita tidak boleh anggap CCTV sebagai satu-satunya cara penyelesaian untuk menyelesaikan, mengurangkan kegiatan jenayah kerana apa yang lebih penting ialah ini adalah satu peralatan. Tetapi peranan yang dimainkan oleh polis adalah sangat-sangat penting. Dan kita juga harus beringat apabila kita menawarkan kontrak ataupun tender untuk projek CCTV ini, kita harus memastikan *all the hidden cost* yang tidak memihak kepada Kerajaan Negeri dengan izin harus dikesan dan dibatalkan. Kerana selalunya sebelum ini kerajaan banyak menandatangani perjanjian kontrak ataupun perjanjian yang tidak memihak kepada Kerajaan Negeri. Contohnya, kita perlu membayar kos-kos tertentu untuk perkara-perkara yang tidak munasabah. Ataupun tempoh kontrak itu terlampau panjang. Mungkin 10 atau 20 tahun. Dan kita harus mengambil iktibar daripada perkara ini dan memastikan kita mendapat CCTV dengan *value for money*.

Saya juga ingin menyentuh tentang perpustakaan Tuan Speaker. Di mana kerajaan hanya memperuntukkan RM50,000.00 sahaja untuk perpustakaan. Untuk kelengkapan dan koleksi. Saya berpendapat ini adalah terlalu sedikit. Kalau kita nak buat perpustakaan, pada pendapat saya fokus yang pertama adalah terhadap koleksi buku yang kita ada tu. Bukannya bangunan dan sebagainya. Walaupun bangunan sudah ada, tapi apa yang penting adalah *software*, adalah buku koleksi buku itu. Saya rasa RM50,000.00 ini adalah terlalu sedikit dan saya juga menyarankan kepada kerajaan menambah koleksi-koleksi buku dalam Bahasa Cina dan Bahasa Tamil supaya rakan-rakan bukan Melayu juga dapat mendapat manfaat daripada perpustakaan-perpustakaan yang kita uruskan ini.

Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang bantuan Sekolah Agama, Cina dan Tamil. Dan untuk tahun depan, kita memperuntukkan RM16 juta kepada sekolah-sekolah ini. Saya ingin membawa satu cadangan baru iaitu kita, Kerajaan Negeri Selangor memang telah melakukan sesuatu yang cukup cemerlang dengan memberi bantuan kepada sekolah-sekolah ini dan selama ini dilupakan ataupun dipinggirkan oleh Kerajaan Persekutuan. Saya juga mencadangkan supaya bantuan diberi kepada sekolah-sekolah seperti *Chinese Conforming School* yang digelar sebagai Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK). Di Negeri Selangor, kita hanya ada 4 sahaja. SMJK seperti iaitu SMJK Catholic Petaling Jaya, SMJK Kwang Hwa Klang, SMJK Yok Kuan Sekinchan dan SMJK Yu Hwa Kajang. Saya bercadang

TUAN SPEAKER : Ada lagi, SMJK Chung Hwa Klang.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Chung Hwa? Oh, maafkan saya. Mungkin statistik saya tak berapa lengkap tetapi kalau tambah lagi masuk ni ada 5, Tuan Speaker. 5 sekolah dan saya rasa mungkin kita boleh memikir bagaimana kita dapat memberi bantuan kepada mereka kerana sekolah-sekolah ini adalah sekolah bantuan modal. Iaitu mereka atau tanah mereka ini sebenarnya diuruskan ataupun dimiliki oleh Lembaga Pengelola. Tetapi mereka mendapat sebahagian sahaja bantuan daripada Kerajaan Persekutuan. Dan kalau sekolah-sekolah ini hendak mempertingkatkan aktiviti-aktiviti pembangunannya, misalannya fizikal, pembangunan fizikal, nak buat dewan, bilik darjah, kantin dan sebagainya, mereka perlu mendapatkan sumbangan daripada masyarakat umum. Jadi saya berasa mungkin kerajaan boleh berfikir untuk membantu sekolah-sekolah SMJK ini.

Satu lagi perkara ialah tentang penyelenggaraan dan baik pulih lif rumah pangsa kos rendah sebanyak RM2 juta diperuntukkan. Ini adalah usaha murni daripada Kerajaan Negeri Selangor sejak tahun lalu kalau saya tak silap. Saranan saya ialah apabila program ini dijalankan di kawasan saya terdapat sedikit masalah iaitu masalah pemilihan kontraktor. Kontraktor yang dipilih, dia ada masalah komunikasi dengan syarikat ataupun syarikat kerajaan yang menguruskan projek ini. Di mana kontraktor mengingot mereka akan mendapat bayaran secara berperingkat. Tetapi pada hakikatnya, kerajaan hanya akan bayar selepas semua diselesaikan. Jadi saya rasa ini adalah satu masalah komunikasi yang telah terlepas pandang semasa kita menawarkan kontrak ini dan kualiti kontraktor yang dipilih untuk projek ini di kawasan saya, saya rasa *questionable*. Dan memang tidak boleh diterima dan saya berharap Kerajaan Negeri Selangor dapat menilai kembali kontraktor-kontraktor yang bersesuaian untuk menjalan program ini dan lebih baik lagi kalau kerajaan dapat menubuhkan satu, saya tak pasti apa bentuk *setup*. Mempunyai satu badan ataupun satu *setup* yang boleh memusatkan pengurusan dan baik pulih rumah pangsa kos rendah ini untuk mengurangkan kos. Daripada kerajaan tender lif, penyelenggaraan lif, baik pulih lif di sesuatu kawasan atau daerah PBT secara berasingan kepada kontraktor-kontraktor kita dapat kumpulkannya bersama dan kita dapat menjimatkan kos.

Dan Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang projek khas negeri. Pecahan Kepala 15 Kod 10150 01 Taska SUK. Dalam Buku Bajet ini diperuntukkan hanya RM10 sahaja untuk Taska SUK ini. Dan saya rasa ini adalah sesuatu yang saya rasa agak terkilan kerana apabila kita bercadang untuk memperkasakan wanita dan membolehkan kakitangan awam wanita di SUK ini dapat menjalankan tugas mereka dengan baik dan kita hanya memperuntukkan RM10 sahaja untuk Taska SUK ini. Saya rasa Kerajaan Negeri haruslah menjadikan SUK ini sebagai satu *role model* kepada jabatan-jabatan kerajaan yang lain, kepada syarikat-syarikat swasta yang lain. Dan

kalau kita boleh mengadakan satu taska di sini, saya rasa golongan kakitangan awam kaum wanita yang bertugas di SUK ini mereka akan dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih efisien.

Satu lagi perkara Tuan Speaker, juga di bawah P 01 iaitu pecahan kepala 20, Merakyatkan Ekonomi Selangor. Di mana Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan RM10.00 untuk pemberian air percuma. RM10.00 untuk program pemberian air percuma tetapi pada masa yang sama kita memperuntukkan RM78 juta untuk projek bekalan air. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri apakah pemikiran kerajaan apabila hanya RM10.00 diperuntukkan untuk program air percuma. Manakala RM78 juta diperuntukkan untuk projek bekalan air pada tahun 2013. adakah kita menjangkakan bahawa kita akan melakukan sesuatu yang lebih baik apabila kita menang di Putrajaya nanti ataupun akan menang. Saya tak pasti. Saya ingin bertanya kepada kerajaan apakah pemikiran di sebalik ini? *What's the strategy?*

Dan juga untuk Jabatan Kerja Raya Tuan Speaker, ada juga perkara-perkara yang saya ingin bangkitkan. Pertama ialah Pecahan Kepala 3, membina jalan iaitu 09 membina jalan dari Seksyen 436.5 Laluan Persekutuan 1 ke Jalan Rasah, Bukit Beruntung. Walaupun seperti apa yang dinyatakan oleh Dato' Menteri Besar tadi bahawa mengikut perlembagaan, peruntukan untuk pembinaan jalan tidak lagi diperuntukkan dalam bajet ataupun belanjawan. Tapi saya rasa kita harus lihat apa cara yang kita dapat lakukan untuk meningkatkan ataupun menaik taraf jalan-jalan seperti yang saya nyatakan di sini iaitu jalan dari Pekan Rasah ke Bukit Beruntung. Jalan ini merupakan satu jalan yang sibuk dan ianya perlulah di selenggara, di naik taraf dari semasa ke semasa. Dan jalan ini saya sering kali menggunakan jalan ini. Ianya merupakan satu jalan yang kekurangan lampu jalan dan ini saya rasa adalah amat berbahaya kepada pengguna-pengguna jalan raya khususnya pada waktu malam. Terdapat juga lampu-lampu jalan yang rosak sepanjang jalan ini dan saya berharap JKR Selangor khususnya JKR Daerah Hulu Selangor dapat memberi perhatian terhadap jalan ini kerana pada pendapat saya ini adalah satu, salah satu jalan yang agak sibuk yang sedang penggunaannya adalah semakin meningkat berikutan dengan pembangunan yang bakal kita rancang di Bukit Beruntung.

Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang Jabatan Perairan dan Saliran iaitu di bawah pecahan kepala menaik taraf sistem saliran 05 projek naik taraf sistem saliran di Sungai Selangor sebanyak RM250,000.00 dan juga 10030 program pengurusan lembangan sungai di bawah Kod 20, menaik taraf benteng dan tebing sungai. 01 penstabilan dan pengukuhan tebing pelbagai daerah diperuntukkan RM1.5 juta. Terdapat aduan daripada penduduk di Batang Kali tentang, tentang kerja-kerja penaik tarafan benteng dan tebing sungai di Sungai Batang Kali. Kalau kita masih ingat lagi, tempat ini pernah berlaku satu insiden banjir. Banjir kilat saya rasa, pada bulan 5 atau 6 dan semasa itu terdapat Tan Sri Dato' Menteri Besar juga pernah turun ke Batang

Kali untuk menyampaikan bantuan. Saya ingin memesan kepada Kerajaan Negeri Selangor bahawa sebenarnya Sungai Batang Kali ini, benteng Sungai Batang Kali khususnya di bahagian sungai yang berdekatan dengan kedai-kedai MDHS di Jalan B 113. Tinjauan yang saya dapati ialah ia sudah lama tidak di naik taraf dan bentengnya sudah terhakis dan sudah rosak lama. Dan benteng ini sebenarnya terletak, kedai itu terletak amat dekat dengan Sungai Batang Kali. Dan apabila benteng telah rosak, bila banjir berlaku ataupun hujan turun dengan lebat maka kedai-kedai ini kena air sungai ini. Jadi saya rasa, saya berharap Kerajaan Negeri Selangor dapat membantu dan memantau perkara ini dengan sebaik-baiknya dan dengan itu saya memohon untuk menyokong. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih Tuan Speaker. Bangi berdiri untuk bercakap tentang P 12 Jabatan Kerja Raya yang mempunyai peruntukan RM59,600,720.00 juga berkait dengan B12.

TUAN SPEAKER: P. P 12.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : P 12. Sebagaimana maklum, Bangi sebagai bandar baru yang sedang berkembang amat memerlukan kepada infrastruktur khususnya dari segi jalan raya. Tapi Bangi sebagai jiran dengan Putrajaya memang kalau nak dibandingkan jauh amat ketinggalan dari segi infrastruktur. Bukan sahaja selesa tetapi bermasalah. Misalnya Kajang Utama, sebuah taman yang dulunya selesa untuk pergi mari ke Kajang tetapi apabila dibangunkan jalan SILK, Pekan Kajang Utama ni telah dibelah 2 dan terasing sebahagian besarnya daripada nak ke Kajang dan juga ke tempat lain terpaksa melalui lencongan jalan memerlukan 10km pergi balikhlah. Kalau nak balik. Pada hal tempat yang nak pergi di depan sahaja, depan di sebelah kanan tetapi terpaksa lencong. So, 10,000 penduduk terasing dan hartanah mereka turun dan apabila hendak dibuat jalan SILK itu kita telah memohon dulu supaya dibuat sama ada terowong atau *flyover* tetapi tidak diendahkan. Kalau pada masa itu dibuat kosnya tidak berapa tinggi. Tetapi apabila Dato' Seri Samy Velu datang merasmikan jalan SILK itu pada tahun 2004 beliau berjanji akan membina *flyover*. Dia kata selepas daripada perasmian itu, 6 bulan akan dibina tetapi sehingga sekarang janji ini tidak ditepati. Dalam sebulan lebih kita telah menunjuk perasaan, sebulan lebih yang lepas. Tapi tak ada apa dia ni kesan dari segi sama ada nak dibuat atau tidak *flyover* tu walaupun *test, testing* dia punya tanah telah dibuat jalan untuk *flyover* tetapi masih belum dibuat. So, ertinya penduduk di Kajang Utama masih lagi terkepunglah, terkurung, terpaksa melalui jalan lencongan ke atas atau ke bawah memakan masa dan juga jarak sebanyak sepuluh kilometer. Pembangunan Kajang 2 yang sebenar juga bersebelahan dengan Kajang Utama juga tidak ada jalan keluar. Setakat ni melalui jalan kereta api atau pergi ke jalan Kajang Utama yang terpaksa melalui jalan lencong

tadi. So apa dia ni kita harap janji untuk didirikan *flyover* antara Kajang 2 ke Bandar Baru Bangi yang juga akan turun ke jalan untuk ke Pekan Bangi dan juga untuk ke Kajang segera dibuat. Adalah dijanjikan bahawa jalan ini akan dibuat oleh pihak pemaju ia ini terutama Metro Kajang bersama dengan syarikat-syarikat kecil yang lain tetapi masing-masing tunggu dan lihat supaya apa dia ni...terutama Metro, dia yang syarikat besar sepatut dia yang memulai tetapi masih tidak memulainya. Dua minggu lepas kami satu pasukan telah membuat lawatan dan ditunjukkan tempat ni jalan-jalan dan apa dia ni...kabel elektrik akan dipindahkan tapi entah bila akan dibuat kita tidak pasti. Begitu juga Sg. Tangkas sebenarnya bersebelah pula apa dia ni Kajang 2 ni. Tempat ni amat penting daripada asal kampung telah berkembang maju di mana di situ didirikan umpannya Malaysian German Institute, satu institusi pengajian antarabangsa yang telah didirikan di situ ada pejabat KWSP, peringkat pusat didirikan di situ dan juga taman-taman universiti ya macam-macam, Taman Cerdik, Taman Bijaksana, taman apa sebelah sana tapi cerdik pun tersekat juga. Setakat ini jalan keluarnya melalui terowong kereta api juga yang mana dia kadang-kadang kalau musim kalau tengkujuh terowong ni menjadi semacam saluran air, banjir yang cepat segera berlaku. So, setakat kita maklum bahawa di sini juga akan dibuat jalan lencongan *flyover* yang akan turun untuk ke UKM, ke Bangi dan Pekan Bangi tetapi kita tidak mengetahui bila jalan ini akan dibuat tetapi kita harap supaya tempat-tempat penting tadi mempunyai jalan keluar yang lebih sempurna. Juga berdekatan di sini ada stesen kereta api antara stesen kereta api Kajang dengan kereta api Bangi yang dijanjikan antara dua tempat ni akan dihubungkan ke apa dia ni...tempat apa dia...stesen bas yang penting di situ. So kita harap dikatakan di situ tiga puluh ekar tanah kereta api untuk tempat *parking*. Kita harap tempat ni akan di *develope* kan dengan segera supaya kemudahan lalu lintas akan dapat disalurkan melalui kereta api, bas...stesen bas kerana MRT dikatakan tidak akan sampai dekat ni, dia akan sampai ke Kajang sahaja. So untuk pergi ke MRT nanti bergantung kepada, apa dia ni, bas kereta api ya. So kita harap supaya jalan ini dapat segera disempurnakan. Di samping itu kalau kita lihat di pekan Bangi, ni bukan Bandar Baru Bangi, Pekan Bangi, juga turut membangun kerana membangunnya umpamanya Bandar Sri Putra, Bukit Mahkota dan juga adanya apa ni jalan LKAS Kajang - Seremban yang sekarang sedang dibina jejambat antara jalan LKAS ini ke jalan, apa dia ni, ke pekan Bangi dan juga ke Bandar Sri Putra dan Bukit Mahkota. So apa dia ni...kita mempunyai dua jalan. Jalan ini tak apalah, sedang dibina yang kita fahamkan lebih daripada dua puluh juta, tetapi ada satu lagi jalan utama yang digunakan untuk menghubungkan antara pekan Bangi dan Sri Putra. Jalan ini dianggap sebagai jalan tak bertuan. Maksud tak bertuan ni jalan ni dibuat oleh kerana kepentingan nak menghubungkan Sri Putra dan Pekan Bangi digunakan tanah milik persendirian yang dibenarkan untuk digunakan. Tapi bila siap jalan ni pihak JKR mengatakan ini bukan jalan dia. MPKJ pun kata ini bukan jalan dia. Memang bukan jalan dia, jalan milik persendirian tetapi sudah jadi jalan utama yang menghubungkan antara pekan Bangi

dengan Sri Putra. Kalau kita nak pergi jalan yang baru dia yang buat ni orang akan memilih jalan yang lama ni kerana lebih dekat. Oleh kerana tidak ada pemilikan jalan ni rosak ADUN terpaksa guna sebahagian daripada duit dia untuk membaiki jalan ni. Jadi ini memakan peruntukkan yang besar yang sepatutnya ADUN tidak menggunakan duit dia. Tapi oleh kerana jalan ni rosak kita guna juga dengan secara kerjasama, gotong-royong dan sebagainya. Alhamdulillah jalan ni agak tahan jugalah walaupun sudah lama digunakan. Pokoknya kita nak supaya jalan ni diambil alih sama ada oleh pihak MPKJ ataupun jalan raya sendiri supaya jalan ini ditingkatkan. Memang ada jambatan sudah sempurna tetapi jalan tidak sempurna. Kalau perlu diambil alih milik tanah milik persendirian untuk kegunaan orang awam ni supaya dia menjadi jalan milik kerajaan supaya tidak lagi jadi apa dia ni jalan tidak bertuan. Jalan ada tapi tak ada mengaku, kalau mengaku dia terpaksa tanggung kos dari segi pembaikan dan sebagainya.

Selain daripada itu, selain daripada apa ni dua,dua jalan tadi kita juga,apa dia ni, kita juga nak bangkitkan tentang Bandar Impian Putra di Sri Putra yang berhampiran dengan Bangi. Syarikat ini dikatakan syarikat anak kepada syarikat PKNS yang membangunkan Bandar Impian Putra tu ya. Tetapi apa dia ni, infrastrukturnya tidak diberi perhatian. Jalan tidak dibaiki, naik semak samun dan sebagainya kerana bersambung dengan jalan tidak bertuan tadi. So, ADUN Bangi juga terpaksa mengeluarkan bajet sebahagian daripada peruntukkan ni, membuat apa dia ni gotong-royong dua tiga bulan sekali kerana tidak diberi perhatian oleh pihak syarikat yang berkenaan, yang mendirikan perumahan yang.....

TUAN SPEAKER : Y.B.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE B. ABU BAKAR : Ya....

TUAN SPEAKER : Ini sepatutnya dibawa dalam pembekalan

Y.B. TUAN DR. SHAFIE B. ABU BAKAR : Aaa...ya...tak apalah sambungan daripada yang tadi...ya...So benda ni kita berharap perlu jalan ini di....apa....diambil alih lah oleh pihak berkenaan. Kemudian Bangi juga ingin menyebut sebagai tambahan pihak PKNS dan juga MPKJ kita telah menuntut supaya di Bandar Baru Bangi ini sebagai Bandar Ilmulah. Didirikan *Convention Centre* lah. Dah lama dah dipohon ni dan janjinya sudah banyak kali janji. Katanya tapak dah ada.

TUAN SPEAKER : Ini pun patutnya pembekalan.....

Y.B. TUAN DR. SHAFIE B. ABU BAKAR : Ialah, tak apalah tu,sebut je So kita haraplah Insya-Allah *convention centre* ni boleh didirikan untuk pelbagai guna, untuk penduduk di Bangi iaitu di tepi Tasik Cempaka. Kalau siap tu memang cantik duduk di tepi Tasik Cempaka di tempat apa ni, *centre* bagi Bandar Baru Bangi di seksyen

9....aa...di seksyen 9. So kita harap supaya segera dapat dibangunkan *convention centre* yang apa dia ni...yang dijanjikan itu. Itu saja, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ya, Kajang

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih Tuan Speaker. Kajang ingin nak mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan dengan belanjawan berkaitan dengan Bahagian P....Pembangunan. Dan....

TUAN SPEAKER : Ini bukan belanjawan lagi, ini usul.....

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Usul....usul pembangunan iaitu pertama Kajang ingin merujuk pada muka surat 146, PK1 Perkhidmatan Masyarakat, Butiran 100 Kod 02 berkaitan dengan Rumah Ibadat Bukan Islam. Laporan yang diberi oleh pihak, oleh Y.B. Exco tempo hari lalu iaitu kelulusan tanah tapak untuk Rumah Ibadat Bukan Islam sebanyak dua puluh lima keping sudah diwartakan. Tapi kelulusan yang diluluskan oleh pihak Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam adalah lebih daripada dua ratus keping tanah. Dan Kajang mendapati memang ada julat yang agak besar, agak julat yang besar dan ...masalah ini seharusnya diteliti dan kenapa perkara ini berlaku kerana ia terlibat dengan masalah sekiranya mereka ni tidak ada tapak maka permohonan mereka untuk peruntukkan daripada kerajaan juga menjadi satu masalah. Sumbangan peruntukkan sebanyak tiga juta setiap tahun daripada kerajaan nampaknya tidak mencukupi. Dan ia memang dalam tahun ini walaupun peruntukkan diberi hampir enam juta tapi masih begitu banyak lagi yang tidak diberitahu, tidak akan dapat peruntukkan. Jadi ini satu masalah yang kita hadapi. Dan juga berkaitan dengan masalah pengagihan. Pengagihan peruntukkan sumbangan kepada Rumah Ibadat Bukan Islam memang didapati kekurangan dari segi garis panduan. Dan kriteria-kriteria untuk pemberian peruntukkan ini memang menjadi satu masalah pertikaian. Dan, kita meminta kerajaan meneliti perkara sebegini.

Yang kedua Kajang merujuk pada muka surat 149, PK4, Kod Butiran 10040, iaitu Adat Melayu dan Warisan Selangor. Kajang Mendapati laporan yang dibekalkan memang aktiviti dan program PADAT memang kurang dari segi kepelbagaian. Dari segi aktiviti dan program lebih tertumpu kepada adat Melayu dan juga warisan-warisan Melayu. Dan Kajang ingin tahu, ya, apakah masalah yang dihadapi, sama ada keanggotaan dalam Lembaga AdatPADAT adakah sama ada terdiri daripada kepelbagaian kaum di mana anggota yang bukan Melayu dapat menyumbang dalam Jawatankuasa PADAT ini.

Dan ketiganya Kajang ingin merujuk pada muka surat 152, PK 7, Sosial ya.....yang Sosial Kod 40 iaitu Belia dan Sukan. Kajang mendapati gelanggang-gelanggang untuk sukan-sukan yang khas seperti *roller blades*, *roller skating*, *skate board*, *rock climbing* dan juga sukan untuk OKU amat kekurangan. Dan Kajang bercadang...ya...setiap

daerah atau PBT diwujudkan satu gelanggang untuk sukan-sukan yangaa...yang khas ini. Iaitu misalnya di dalam DUN Kajang didapati memang ada satu gelanggang *roller blades* di Kg. Sg. Kantan. Tapi masalah di situ adalah kerana peralatan dan juga pelengkapan semuanya rosak dan di tapaknya memang berlubang dan amat bahaya kepada khasnya belia-belia yang menggunakan gelanggang ini. Jadi Kajang bercadang ya, setiap satu daerah ataupun PBT memang dibekalkan dengan gelanggang sebegitu supaya anak-anak muda yang nak main peralatan ini tidak kekurangan dari segi kemudahan dan perlengkapan.

Pada PK7 Sosial yang sama Kod 10070 iaitu Pembangunan Orang Asli. Kajang mendapati memang seperti wanita kumpulan orang asli ini memang merupakan mereka yang kurang komuniti yang kurang kompetitif, daya persaingan dalam Negeri Selangor ini. Maka seperti masyarakat kumpulan wanita memang program-program *affirmative* bantuan khas patut diberi kepada orang asli juga. Pada sekarang kita nampak ada satu jabatan bawah Kerajaan Pusat iaitu Jabatan Kemajuan Orang Asli yang dulunya Jabatan Hal-ehwal Orang Asli diwujudkan tapi masalah memang kita nampak dari segi bantuan jabatan ini kepada orang asli masih agak jauh daripada sepatutnya. Jadi Kajang bercadang kerajaan negeri dapat memantau Jabatan Kemajuan Orang Asli ini dengan lebih rapi supaya bantuan-bantuan atau kerja-kerja termasuk budaya, sosio ekonomi dan pendidikan orang asli dapat dijaga dengan baiknya.

TUAN SPEAKER: Y.B., boleh sambung petang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Baik, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli Y.B. sekalian, jam sudah menunjukkan 1.00 tengah hari, maka saya tangguhkan Dewan sehingga pukul 2.30. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER : Dewan di sambung semula. Dipersilakan Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih, Tuan Speaker. Kajang ingin nak sambung Perbahasan dan Usul.

TUAN SPEAKER : 10 minit lagi.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Ya.

TUAN SPEAKER : Ada 10 minit lagi.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : 10 minit lagi, terima kasih. Baik Kajang ingin sambung berkaitan dengan Kod 10070 yang sama iaitu Pembangunan Orang Asli. Oleh kerana kelemahan yang kita dapati pada Jabatan Kemajuan Orang Asli di bawah Kerajaan Pusat dan maka Kajang mencadangkan pihak Kerajaan Negeri juga harus wujudkan satu jawatankuasa atau pun *task force* untuk memantau masalah yang dihadapi oleh Masyarakat Orang Asli di dalam Selangor ini. Dan pemantauan ini juga melibat bukan sahaja dari segi budaya, sosial ekonomi, pendidikan dan juga pemantauan dari segi amanah khususnya di beberapa komuniti Orang Asli di mana wang tabung amanah ini memang di uruskan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli di mana Kerajaan Negeri tidak dapat akses dan juga mengetahui keadaan dan juga memantau pembayaran kepada Orang Asli. Jadi kedua-dua tabung ini di Bukit Lanjan dan Bukit Cherakah, Kajang cadangkan pemantauan yang rapi dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Bawah P.K. 7 – Sosial yang sama Butiran 30 berkaitan dengan pembangunan wanita.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Pengerusi, boleh tanya Kajang.

TUAN SPEAKER : Ya, Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Kena ini soalan, terima kasih Tuan Speaker. Kita dapati Kajang ini memang pejuang orang asal. Kita ini ucap tahniah tapi Bangi nak tanya setakat ini adakah orang-orang asal telah diberi hak milik hartanah kerana mereka ini tidak diberi hak milik, saya ingat ini lebih penting daripada aspek-aspek yang lain. Terima kasih kepada Bangi. Bangi tanya pada Kerajaanlah bukan tanya pada Kajang. Berkaitan dengan pembangunan wanita Kajang mendapati program-program yang

termaktub dalam Rancangan Pembangunan Wanita atau pun Program-program Pemberdayaan, Pemberdayaan Wanita hanya memberi fokus kepada wanita desa dan pembangunan dari segi teknik-teknik dan juga membolehkan mereka berdikari. Selain daripada program sebegitu Kajang bercadang di negeri yang maju seperti di Selangor ini kita harus meletakkan satu *benchmark* membawa wanita di Negeri Selangor ke satu tahap yang lebih tinggi. Baik dari peringkat Nasional mahupun *international* di mana kita boleh anjurkan program-program Antarabangsa dan juga Nasional untuk memanfaatkan wanita kerana golongan wanita di dalam Selangor memang begitu ramai yang terlibat dalam sektor-sektor swasta dan juga NGO-NGO yang memberi perhatian dan prihatin terhadap masalah dan isu wanita sejagat. Kajang ingin merujuk kepada muka surat 155 P.K. 10 – Butiran 10100 berkaitan dengan Pelancongan. Di bawah Kerajaan Negeri tertubuhnya satu Syarikat TSSB anak Syarikat Negeri di mana kita nampak ada masalah yang dihadapi oleh Syarikat ini. Syarikat ini memang....

TUAN SPEAKER: TSSB ini sepatutnya dibahaskan masa B01 lagi.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Ini di bawah Pembangunan Pelancongan.

TUAN SPEAKER: Tapi masalah kalau masalah TSSB patut B01. Ini khusus pada Pembangunan Pelancongan promosi. Ya, dia bahagian promosi, bahagian promosi. Oleh kerana bahagian promosi banyak bukan sahaja TSSB tapi di PBT-PBT itu di jabatan bawah PBT Sosial dan Kemasyarakatan. Dia memang tidak ada tugas khas bawah Pelancongan maka masalah yang dihadapi adalah antara PBT-PBT dia tidak ada koordinasi maka PBT ini promosikan tempat-tempat pelancongan dia sendiri yang sebelah lagi walaupun dia sebelah sempadan tapi dia promosikan dia sendiri. Tidak ada koordinasi maka dicadangkan TSSB harus dikaji semula sama ada dia wujud sebagai satu Syarikat atau Lembaga Pelancongan di mana mungkin ada pegawai koordinasi antara zon-zon dalam negeri. Dato' Speaker Kajang ingin merujuk kepada muka surat 4, P.12 – JKR. Kajang memang dapati di kawasan DUN Kajang ada masalah yang begitu lama tak di selesai oleh pihak JKR di mana didapati di bawah Jejantas yang menghubungkan Pekan Kajang ke Sungai Chua iaitu di bawah jejantas kereta api Jalan Hishamuddin ke Sungai Chua terdapat satu *culvert* dan *sump* yang di bawah jalan raya ini yang sentiasa tersumbat dan juga kecil ia merupakan satu *bottleneck* dengan izin bagi larian air dari dua-dua belah jalan ini dan ini telah menyebabkan banjir setempat di Taman Cendana di sebelah di jalan raya ini dan setiap kali hujan walau pun tak begitu lebat dan ia memang membanjirkan tempat itu. Jadi Kajang meminta JKR meneliti masalah ini dan juga menanganinya dan menyelesaikan masalah *bottleneck* ini. Perkara yang kedua berkaitan adalah jambatan di Jalan Bukit, di Pekan Kajang. Kajang ucap terima kasih kepada Kerajaan yang memberi peruntukan untuk membina semula merobohkan jabatan menghubungi pasar ke

sebelah Medan Penjaja di a jambatan ini memang di bawah paras air kini sudah di roboh dan dibina baru dalam pembinaan ia telah membantu mengurangkan kerap banjir di Kajang. Tetapi jambatan Jalan Bukit yang merupakan sebahagian pada jagaan JKR *beam* jambatan ini juga pada paras yang agak rendah dan berharap pihak JKR meneliti dan menyelesaikan masalah untuk mengelakkan banjir di Sungai Jelok dan dapat pihak JPS menyelenggarakan kerja-kerja naik taraf di Sungai Jelok ini. Dan satu lagi masalah berkaitan dengan JKR adalah Jalan Keluar daripada Taman Prima Saujana memang pada Rancangan Tempatan memang adanya satu jalan bawah jalan Kajang *by-pass* iaitu satu terowong di bawah untuk laluan kereta tapi memang ini tidak dibina dan masalah sekarang adalah penduduk-penduduk yang begitu ramai jadi Prima Saujana ini apabila mereka keluar mereka kena guna jalan di Taman yang lain menyebabkan kesesakan yang amat teruk di Taman Sri Jenaris dan Sungai Kantan dan ini menjadi satu masalah yang begitu lama dan kita berharap pihak Kerajaan dapat mempertimbangkan satu persimpangan bertingkat iaitu *flyover* di simpang keluar Prima Saujana ke Kajang *by-pass* dan ini adalah beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Kajang dan Kajang berharap Kerajaan dapat memberi pertimbangan dan memberi peruntukan yang sewajarnya untuk menyelesaikan masalah ini. Sekian, sahaja terima kasih.

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM : Tuan Speaker,

TUAN SPEAKER : Kota Alam Shah.

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM : Terima kasih, Tuan Speaker saya ringkas sahaja. Saya ingin mengambil bahagian dalam Usul ini dan ingin menyentuh kepada P.12 muka surat 403 berhubung dengan Jalan-jalan Menaiktaraf Jalan. Tuan Speaker, saya ingin menyentuh tentang Menaiktaraf Jalan adalah satu perkara yang penting bagi seluruh Negeri Selangor sebab ia boleh menaikkan taraf hidup rakyat di Negeri Selangor. Sebab sebaik sahaja rakyat keluar dari rumah mereka, mereka bertemu dengan jalan raya. So jalan-jalan di hadapan rumah mereka banyak yang tidak di naik taraf dengan baik tapi saya ingin menyentuh kepada P.12 – Jabatan Kerja Raya di mana menaik taraf jalan-jalan di Daerah Klang secara keseluruhan disentuh, disebut tetapi tidak menyentuh secara *specific* apakah jalan-jalan yang akan di naik taraf oleh Jabatan Kerja Raya di Daerah Klang. Jalan-jalan di kawasan lain disebut secara mendalam dan secara terperinci tetapi bagi seluruh Daerah Klang tidak disebut. Saya percaya banyak jalan-jalan di Daerah Klang adalah di bawah Kerajaan Negeri bukan di bawah Jabatan Kerja Raya. So saya harap pihak Jabatan Kerja Raya diberitahu Kerajaan memberitahu mereka secara *specific* secara khusus menyebut jalan-jalan yang akan mereka menaik taraf dengan bajet sebanyak RM20 juta yang di peruntukan bagi projek menaik taraf jalan dan saya harap sebab di Daerah Klang adalah satu

kawasan Pelancongan dan juga satu pintu masuk ke Pelabuhan Klang, Pelabuhan yang terbesar di Pelabuhan utama bagi Malaysia jalan-jalan yang menuju ke Pelabuhan Klang dan jalan-jalan yang menuju ke kawasan-kawasan pelancongan banyak jalan-jalan adalah di bawah Jabatan Kerja Raya tanpa menyebut dengan mendalam apakah jalan-jalan yang mereka akan menaik taraf mungkin mengakibatkan unsur-unsur rasuah, unsur-unsur tidak membuat kerja atau pun unsur-unsur yang boleh menyebabkan mereka mengatakan sudah di naik taraf tapi sebenarnya tidak di naik taraf. Dan saya harap pada masa hadapan dalam bajet-bajet yang akan dibentangkan di masa hadapan P.12 ini khususnya Jabatan Kerja Raya menyebut dengan *specific* jalan-jalan tersebut. Itu sahaja, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Maaf Tuan Speaker. Badan kurang sihat banyak minum sikit. Terima kasih Tuan Speaker oleh sebab Kota Alam Shah terlalu pendek saya juga ingin mengambil bahagian dalam Perbahasan B.12 Peruntukan Usul Peruntukan Pembangunan 2013 yang berjumlah RM633 juta ini. Kita sedia maklum selama ini sudah 4 tahun setengah pihak PBT, pihak PBT, Pihak Berkuasa Tempatan kalau kita pantau daripada semua aspek termasuk perkhidmatan, termasuk proses permohonan dan sebagainya seluruhnya dan secara keseluruhan ada meningkat, ada meningkat tetapi masih ada PBT, PBT tertentu yang tidak mencapai sasaran tersebut dan di sini saya ingin mengungkit satu perkara di mana baru-baru ini di Majlis Bandaraya Shah Alam di mana satu peraturan dikenakan terhadap rumah-rumah kesihatan, kesihatan di Rumah Refleksologiurut kaki, urut badan dan sebagainya di mana lesen-lesen baru saya sudah dimaklumkan tidak dikeluarkan EXCO sudah jawab lesen baru kita dalam Pakatan Rakyat tidak dikeluarkan. Tetapi apa yang hendak saya nyatakan di sini ialah lesen-lesen yang dahulunya sudah diluluskan sejak 2008 kurang 10 ke 16 angkanya lesen-lesen tersebut dan lesen-lesen tersebut setiap tahun diberi kelulusan untuk dibaharui lesen-lesen tersebut jadi tiada masalah. Dan saya menyokong sekiranya pemilik-pemilik pengusaha-pengusaha melakukan kesalahan, melakukan kerja-kerja yang tidak sihat walaupun dia pusat kesihatan tapi melakukan kerja yang kurang sihat maka diambilkannya tindakan dan dibatalkan lesen itu tiada masalah, kita memperjuangkan untuk itu. Tetapi kalau pengusaha-pengusaha yang genius yang betul-betul menjalankan kerja dengan baik perniagaan yang baik wajib kita bagi pembaharuan ini sepatutnya PBT kena bantu pengusaha-pengusaha bukan menyusahkan penguasa-penguasa. Apabila saya bahas di Dewan tempoh hari mengatakan mereka cuba untuk membatalkan tetapi dalam mesyuarat terbaru kita luluskan. Tetapi dengan syarat lesen akan diperbaharui bukan mereka buat kerja-kerja yang tidak sihat tidak lesen akan diperbaharui tetapi sesiapa urut-urut kaki Refleksologi yang ada di tingkat 1 mesti turun tingkat bawah mesti disyaratkan mesti turun tidak boleh di tingkat atas dulu diluluskan di

tingkat atas 3, 4 tahun dahulu sekarang kena turun di tingkat bawah ia dari segi pelaksanaan kita nampak ok tiada masalah tetapi bagi pengusaha ini satu bebanan kepada mereka kerana apa dari tingkat 1 hendak turun ke tingkat 2 kena buat *renovation* ubah suai bukan RM20,000.00 bukan RM30,000.00 mungkin RM50,000.00 atau RM100,000.00 tapi dengan syarat ini kita tidak begitu prihatin ambil kisah sangat kita laksanakan mungkin dengan niat jahat tetapi mungkin tersasul memikirkan perkara ini akhirnya kita wajibkan tindakan sedemikian mereka kena turun dan saya terima banyak aduan mereka mengatakan apa Kerajaan Negeri ini kita membuat kerja baik pun kita menyusahkan sebab kita terpaksa menggunakan kos tambahan untuk membuat *renovation* dan sebagainya. Maka dengan itu dalam konteks ini kita kena ambil sikap prihatin dan memudahkan membantu bagi mereka yang menjalankan aktiviti kalau mereka menjalankan aktiviti yang sihat kalau mereka menjalankan aktiviti kurang sihat saman mereka tutup atau batal lesen itu sahaja saya tiada masalah. Tapi nasihat jangan kita menyusahkan mereka ini sepatutnya tidak ada pada PBT-PBT mana-mana pun di seluruhnya di Negeri Selangor ini kita kena satu dasar yang sedemikian ya.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat ini seluruh ucapan tadi sepatutnya di bawah B.5

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ok. Ya seluruhnya ok saya pusing balik, balik ke landasan yang asal. Ya seluruhnya pusing balik lah. Ya, dan ada satu perkara yang ingin saya bangkitkan berkenaan dengan MBI kita, iaitu MBI di bawah Geran Selangorku di mana saya ingin mengucapkan tahniah kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar atas kegigihan kehebatan beliau bersama pimpinannya telah berjaya duit daripada hutang TALAM dulunya hangus, lebur waktu Barisan Nasional yang tinggal Jeram hampir lebur juga. Ya. Duit itu hilang waktu zaman mereka tapi sekarang kita kutip RM392 juta kita kutip dan kita berjaya mengambil balik dituduh macam-macam KKB nya, Kuala Kubu nya, Sungai Pelek nya, dengan kertas putih nya dan hitam orangnya dah tak ada dah, dah terkabur dah tak apa biarlah mereka tak ada, tuduh macam-macam tapi hakikatnya kita sudah masukkan duit dalam akaun MBI dan RM300 juta peruntukkan untuk Geran Selangorku dan ini satu kejayaan Kerajaan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun hasrat kerajaan menubuhkan Geran Selangorku ini saya difahamkan adalah untuk memudahkan mempercepatkan projek-projek yang dinyatakan dalam infra khususnya membantu ADUN-ADUN, membantu semua wakil rakyat mempercepatkan projek-projek di kawasan masing-masing dan ini satu percubaan di dalam Geran Selangorku. Walau bagaimanapun saya nampak Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya muliakan MBI ini ada beberapa kelemahan yang saya nampak kerana tujuan bumi kerajaan tubuhkan MBI tubuhkan Geran Selangorku RM300 juta bantu mempercepatkan projek mempercepatkan prosesnya tidak mahu lambat tidak mahu ada banyaknya birokrasi

kita tidak perlu ada birokrasi dah cerita kelulusan 3 bulan lagi belum 4 bulan lagi belum kita kurangkan dalam matlamat asal MBI tetapi apa yang saya nampak dalam pemantau saya melalui BBC saya nampak apa pegawai-pegawai yang ditugaskan dalam MBI mereka menjalankan tugas sambil lewa dan ada juga mengambil sikap mereka tidak mesra sombong sikit angkuh khususnya berdepan dengan ADUN-ADUN. Seolah-olah mereka ini nampak siapanya ini ADUN saya hanya bertanggungjawab kepada Menteri Besar sahaja yang ADUN ini saya tidak berapa tak payah saya nampak begitu kalau sikap sedemikian ADUN-ADUN semua yang rasa tersinggung saya mahu minta sikap sedemikian mesti diubah kerana ADUN mewakili rakyat datang bukan meminta seperti yang dikatakan melutut di tepi gantang melutut di tepi gantang tidak kami ini menyatakan suara rakyat kawasan-kawasan di DUN di mana ianya perlu dinaikkan taraf infra arcanya dan sebagainya kami panjangkan supaya perkara tersebut dapat diambil perhatian dan dilaksanakan demi kebajikan dan kesejahteraan rakyat bukan kesejahteraan poket ADUN-ADUN ini penting. Saya hendak tegaskan Sekinchan saya bukan hendak bermusuh dengan dia tidak tapi perkara ini kisah benar berlaku ramai ADUN tersinggung dengan sikap sombonglah, angkuhlah, birokrasi lebih banyak seolah-olah Geran Selangorku RM300 juta ini pegawai-pegawai yang *in case* ini seolah-olah mereka ini Menteri Besar sebab RM300 juta ini kalau dibanding di Negeri Sembilan, Perlis ini satu negeri besar boleh jadi Menteri Besar cuma Ahli Exco saya bukan hendak marah-marah Y.A.B. Dato' Menteri Besar tapi saya hendak memberi tahu Y.A.B. Dato' Menteri Besar mungkin Y.A.B. Dato' Menteri Besar terlepas pandang perkara ini dan ADUN di bawah dalam keadaan terseksa dan tertekan dengan keadaan sedemikian saya mahu hubungan dengan ADUN dengan MBI sering kali kita mengadakan taklimat, persefahaman mana pembangunan yang kita *submit* itu tidak berapa betul tolong betulkan dengan cara yang baik sopan bagi tunjuk bukan *you* kenapa *you* tidak pergi sana tak pergi sini seolah-olah kita di kebudak-budakan hal ini, ini yang berlaku rasa hormat tidak ada. Adalah pegawai-pegawai yang saya hendak sebut pun tahulah MB boleh cek sendirilah saya tak nak sebut tapi MB cek sendirilah apa yang berlaku di keliling kita tidak mahu kebohongan ini ya atas sikap mereka tak berapa nak hormat ADUN dan mereka tidak beri kerjasama yang sepatutnya akhirnya telah membantutkan usaha bumi kerajaan. Saya mendapat *figure* daripada Y.A.B. Dato' Menteri Besar mengatakan belanja keseluruhan Geran Selangorku setakat ini semua tajuk tidak sampai 30% walau intra lebihlah tapi keseluruhannya tidak cukup tidak lebih daripada 30%. Maka dengan itu Tuan Speaker saya minta Y.A.B. kena ambil perhatianlah dalam perkara ini pegawai-pegawai mana, mana yang tidak elok kita tegur ini sikap Kerajaan Pakatan Rakyat, Pembangkang sapu tanah 1 Malaysia (SATIM) kita tegur tidak betul kita sapu, sapu sampai tiga empat oranglah kena sapu semua tapi kerajaan kita adalah kelemahan dan sebagainya wajib juga kita bertanggungjawab untuk beri teguran.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Minta penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya. Ok.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tahniah nampaknya Sekinchan boleh berucap terus masuk kawan-kawan Sekinchan daripada Kubu Bharu dan Sungai Pelek. Cuma saya hendak bertanya Sekinchan risau tak takut-takutlah wang yang kita kumpul sekian lama ini bila sekiranya walaupun nampaknya kita masih kukuh tapi takut bila Barisan Nasional sekiranya mereka mengambil alih akan hilangkan terus wang tersebut.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Seri Setia. Ya itu saya juga kluatir kalau tersilap mereka ADUN ini habis mereka habis hancur lebur tapi berkat doa kita bekerja kuat rakyat akan menilai rakyat bagi mandat baru kepada kerajaan Pakatan Rakyat tuan puan.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Tuan Speaker mengikut Peraturan 36(6) seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa yang lain, so sama ada kita menang esok wang itu ada ke tak ada itu satu sangkaan andaian yang jahat itulah rupa orang Pakatan Rakyat.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat semua ambil kesempatan sebab sangkaan jahat itu adalah ke atas orang ahli dia bukan merujuk kepada KKB jadi tidak ada sangkaan jahat.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Dia ada sebut KKB tadi.

TUAN SPEAKER : Ya. Dia sebut KKB pada permulaan bila dia kata sapu wang dia tidak rujuk kepada KKB. Ya.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : KKB dia masuk dia kata KKB.

TUAN SPEAKER : Kalau sebut KKB sahaja sangka jahat itu susahlah ya Yang Berhormat kena fahamlah baca betul-betul ya. Baik sila.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker. Rumusan saya mudah sahaja siapa yang makan cili dia terasa pedas. Yang seterusnya saya menyatakan dalam soal MBI ini soal Geran Selangorku kita kena memperbaiki kelewatan itu lambat kita mahu apabila kita tidak melalui UPEN tapi kalau melalui MBI melalui geran kelajuannya kurang sama gear 2, gear 3 sahaja lebih kurang 50 km UPEN pun 50 km macam itu saya rasa tidak afektif sepatutnya MBI masuk gear 120 lebih kurang AES

boleh ambil sahaja 120 km laju tapi ini lebih kurang UPEN ini yang menjadi masalah. Ini yang saya kena tegur perkara ini walaupun saya rasa perkara ini sudah lama dalam hati kita orang ADUN-ADUN semua tapi sudah sampai masanya melalui Dewan yang mulia ini supaya kita boleh bertambah baik. Pakatan Rakyat ini lain kita telus, kita teguh sama ada di pihak kerajaan pun kita teguh. Saya harap kerajaan kena ambil perhatian *serius* jangan ambil lagi dengar lepas telinga kanan masuk telinga kiri keluar minggu depan apabila permohonan dan sebagainya ADUN tetap dilayan tidak dipandang makin kita sebut makin ini ADUN tidak boleh pakai makin di dendam di cap hitam saya kluatir juga macam itu. Tapi saya hendak bersuara untuk rakyat tapi takut MB ini Sekinchan tak payahlah atau kalau MB tidak MB lebih prihatin dan tokoh korporat yang tengok benda secara keseluruhan menyeluruhnya dari semua aspek takut pegawai-pegawainya nanti cop hitam Sekinchan pula jadi masalah. Sahaja hendak ampu tapi saya sahaja nyatakan hakikat yang sebenar. Saya harap bantulah ADUN-ADUN perincian Geran Selangorku ini supaya harapan rakyat pembangunan di kawasan-kawasan dapat dipercepatkan dinaiktarafkan, ditingkatkan. Saya yakin sekarang ini rakyat di Negeri Selangor nampak keikhlasan kita kebijaksanaan Y.A.B. Dato' Menteri Besar dalam urus tadbir kerajaan khususnya pentadbir kewangan jadi melalui duit yang kita kutip Kuala Kubu KKB itu yang kata duit kita lesap lah macam-macam duit kita dalam kertas putih sekarang ini masuklah tak apa. Tapi sampai sekarang saya hendak tanya lagi kesempatan yang ada saya hendak cabar bila lagi sampai kapan kita hendak tunggu kertas putih NFC dari Chua Tee Yong itu daripada anak Presiden MCA mahu cari angpau. Sampai bila

TUAN SPEAKER : Dah bukan pembangunan lagi. Kalau tanya itu tak apalah jangan kita buang masa

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Dia sebut NFC kertas putih

TUAN SPEAKER : Kubu Baharu janganlah cukuplah dah saya tegur Sekinchan. Saya tak nak NFC lagi ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Kita malam-malam di KFC saja. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : TALAM pun dah lepas ya jangan ada TALAM.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : TALAM pun tak ada. Sekejap lagi isu selesai. Jadi kalau buruk tak sabarlah tak apalah perkara dah lepas. Jadi saya harap satu perkara saya nyatakan tentang hak-hak OKU inilah Orang Kurang Upaya kita sedia maklum selama ini hak kebajikan OKU.

TUAN SPEAKER : Ini di bawah mana ini. Di bawah P mana ini.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ok saya cuma baru hendak nyatakan suara hati OKU ini walau bagaimanapun saya rasa setakat ini cukuplah. OKU akan saya bawa datangnya. Terima kasihlah Tuan Speaker dan juga Y.A.B. Menteri Besar.

TUAN SPEAKER : Saya minta Yang Berhormat ya fokus ya. Pada usul pembangunan. Ya ada lagi. Ya saya membenarkan perbahasan sehingga 3.30 jadi saya benarkan 2 orang lagi 15 minit setiap orang. Sila.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya ingin menarik perhatian Dewan dalam usul pembangunan ini di bawah kod P.1 sehingga ke P.20, dirangkumkan ke semuanya dan saya nak sebut sepintas lalu. Pertama sekali saya ingin merujuk kepada yang melibatkan Jabatan Kerja Raya di bawah P.12. Di mana kalau dilihat kepada pelbagai program-program rancangan yang diatitkan yang melibatkan kos yang agak besar sekitar RM26 juta bagi tahun 2013, antaranya ialah memasang lampu jalan dan juga lampu-lampu isyarat di seluruh Negeri Selangor pada muka surat 397. Saya perhatikan dan dalam keadaan kita pada hari ini menghadapi musim tengkujuh, ya kalau kita lihat kebanyakan jalan-jalan yang ada di Negeri Selangor secara realitinya memang menghadapi kesukaran-kesukaran ataupun lopak-lopak air yang agak membahayakan kesihatan. Justeru itu saya ingin menyeru supaya jalan-jalan yang sudah lebih awal dipohon, yang dicadang untuk dipasangkan lampu jalan khususnya pada waktu malam dan juga lampu-lampu isyarat dan saya ingin mengambil contoh bagaimana permohonan yang dikemukakan pada tahun ini, awal tahun ini di Jalan Kebun Tambahan, di Kampung Jalan Kebun lampu isyaratnya belum lagi dipasang dan begitu juga di Jalan Kebun Tambahan, lampu di kiri dan kanan yang sepatutnya dijanjikan oleh Jabatan Kerja Raya Daerah Klang melalui surat jawapan yang diberikan akan siap pada 31 Julai 2012 tetapi sampai ke hari ini sama seperti jambatan ke-3 di Klang, usahkan jambatan, tiangnya pun belum wujud. Jadi saya menyeru kepada semua terutama Kerajaan Negeri dan Jabatan Kerja Raya di peringkat negeri dan daerah di seluruh kawasan Negeri Selangor melihat balik mungkin ada beberapa permohonan yang sebelum ini yang tidak dimasukkan sama seperti yang disebut oleh Dato' Menteri Besar bahawa tidak ada jalan yang ditunjukkan dalam daerah Klang walaupun saya pernah memohon pada tahun 2008 dan 2009. Tidak ada. Padahal itu adalah jalan yang berlaku kesesakan yang paling teruk dalam daerah Klang, jalan yang menghubungkan pusat bandar Klang melalui Kampung Jawa, daripada Bulatan Batu 5 ataupun daripada Batu 2 sampai ke Bulatan Batu 5 seterusnya sampai ke Batu 8 di Taman Sri Muda. Justeru itu Tuan Speaker, saya ingin menyeru kepada Kerajaan Negeri untuk meneliti semula walaupun kita sudah ada perancangan

untuk menaik taraf jalan, kemudian lampu isyarat dan sebagainya tapi ada kemungkinan jalan-jalan yang lebih kritikal perlu dimasukkan ataupun diberikan keutamaan bagi mengelakkan keadaan ini menjadi lebih teruk.

Seperkara lagi yang ingin saya bangkitkan adalah berkenaan dengan P.20 – Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor di mana saya bersetuju dengan Sekinchan di mana dalam perancangan kita, kita berhasrat menggunakan RM300 juta bagi projek Geran Selangorku dan sehingga ke hari ini hanya infrastruktur sahaja yang hampir mencecah 100% digunakan. Persoalan yang ingin saya bawakan ialah berkenaan dengan janji yang dibuat oleh Dato' Menteri Besar kepada saya dalam sidang Dewan Negeri yang lepas, di mana Dato' Menteri Besar berjanji untuk memberikan jawapan bertulis kepada 4 jalan yang sepatutnya diturap tetapi tidak diturap disebabkan pihak MBI yang mengendalikan hal ini sudah salah masuk ke kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Klang. Ya, jalan tersebut ialah Jalan Lombong Emas 3, Jalan Lombong Timah 3, dan Jalan Lombong Perak 1 dan Jalan Lombong Perak 2. Jadi dalam masa kita menunggu yang jalan itu apabila dia salah masuk daripada MPK nak dipindahkan masuk ke MBSA, ada pegawai-pegawai di MBI ini memaklumkan kepada Jabatan Kejuruteraan yang hadir dalam mesyuarat itu bahawa mereka tidak dapat memasukkan semula kerana MBSA sudah dapat jalan yang banyak. Ini tidak sepatutnya berlaku kerana permohonan ini adalah cadangan daripada Ketua Kampung, Ahli Majlis, daripada Pejabat DUN, Pejabat Ahli Parlimen yang kita rangkumkan bersama dan kita hantar kepada MBI. Jadi persoalan saya ialah, kenapa jalan ini yang sepatutnya sudah lama disiapkan pada bulan Julai yang lepas sampai sekarang ni menjadi keadaannya menjadi bertambah buruk? Saya mohon penjelasan Kerajaan Negeri dan untuk makluman Kerajaan Negeri, Jalan Lombong Emas 3 oleh kerana keadaannya waktu itu terlalu teruk, tak boleh lalu langsung, saya mohon jasa baik daripada Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor untuk turap dan alhamdulillah sebulan yang lepas, sebulan setengah yang lepas sudah diturap dan Jalan Lombong Timah 3 sudah pun diturap semalam oleh pihak JKR. Jadi yang permohonan kita melalui Geran Selangorku, kita tidak tahu apakah statusnya sehingga ke hari ini. Akhir sekali Dato' Speaker, Tuan Speaker, saya ingin membangkitkan tentang perkara yang melibatkan Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor. Saya ada membangkitkan isu-isu yang melibatkan kenapa sebenarnya berlaku kejadian banjir-banjir kilat di sekitar kawasan Klang, Petaling dan semalam di Gombak, dua hari lepas di Gombak. Saya perhatikan sepanjang pemantauan kita, penyelenggaraan yang dilakukan itu tidak memenuhi *standard* yang diperlukan. Ada ketikanya kalau dilakukan penyelenggaraan membersihkan parit-parit atau longkang, apa yang kelihatan ialah mereka, pihak kontraktor hanya mengorek rumput-rumput yang ada di permukaan tidak mengorek lumpur yang berada di dasar parit atau sungai dan ini mengakibatkan parit itu boleh bertahan sekitar 3 ke 4 minggu sahaja. Kemudian rumput itu akan bertaut kembali dan

akhirnya dia bercantum dan menyekat laluan air. Ini lah keadaan yang berlaku di Kampung Johan Setia. Walaupun dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah kita membangkitkan banyak kali sebelum kejadian banjir yang berlaku, 31 Oktober lepas, dua tiga minggu sebelum itu sudah diingatkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah supaya pembersihan parit, *maintenance* ini dilakukan, tetapi tidak dilakukan sepenuhnya hanya dilakukan sekadar separuh jalan dan kemudian hanya dikorek di bahagian permukaan. Inilah saya fikir yang menjadi tanda-tanda ataupun punca kepada kejadian banjir yang kerap berlaku sejak akhir-akhir ini dan saya mohon kepada Kerajaan Negeri melalui jawatankuasa yang dicadangkan untuk ditubuhkan, kaji betul-betul dan kita kena laksanakan tetapi kajian ini pun saya tidak mahu. Ya, saya tidak mahu terlalu lama kerana dalam Sidang Dewan ini saya sudah catatkan sudah dekat 15, 16 kali, Kerajaan Negeri nak buat kajian, nak buat kajian yang berkaitan dengan Kerajaan Tempatan nak buat kajian, yang berkaitan dengan Kerajaan Negeri nak buat kajian. Kita bukan kerajaan kajian, kita kerajaan yang mesti *deliver*, mesti mengambil tindakan kepada aduan-aduan yang dikemukakan oleh rakyat. Tuan Speaker itu sahaja daripada saya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih. *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Menteri Besar, kabinet Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan dan seluruh Dewan sekalian. Saya ingin membahaskan dalam usul pembangunan ini supaya kita boleh merujuk kepada beberapa perkara khususnya dalam Pelan Perancangan Belanjawan yang telah dibentangkan. Salah satu daripada aspek pembangunan yang harus diukur daripada sebuah negeri maju bukan hanya kepada kemajuan teknikal dan kemajuan fizikalnya tapi harus diukur dengan pembangunan-pembangunan sosial masyarakat secara keseluruhannya. Justeru dalam sidang ini saya cuba untuk memfokuskan ataupun dalam perbahasan ini saya akan memfokuskan kepada beberapa perkara, aspek-aspek pembangunan kebudayaan dan pembangunan belia dan sukan negeri supaya ia seiring dengan pembangunan fizikal serta kemajuan dan pembangunan Negeri Selangor. Terima kasih.

Yang pertamanya, perkara pertama yang ingin saya sentuh ialah tentang aspek pembangunan sukan dan belia Negeri Selangor. Selaku pembantu EXCO Sukan dan bertugas sehingga sekarang, saya dapat melihat pembangunan dan juga kegiatan sukan dan belia Negeri Selangor ini berkembang sangat rancak khususnya di peringkat akar umbi. Namun, sebagaimana masalah pembangunan sukan dan belia di seluruh Malaysia sebenarnya, ini bukan masalah di Negeri Selangor sahaja tetapi ini masalah budaya yang berkembang, kita mempunyai bakat yang sangat banyak di bawah tetapi saluran-saluran serta kemudahan-kemudahan yang kita ada itu masih lagi gagal untuk

mencapai dan disampaikan sehingga kita mampu melahirkan atlet-atlet yang lebih ramai. Namun begitu untuk rekod saya kira Negeri Selangor saya kira merupakan salah satu lagi di antara *power horse* dengan izin ataupun kuasa sukan yang masih lagi disegani walaupun kita masih lagi gagal untuk mempertahankan kejuaraan-kejuaraan SUKMA yang ada sebelum ini. Justeru, saya ingin rujuk kepada P.01 Pejabat Menteri Besar khususnya dalam khusus perkara 40 – Belia dan Sukan, yang menyumbangkan kira-kira RM5 juta untuk pembangunan sukan, SUKMA dan SUKSES. SUKSES biasanya dianjurkan berselang dengan SUKMA dan SUKSES biasanya dianjurkan ataupun Sukan Selangor dianjurkan untuk mengesan dan mengenal pasti bakat-bakat yang akan dibawa oleh Majlis Sukan Negeri Selangor dan Kerajaan Negeri Selangor, kontinjen Negeri Selangor untuk SUKMA. Namun begitu atas beberapa perubahan dasar pihak Kementerian Belia dan Sukan telah membawa SUKMA untuk dianjurkan pada saban tahun. Alhamdulillah walaupun kita masih lagi gagal untuk merebut tangga pertama, namun saya pasti setelah kita melalui beberapa buah beberapa kejohanan SUKMA 2008, 2010, 2011 dan 2012, insya-Allah yang akan datang, saya dapat melihat ada beberapa kelemahan yang segera perlu ditangani. Peruntukan RM5 juta yang ada pada tiap-tiap tahun yang diberikan kepada Majlis Sukan, biasanya digunakan mengikut formula yang ada sebelum ini iaitu memberikan dan menyerahkan kepada persatuan-persatuan sukan untuk mereka membangunkan aktiviti serta meningkatkan kualiti atlet mereka. Namun begitu apabila SUKMA menjelang tiba, barulah ada peruntukan tambahan untuk kegiatan SUKMA sedangkan sewajarnya peralatan dan kelengkapan mereka itu dapat di naik taraf pada masa sekarang. Saya ambil contoh ketika saya melawat kontinjen SUKMA pada Kejohanan SUKMA yang lalu di Negeri Pahang, beberapa atlet kita mempunyai skil dan bakat dan teknik-teknik yang agak setanding dan malahan mampu menggondol pingat emas dan pingat perak dan banyak pingat gangsa. Namun begitu mereka kekurangan tempat latihan, sebagai contoh atlet memanah. Kawasan latihan mereka itu kurang 100 meter sedangkan mereka perlu menyertai acara *recurve* ataupun *compound* pada jarak 100 meter dan bila tempat latihan itu 90 meter, ketepatan mereka pada tahap 90 meter je lah, masuk 100 meter dia dah senget, sasarannya tersasar. Jadi saya berharap kita dapat melihat perkara ini dengan lebih serius dan saya percaya pihak Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan sudah nampak benda ini dan kalau boleh pembangunan sukan itu termasuk acara basikal dan acara-acara lain dapat ditumpukan kerana sebelum ini kita boleh memungut emas yang banyak tetapi kita gagal disebabkan beberapa kelengkapan-kelengkapan atlet kita, kelengkapan seperti acara tinju dan sebagainya, kita masih lagi menggunakan kelengkapan tahun 98 dan sebagainya. Saya minta kalau boleh ditumpukan dan kemudahan-kemudahan ini ditingkatkan dan menukar sedikit formula daripada sebelum ini RM50,000 secara sama rata kepada seluruh persatuan-persatuan sebaliknya ditumpukan kepada persatuan-persatuan yang terlibat. Sebelum ini kita telah melakukan beberapa perubahan sedikit iaitu melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis

Sukan Daerah di kalangan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan. Alhamdulillah nampaknya daripada satu segi ada kebaikan daripada segi kemudahan awam dan sebagainya. Namun begitu saya kira ada perkara-perkara lain yang perlu ditambah nilai selepas beberapa tahun seperti menambah pegawai-pegawai dan sebagainya untuk memastikan kemudahan-kemudahan atlet ini dapat diselenggara di peringkat akar umbi seperti ada Majlis Sukan Daerah, seperti ada Majlis Sukan Sekolah-sekolah Sukan Daerah dan dapat dipantau dengan lebih baik dan saya kira dengan kedudukan kewangan Negeri saya kira ia bukan menjadi satu kekangan hanya formula dan pendekatan yang perlu kita tangani dengan lebih baik. Sambil saya tak nafikan ada sedikit khususnya selepas tahun 2008 ada sedikit apa ni ada sedikit anak tiri diberikan oleh Kerajaan Pusat khususnya dalam pembangunan sukan sebagai contoh; sukan renang, kita antara juara dan masih lagi merupakan juara keseluruhan sukan renang seluruh Malaysia dalam Sukan SUKMA tapi pusat kecemerlangan sukan renang tidak dibuat di Negeri Selangor. Begitu juga dengan sukan lumba basikal, satu ketika dulu Selangor merupakan penyumbang kepada atlet-atlet lumba basikal tetapi mungkin sebab Menteri datang daripada Terengganu, Pengarah Majlis Sukan Negara daripada Terengganu, semuanya dilonggok dan diletakkan di Negeri Terengganu di samping kita harus menilai jumlah peruntukan untuk sukan untuk Negeri Terengganu, saya kira jauh sekali ganda daripada peruntukan yang kita berikan. Bukan isu peruntukan sangat yang saya sebutkan di sini tetapi ialah bagaimana menyesuaikan agar peruntukan itu selari sesuai dengan kerajaan yang bertanggungjawab, yang berhemah dalam menguruskan acara dan menguruskan pembangunan sukan Negeri Selangor.

Keduanya tentang perpustakaan. Alhamdulillah selain daripada kita mempunyai perpustakaan negeri yang sangat cantik, kita juga ada banyak perpustakaan-perpustakaan dan juga kutubkhanah yang melingkari di seluruh Negeri Selangor. Namun begitu bangunan-bangunan ini tidak bererti kalau tidak diisi kerana sebahagian daripada perpustakaan-perpustakaan ini mempunyai satu jaringan perjalanan ataupun jalinan jalan raya yang agak buruk. Maksudnya tidak ada bas, tidak ada LRT sebahagian besarnya dan menyukarkan orang ramai turun. Namun begitu ia bukan harus menjadi kekangan, saya kira program-program pengisian kepada perpustakaan-perpustakaan itu harus ditambah nilai. Saya dah beberapa kali menyebutkan dalam Sidang Dewan ini kebanyakan acara-acara penggalakan ataupun galakan membaca kita ada sedikit berkembang 15 minit membaca dan sebagainya tapi itu masih tidak cukup. Bagi saya perlu ditambah acara-acara untuk menggalakkan orang-orang dewasa menyertai kegiatan perpustakaan tidak hanya ditumpu kepada anak-anak sekolah. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri baru melantik mungkin Dato' A. Samad Said sebagai Duta atau pun wakil Kebudayaan dan Seni dan Sastera Negeri. Kenapa tidak dibawa Dato' A. Samad Said untuk membincangkan karya-karya beliau seperti Salina dan sebagainya yang saya rasa turut menjadi rujukan kepada sekolah-sekolah

menengah itu khususnya di tingkatan enam (6) dan juga fakulti-fakulti seni sastera di samping membawa bakat-bakat baru agar pemikiran dan juga perkembangan kebudayaan masyarakat ini yang melibat pemikiran mereka dapat dikembangkan. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri ada inisiatif dalam beberapa bulan yang lalu menerbitkan buku ataupun mencetak buku Melayu dan Islam karangan Dr. Sidek Fadhil yang saya kira ada pandangan paradigma yang sangat terbuka dan melihat Islam dan Melayu itu daripada konteks yang lebih baik yang tidak melihat Islam daripada sudut yang tertutup, melihat jaringan sejarah kebudayaan Melayu dan Islam yang mampu membangunkan bukannya menguburkan atau pun menakutkan dan membunuh semangat orang lain. Saya kira karya-karya seperti adalah wajar diperkembangkan.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Minta laluan. Adakah Yang Berhormat Batu Caves setuju kalau kita mungkin hantar, Kerajaan Negeri menghantar buku tersebut untuk semua perwakilan Persidangan UMNO tahun ini.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Tak bolehlah, kita tak boleh taja UMNO nanti UMNO tuduh pula kita menaja UMNO, susah. Tapi saya setuju juga buku Yang Berhormat Seri Setia juga boleh dibawa untuk perbincangan di masa depan yang saya rasa buku-buku ini ada pandangan-pandangan, kalau yang tak setuju boleh dibincangkan secara ilmiah dan tidak membangkitkan *sentimen* dan sebagainya termasuk beberapa isu-isu, sebagai contoh isu *laikrahafiddin* yang dibangkitkan oleh Gombak Setia banyak kali di sini. Saya dapat lihat ia disebabkan ada kecemburuan dan ketakutan kepada perkara yang tidak wujud dan perkara-perkara ini diwujudkan disebabkan oleh kegelapan dan kegagalan kita mentakrif dan memahami ilmu sebagaimana yang sedia ada. Dr. Yusof Qhardawi sebagai contoh dalam bukunya *Kebangkitan Rakyat* yang diedarkan di sini karya oleh, diterjemah oleh Angkatan Belia Islam. Saya kira buku-buku seperti ini salah satunya boleh dikembangkan selain boleh menjadikan sebagai satu usaha pendemokrasian ilmu yang lebih baik kepada rakyat, maknanya rakyat, kita ada *platform*, kita ada kemudahan, kita ada peruntukan, kita ada Geran Selangorku lagi tambahan dan saya rasa inilah ruangan yang mungkin boleh diteroka dengan lebih banyak supaya kita boleh mengembangkan lagi kefahaman rakyat khususnya tentang demokrasi dan sebagainya untuk pembangunan rakyat.

Akhirnya berkenaan dengan Galeri Seni Shah Alam. Nampaknya tahun ini tidak ada peruntukkan khusus untuk Galeri Shah Alam walaupun saya kira ia adalah sebahagian satu daripada aset yang sepatutnya ditambah atau pun dapat ditingkatkan untuk kemahiran dan juga peningkatan kualiti seni anak-anak muda. Mengikut pengalaman yang lalu, daripada rekod-rekod yang lalu, sebenarnya dahulu Galeri Shah Alam membuka ruang dalam setahun ada 1 kali untuk anak-anak muda khususnya anak-

anak muda daripada Fakulti Seni Halus Universiti Teknologi MARA atau pun dulu yang dipanggil Institut Teknologi MARA (ITM) untuk mereka mempamerkan dan menunjukkan karya mereka. Saya kurang pasti adakah Galeri Shah Alam masih lagi menawarkan potongan atau pun menawarkan ruangan itu kepada anak-anak muda ini. Saya dapat melihat kalau Galeri Shah Alam ini betul-betul berkembang, kita boleh jadinya seperti Taman Ismail Marzuki di Indonesia di mana ia menjadi sebagai Pusat Perkumpulan Budayawan dan juga ahli ilmuwan seluruh Negara kita dan ini boleh mengembangkan lebih banyak lagi bukan sahaja pameran lukisan itu, bukan sahaja lukisan dan arca yang dipamerkan tetapi pemikiran di sebaliknya dikembangkan daripada laman *facebook* yang ada berkenaan dengan Galeri Shah Alam. Saya dapat lihat ada kemudahan-kemudahan untuk tayangan filem, ada kemudahan untuk bilik perbincangan dan sebagainya yang saya rasa belum sepenuhnya dapat digunakan atau pun digunakan dengan sebaik mungkin. Justeru saya kira walaupun ada peruntukan RM10.00 peringkat awal ini, ia boleh dikembang biak selepas ini dengan cadangan-cadangan tertentu dengan menggalakkan kepada anak-anak muda kita.

Saya memuji sedikit ruangan yang telah diberikan oleh *Tourism* atau pun Pelancongan yang telah memberi ruang kepada anak-anak perincian khususnya anak-anak muda untuk mengembangkan bakat mereka yang kadang-kadang agak agresif. Namun begitu kalau platform-platform yang sedia ada ini dikembangkan atau pun kita boleh mencari tempat yang lebih baik, saya rasa tempat di Shah Alam ini masih, walaupun tempatnya cantik, ruangnya cantik tetapi ia tidak secantik atau pun selengkap daripada segi kemudahan, jaringan jalan raya dan kemudahan pengangkutan yang sedia ada perlu ditambah bagi memastikan saya kira dengan ruangan kepada pelajar-pelajar universiti, penggiat-penggiat yang telah *senior*, seingat saya di Galeri Shah Alam ini apa yang dibuat oleh Kerajaan Negeri adalah satu program iaitu pameran kartun oleh ZUNA yang saya rasa dia sangat baik tapi bagi saya ia harus dikembangkan dengan lebih banyak, beri ruang kepada anak-anak muda kita, itu pun diterbitkan melalui Geran Selangorku dan saya harap di masa depan atau pun di masa tambahan bajet atau pun belanjawan yang akan datang kita boleh berikan satu peruntukan yang khusus untuk Galeri Seni Shah Alam ini atau pun Galeri Shah Alam ini dan memberi ruang, kita tak hendak memberi ruang *exclusive* kepada satu-satu pihak sahaja sebaliknya memberi ruang kepada ramai pihak untuk terlibat.

Akhir sekali apa yang ingin saya bangkitkan, kebetulan berkenaan dengan pembangunan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Kebetulan 2 hari lepas di Batu Caves berlaku banjir pada tarikh yang sama 3 tahun lepas ada banjir yang hampir sama besarnya dan saya kira usaha-usaha untuk menangani banjir ini harus ditangani bukan selepas banjir berlaku, sebaliknya harus ditangani dengan melihat kepada ramalan-ramalan yang telah sedia ada dan saya kira sudah sampai masanya untuk

Kerajaan Negeri memandangkan sampai masa baik di Klang, baik di Langat, baik di Dengkil sampailah di Gombak jumlah kerosakan yang ditanggung oleh rakyat adalah satu kerosakan yang sangat tinggi. Kajang juga banyak kali berlaku, jadi saya kira sudah pasti amalan tentang banjir ini patut di angkat atau pun disediakan satu sistem amaran banjir yang lebih baik, maknanya jika ada, ada, ada ramalan akan berlaku hujan pada kadar yang tinggi macam di Batu Caves jika kadar hujan lebih daripada 61, 62 milimeter maka banjir ada potensi besar berlaku saya tak tahu di Kajang dan sebagainya. Dan *alert* sistem ini ataupun sistem amaran ini yang saya rasa boleh diaplikasikan bila paras Sungai Selangor, saya tengok semalam di STAR, paras Sungai Selangor sudah melebihi paras bahaya dan sebagainya. Boleh dikeluarkan amaran-amaran dan kita tidak ada halangan daripada segi aliran maklumat ini, *twiter*, SMS, siren dan sebagainya. Saya agak sudah sampai masanya dan bila amaran itu telah keluar saya kira sudah sampai ada beri ruang kepada rakyat menyelamatkan paling tidak kelengkapan-kelengkapan asas dan dokumen-dokumen utama mereka seperti passport, kad pengenalan dan sebagainya yang banyak telah hanyut masuk ke Sungai Klang dan Sungai Selangor, Sungai Gombak sebelum ini dapat kita selamatkan supaya kehidupan rakyat dapat ditanggung. Jadi, saya kira untuk penebatan banjir ini bukan masalah sungai sahaja.....

TUAN SPEAKER: Masa sudah selesai.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: sekejap, tetapi kita selesaikan juga masalah manusia ini berhadapan dengan air sungai itu. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ya, Sungai Pelek, tinggal 6 minit ya.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: 6 minit?

TUAN SPEAKER: Ya.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Dato' Speaker. Enam minit rasa saya pun sudah cukup. Saya ingin merujuk kepada Vot P01 PK20 Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES), Kod Projek Butiran 10200 dan Butir-butir Tabung Warisan Anak Selangor. Dalam perbahasan saya memang ada pihak kerajaan dah bagi jawapan tetapi memang saya tidak puas hati terhadap jawapan yang di bagi oleh pihak kerajaan kerana saya menyifatkan bahawa setakat sampai hari ini, rasa saya gagal Projek Skim TAWAS ini. Jadi pihak kerajaan memang menafikan bahawa skim ini gagal, jadi saya menggunakan perkataan kurang sempurna di dalam Skim Tabung Warisan Anak Selangor ini. Saya memang mengemukakan bahawa dalam 2008 sehingga 2011 anak yang dilahirkan di Negeri Selangor 13,706 orang anak. Tetapi sehingga 31 Disember

tahun 2011 hanya setakat 60,970 orang sahaja didaftar. Apa yang dikatakan oleh pihak kerajaan mengatakan bahawa pihak JPN tidak kerjasama bahawa mengatakan adanya, konon adanya menteri yang memberi arahan kepada hospital, tak boleh layan dengan skim ini. Baik, sekarang saya nak kemukakan lagi satu data yang saya ada sampai setakat ini apa yang TAWAS buat sehingga hari ini. Mengikut apa yang saya dapat, anak-anak yang dilahirkan di Negeri Selangor perlu didaftar dan didaftar dalam bank supaya dapat mengeluarkan sijil simpanan tetap iaitu SST. Jadi setakat ini

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya,

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Minta mencelah.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Belum, belum *start* lagi nak tanya apa, duduk.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Okey

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Setakat 2008 sehingga hari ini saya bagi *figure* lepas itu boleh tanya Seri Setia. 2008 bilangan pendaftar Ahli TAWAS yang lulus 14,559 orang. Bilangan permohonan untuk mengeluarkan sijil SST dihantar ke bank, yang sudah dikeluarkan oleh bank sijil SST ini 10,207 orang, yang belum dikeluarkan sijil ini ada 2,478 orang. Bilangan ahli yang belum diproses, ini yang Sungai Pelek pertikaikan, yang belum diproses adalah 1,874 orang. Maksudnya campur orang yang belum diproses dengan yang belum keluarnya SST, jumlahnya adalah 4,350 orang, itu 2008. Itu masih boleh Sungai Pelek terima. Kita tengok pada 2009, 2009, 14,841 yang didaftar lulus, yang keluarkan SST hanya 9,021 orang, yang belum dikeluarkan 3,221 orang, yang belum diproses 2,599 orang, campur sijil yang belum dikeluarkan dengan yang belum diproses adalah 5,820. Kita ikut dengan 2010, 15,920 o.k. lulus didaftar, yang dapat sijil 2,655, yang tak dapat sijil 7,139 yang belum diproses angka ini. Semakin lama semakin naik tinggi, macam pasaran saham, naik 6,132.

Kita masuk ke tahun 2011, 15,646 didaftar lulus, SST yang dikeluarkan pada tahun ini pada tahun 2011 hanya 35 orang sahaja, 35 orang dan yang belum keluarkan SST 1,583 dan yang paling saya mempertikaikan adalah ini, yang belum diproses untuk mengeluarkan sijil SST 14,028 orang. Saya tak tahu pihak kerajaan mungkin bagi juga alasan apa yang disebutkan JPN tak bagi kerjasama, hospital tak bagi kerjasama kerana ada arahan, sekarang ini adalah TAWAS yang menguruskan bukan ada sangkut paut dengan Kerajaan Persekutuan dan tiada sangkut paut dengan apa-apa pun. Saya nak membuktikan di Dewan ini, bila kita tak dapat atau tak berjaya mencapai

sesuatu jangan kita menuduh orang, biar kita usahakan, tuduh dengan fakta yang tak betul, cakap dengan mulut yang kosong, ini bukan Sungai Pelek yang cakap tau, Yang Berhormat, ini adalah Ketua Audit Negara. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya. Masa sudah cukup. Baik. Sekarang saya minta Pihak Kerajaan untuk menggulung.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Saya ingin menjawab pertanyaan daripada Hulu Kelang tentang pasar pagi di Kg. Baru Ampang dan Kerajaan telah menerima komen dari Hulu Kelang untuk membina semula pasar pagi di Kg. Baru Ampang dan anggaran kos adalah sebanyak RM2.35 juta. Oleh kerana peruntukan daripada permohonan Kg. Baru hanya RM5 juta setiap tahun sahaja jadi kami mencadangkan supaya projek ini dipertimbangkan di bawah Geran Selangorku. Untuk menjawab soalan dari Kg. Tunku Kerajaan Negeri juga amat mengambil berat tentang industri di Kg. Baru khususnya di Kg. Baru Sg. Buloh dan beberapa projek menurap jalan akan diadakan tak lama lagi di Jalan Baru, Jalan Welfare, Jalan Kampung dan Jalan satu dan kita juga akan bina sebuah gelanggang bola keranjang di kampung tersebut dan untuk manfaat kilang-kilang di Kampung Baru Sg. Buloh, program pemutihan kilang telah diperkenalkan dan pelbagai insentif diberi untuk meringankan beban pemilik kilang dan pemilik tanah jadi dengan itu Kerajaan Negeri menyerulah kepada semua pengusaha kilang-kilang untuk memohon dan masuk ke program tersebut. Sekian.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker saya ingin bermula dengan Hulu Kelang. Hulu Kelang telah membangkitkan dengan isu-isu kemudahan asas di kawasan PBT dan Kampung. Sukacita saya ingin menjelaskan satu demi satu iaitu isu penebangan pokok berjadual. Sebenarnya Majlis Perbandaran Ampang Jaya telah memaklumkan bahawa pihak Majlis mempunyai inventori pokok serta pemotongan secara berkala. Walau bagaimanapun perlaksanaan akan dibuat mengikut keutamaan.

Isu penyelarasan Dewan Orang ramai dan Dewan Serbaguna di MPAJ. Pihak MPAJ memaklumkan bahawa terdapat 8 buah Dewan Serbaguna dan 110 Dewan Orang ramai. Pihak Majlis telah menyelenggara dewan-dewan tersebut dengan berbelanja sebanyak RM1.2 juta. Walau bagaimanapun peruntukan tersebut tidak mencukupi untuk menampung peruntukan untuk menyelenggara semua dewan-dewan tersebut. Peruntukan yang diperlukan untuk memperbaiki dan menceriakan dewan tersebut dianggarkan sebanyak RM8 juta. Usaha telah dibuat untuk cuba meminta memohon dana daripada Selangorku dan cadangan Hulu Kelang katakan *leach bin* digantikan dengan tong sampah yang lebih kecil. Cadangan ini adalah lebih baik. Sebenarnya pendekatan ini telah digunakan di beberapa kawasan yang lain, termasuk di Pandamaran dan nampaknya sangat berkesan dan saya akan meminta semua PBT di

Selangor khasnya di kawasan pasar kita cuba menggunakan pendekatan yang baru kerana kalau kita biarkan menggunakan *leach bin* apa yang berlaku ialah orang luar dari kawasan itu mereka suka datang pada waktu malam untuk membuat sampah di situ jadi akhirnya masalah ini nampak tidak dapat diselesaikan.

Kajang. Kajang ada bertanyakan walaupun Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak lebih daripada 200 bidang tanah diwartakan untuk rumah ibadat masing-masing, tetapi hanya ada 25 diwartakan. Perkara ini telah kami diberitahu dan nampaknya masalah-masalah mengapa kelewatan dan termasuk no. 1, kita kurang ada Juru Ukur yang mahir buat ukuran halus. Sebab itu sekarang Kerajaan memberitahu rumah ibadat yang dapat kelulusan kita minta selain JUPEM, mereka boleh juga meminta Juru Ukur di luar daripada JUPEM iaitu individu yang ada lesen untuk membuat kerja itu supaya mempercepatkan ukuran. Lagi satu saya rasa semua kita meminta Pejabat Tanah untuk memberi kerjasama. Mungkin ada kelewatan di peringkat di situ. Isu peruntukan untuk rumah ibadat yang dikatakan ada tetapi tidak cukup itu saya rasa kita akan terus berusaha selagi kita ada dana yang lebih selagi ditadbir urus dengan baik saya rasa dalam masa di hadapan kita dapatkan peruntukan rumah ibadat tetapi katakan kriteria yang sedia ada sekarang jelas perkara ini telah dibincangkan dan tahun hadapan kita ada kriteria yang lebih jelas dari apa ada sekarang.

Satu lagi isu, isu CCTV, saya rasa, CCTV kita telah memberi penjelasan yang secukupnya. Untuk Sekinchan, yang katakan di MBSA pengusaha-pengusaha yang sedia ada mengalami kesulitan apabila meminta, memohon membarui lesen itu. Saya rasa Sekinchan ada *point* lah. Saya sendiri akan menyiasat di MBSA satu keadilan dilaksanakan apabila memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha. Saya sangat setuju ini satu usaha pemantauan. Kalau pengusaha menjalankan kerjanya perniagaan dengan baik tidak ada sebab mengapa batalkan atau mengimposed dengan izin. Syarat yang tidak adil. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sila.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Yang Berhormat Pandamaran. Terima kasih. Berkenaan dengan syarat-syarat itu saya dimaklumkan sudah diterima akan dilaksanakan iaitu lesen boleh diperbaharui tetapi yang tingkat satu kena turun bawah. Ini kena pemantauan Yang Berhormat kena fokus perkara ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Saya akan menjawab Kg. Tunku. yang membangkitkan koleksi buku dikatakan hanya RM50,000.00 dan saya setuju dengan 100% dengan Kg. Tunku. Di mana *co-business* atau pun perkara asas di dalam sesebuah perpustakaan adalah koleksi dan mungkin disebutkan oleh Kg. Tunku bukan

koleksi sahaja, tetapi teknikal dan sebagainya adalah RM50,000.00. Untuk makluman Kg. Tunku sebelum ini, sebelum 2010 dan 2011, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor mendapat peruntukan daripada *federal* sebanyak RM1.2 juta setahun tetapi tahun 1212 ada dapat *direct grant* bukan daripada Perpustakaan Negara Malaysia tetapi Kementerian itu sendiri. Di mana kita mendapat RM3.7 juta untuk koleksi membeli buku-buku, ini yang kita dapat dan selain daripada itu alhamdulillah kita pada tahun lepas di mana kita dapat derma buku daripada MAIS berjumlah 1,414 naskhah nilai RM60,000.00, daripada Thomson Law Book 236 naskhah nilai buku sebanyak RM80,000.00, Borders 3,000 naskhah bernilai RM100,000.00 dan DYMM Tuanku Sultan Selangor sendiri telah pun menderma 1250 naskhah yang bernilai RM150,000.00 dan untuk makluman Kg. Tunku juga kita juga dalam proses mewujudkan satu Yayasan. Di mana Yayasan ini akan membukakan ruang untuk orang ramai dan orang korporat sebahagian PSR mereka boleh menderma koleksi-koleksi kepada perpustakaan. Jadi saya harap juga dengan apa yang telah dibawa oleh Kg. Tunku ini Pihak UPEN dan Perbendaharaan juga memahami prioriti yang memang pun telah diminta oleh perpustakaan.

Kedua yang disebutkan oleh Kg. Tunku tentang Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina. Untuk makluman Kg. Tunku, selama ini kita memang pun telah pun mendapatkan RM2 juta untuk Sekolah Menengah Cina. Kita memang hanya 4 Sekolah Menengah kita peruntukan 4 tahun ini. Semuanya adalah di Klang, Kg. Tunku. Batu Caves.....

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan. Sebenarnya isu ini Saya lihat sekolah-sekolah ini bantuan modal oleh Persekutuan, tetapi dari segi infrastruktur dari segi projek-projek pembangunan, pembangunan fizikal sekolah ini masih memerlukan bantuan dan *support* daripada orang ramai dan juga sekolah ini telah memberi sumbangan yang banyak pembangunan Negara. Saya juga seorang pelajar dari sekolah ini. Saya rasa sekolah ini ada juga keperluannya peruntukan sedikit sebanyak untuk membantu sekolah ini. Saya rasa tidak memerlukan banyak, mungkin kita peruntukan RM2 juta mungkin RM1 juta lagi untuk membiayai program-program pembangunan tertentu. Saya bercadang Kerajaan memberi perhatian yang serius permohonan saya ini.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BT. ALI : Terima kasih Kg. Tunku. Kita memberi RM4 juta untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Menengah RM2 juta, yang jumlahnya seperti yang saya sebutkan tadi itu. Tapi, apa yang disebutkan oleh Kg. Tunku kita doa, rezeki kita banyak kita boleh buat, bagi lagi, biar ramai orang yang boleh merasai. Untuk Batu Caves, di mana Batu Caves menyentuh tentang perpustakaan juga. Bukan yang bangunan sahaja yang cantik tapi perlu dihubungkan dan juga program pengisian. Memang kita telah menyusun pelbagai program untuk

menambahkan nilai fungsi ke perpustakaan itu, bukan sahaja tempat meminjam dan memulangkan buku dan juga memang daripada ilmuan-ilmuan kita telah melibatkan mungkin secara keci-kecilan tapi dalam program membaca, gerakan membaca kita di seluruh daerah, di seluruh Selangor ini kita telah pun menjemput, mula menjemput ilmuan-ilmuan ini. Dan sebenarnya Dato' Samad Said juga mengikuti program-program kita di dalam projek dalam program Jelajah Ilmuan dan kita biasanya bukan perpustakaan sahaja di mana konsep Kerajaan Negeri Selangor ialah kita melibatkan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan termasuklah pimpinan-pimpinan setempat, termasuklah belia dan sebagainya. Dan saya bersetuju di mana qariah-qariah yang bagus-bagus yang telah pun kita mula kongsi bersama dengan apa, dengan rakyat seperti Melayu dan Islam oleh Sidek Fadhil dan sebagainya dan saya akan melihat bagaimana Buku Salina boleh dibedah oleh Samad Said boleh dikongsi bersama untuk pelajar-pelajar kita. Dan seperti yang disebutkan oleh Batu Caves memang kita mahu rakyat Negeri Selangor ini berkemampuan, berkemahiran untuk berfikir secara *critical*, secara *analytical*, secara kreatif, secara *lateral* supaya kita boleh memahami antara satu sama lain dan kita melonjakkan lagi pembangunan yang mampan di Negeri Selangor ini. Inilah yang kita bawa dalam 2013 ini modul, modul intelek di dalam Program SPIES nanti. Insha-Allah. Jadi, terima kasih.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kajang dan juga Yang Berhormat Batu Caves yang membahaskan perbelanjaan pembangunan yang berkaitan dengan Belia dan Sukan dan juga Adat Melayu dan Warisan. Seperti yang kita sedia maklum bahawa peruntukan yang diberikan pada tahun hadapan, insya-Allah RM3.5 juta kepada belia. Kalau pada tahun ini RM3.3 juta dan kemudian bagi pembangunan sukan daripada RM4 juta pada tahun ini dinaikkan kepada RM5 juta. Saya tidak menafikan bahawa peruntukan atau pun kewangan ini adalah memainkan peranan yang cukup utama di dalam pembangunan sukan. Pun begitu saya kira gabungan daripada keseluruhan, daripada atlit, jurulatih, Majlis Sukan Negeri Selangor sendiri pegawai-pegawainya memainkan peranan yang cukup penting dalam pembangunan sukan di Negeri Selangor. Saya tidak mengatakan bahawa kita merosot di dalam sukan terutamanya apa yang ditunjukkan dari prestasi Sukma, tetapi saya melihat bahawa negeri-negeri yang lain termasuklah Terengganu yang memberi mempunyai kekuatannya lebih baik daripada kita terutamanya daripada segi keseriusannya mungkin, atau pun daripada segi peruntukan kewangan yang melebihi dari Negeri Selangor sehingga menjadikan mereka sebagai juara ya! di peringkat sukan Sukma contohnya. Cuma saya melihat bahawa hasil daripada keputusan-keputusan yang telah kita lalui dalam beberapa sukan yang telah kita ikuti satu bengkel pembangunan sukan telah kita lakukan pada beberapa bulan yang lalu yang mana kita panggil semua persatuan-persatuan, gabungan dengan Majlis Sukan Negeri Selangor untuk kita berbincang, bagaimana kita

hendak boleh bangunkan atau pun kita tingkatkan prestasi untuk melahirkan atlit-atlit kita yang lebih baik lagi. Dan saya melihat secara keseluruhannya rumusan yang kita dapat ialah walau pun kita perlukan jumlah kewangan yang agak besar, tetapi itu bukan memainkan, menafikan untuk kita lebih berjaya lagi dan saya kira beberapa kemudahan-kemudahan sukan perlu kita pertingkatkan. Termasuklah peralatan-peralatan sukan daripada persatuan sukan itu sendiri yang perlu kita bantu dan juga dari segi kemudahan lain ialah gelanggang, padang dan sebagainya yang saya kira kita perlu pertingkatkan balik dan kita perlu perbaiki mana-mana ada kerosakan dan sebagainya untuk memudahkan lagi *athlete* kita berlatih kita mencapai sesuatu yang baik, Pada tahun ini saya kira kita agak bersyukur kerana di antara keperluan kita apabila menghadapi sukan Sukma kita memerlukan peruntukan yang agak besar dan kita telah mendapat peruntukan daripada Selangor Ku, geran Selangor Ku dan kita gunakan lebih kurang RM200,000.00 yang mana kita beli peralatan-peralatan yang saya kira sangat perlu sebahagian peralatan-peralatan yang digunakan di dalam pertandingan itu atau pun yang digunakan semasa latihan terlalu lama dan tidak diganti termasuklah pistol, basikal dan sebagainya, akan dapat kita perbaiki dan ini juga memberikan sesuatu sumbangan yang terbaik akhirnya kepada atlit-atlit kita. Berkaitan dengan cadangan daripada Kajang yang melihat bahawa keperluannya gelanggang-gelanggang untuk dinaiktaraf dan termasuklah keperluan-keperluan gelanggang *rock climbing* dan sebagainya. Saya ada menerima daripada Kajang permohonan untuk menaik taraf *skate park* yang berada di taman permainan Sg. Kantan ya! dan kita memegang prinsip bahawa sukan untuk semua dan kita melihat bahawa perlunya seluruh rakyat Negeri Selangor terutamanya untuk tibalah sukan untuk menaikkan taraf salah satu mungkin ya! sebagai asas kita bersukan, kita beriadah dan akhirnya kesihatan kita dapat kita jaga dengan baik. Dan saya melihat bahawa kalau tahun ini kita mempunyai geran Selangor Ku di mana peruntukan untuk kemudahan sukan itu sendiri yang kita khususkan pada tahun ini untuk kita bina gelanggang serbaguna dan juga dataran anak muda dan saya juga melihat bahawa keperluan-keperluan atau kemudahan sukan ada di setiap DUN atau pun di taman-taman itu sebahagiannya juga ialah di kawasan PBT yang mana saya lihat juga mungkin PBT boleh memainkan peranan yang sangat penting untuk membantu dalam penyediaan kemudahan-kemudahan sukan atau pun gelanggang-gelanggang dan padang-padang yang tertentu. Pun begitu saya kira kita menerima cadangan-cadangan yang diutarakan oleh ADUN-ADUN berkaitan dengan membaik pulih kemudahan-kemudahan sukan dan kita akan lihat daripada segi keperluannya untuk kita bincangkan, dan kita putuskan peruntukan mana yang akan kita gunakan dan saya lihat apabila ada kerja sama yang baik ini akhirnya kita dapat memberikan sesuatu yang terbaik kepada rakyat Negeri Selangor keseluruhannya. Berkaitan dengan peruntukan atau pun perbelanjaan pembangunan di bawah PADAT, Melayu dan Warisan yang mana Kajang memberikan saranan supaya bukan hanya sahaja perkara-perkara atau pun program-program yang

berkaitan dengan Adat Melayu yang kita ketengahkan di Selangor, walau pun sebenarnya di bawah PADAT itu, Perbadanan Adat Melayu itu adalah perkara yang berkaitan yang khusus kepada adat-adat Melayu yang kita hendak ketengahkan dalam pembangunan yang kita jalankan tetapi warisan itu juga memang saya maklum bahawa ia juga meliputi pelbagai bangsa dan yang akan terlibat di dalam pembangunan tersebut. Untuk makluman kita bersama bahawa di dalam PADAT sendiri kita ada beberapa Ahli Lembaga yang bukan Melayu, termasuklah Y.B.hg. Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Khoo Kay Kim ya daripada Universiti Malaya. Kita ada Y.Bhg. Dr. Cheah Ooi Peng, ya dan juga Y. Bhg. Dr. R. Sivapragasam yang mana memberikan input-input yang cukup baik sebenarnya ya. Dan pada lalu sendiri kita ada Konvensyen Identiti Negeri Selangor yang mana di antara resolusinya saya melihat bahawa ada banyak perkara yang akan kita kaji yang akan kita lihat bagaimana kita boleh bangunkan berkaitan juga dengan warisan ini walau pun mungkin melibatkan beberapa kebudayaan atau pun kaum atau pun bangsa yang berlainan ya. Dan saya kira kita membukalah kepada semua termasuklah Ahli-ahli Dewan-dewan Undangan kita untuk memberi sumbangsara-sumbangsara supaya akhirnya peruntukan yang akan kita gunakan juga menepati dengan kepelbagaian bangsa yang ada di Negeri Selangor ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker. Saya ingin menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Kajang dan juga Bangi. Pertamanya adalah isu promosi atau pun koordinasi antara PBT-PBT untuk mempromosikan tempat-tempat pelancongan. Kajang telah mengatakan bahawa mungkin tiada koordinasi atau pun PBT-PBT tidak kerja sama antara satu sama lain. Saya ingin mengatakan ini tidak benar dan kita ada beberapa mesyuarat setahun sekurang-kurangnya ada tiga mesyuarat, termasuk ah! tidak termasuk *retreat* dan juga mesyuarat khas di mana semua PBT hadir bersama dengan Tourism Selangor, UPEN dan juga jabatan-jabatan yang berkenaan termasuk Pejabat Daerah, Jabatan Perhutanan, Jabatan PERHILITAN dan sebagainya. Jadi, saya rasa koordinasinya memang mantap. Cuma saya juga ingin memperingatkan YB Kajang bahawa bukan semua tapak-tapak pelancongan di peringkat PBT akan dipromosikan oleh Tourism Selangor. Kita akan pilih yang paling bagus. Jadi kalau boleh ah! kalau mungkin Kajang ada cadangan

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Speaker, boleh Bangi bertanya.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tunggu, tunggu. Biar saya habiskan ayat dulu. Kalau Kajang ada cadangan atau pun syor-syor dan juga semua sesiapa Adun yang ingin mengemukakan *list* atau pun cadangan di mana Tourism Selangor boleh promosikan kita rela mengkaji syor-syor tersebut. Silakan Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih Bukit Lanjan. Bangi berpendapat bahawa PADAT juga elok dibawa serta dalam mesyuarat-mesyuarat yang berhubung dengan tapak-tapak warisan, adat istiadat dan berbagai lagi untuk barangkali memberi sumbangan kepada bahagian pelancong dan PADAT juga dapat manfaat daripada apa dia ni pelbagai-pelbagai agensi.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih. Saya, kalau saya tidak silap PADAT memang dijemput kepada, kepada ke mesyuarat *Stanco* ya. *Standing Committee Meeting* untuk pelancongan. Dan kalau saya tak silap pada awal tahun ini setiap tahun kita akan ada *retreat* di mana kita akan ada perbincangan yang lebih *detaill*ah tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan pelancongan. Jadi saya akan semak semula. Kita akan ada satu mesyuarat lagi pada akhir tahun ini saya akan, saya yakin saya akan masukkanlah jabatan PADAT ya, dalam *list* senarai tersebut. Isu kedua yang dibangkitkan oleh Kajang adalah satu isu yang bagus juga. Tentang pemantauan tabung-tabung amanah khasnya Kajang telah menyebut Bukit Cerakah. Saya juga di, ah! baru-baru ini kita juga dimaklumkan bahawa ada beberapa masalah tentang pembangunan, projek pembangunan penswastaaan di Bukit Cerakah. Dan perkara ini juga disemak oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh YB Kajang. Isunya adalah, adakah Kerajaan Negeri dapat memantau atau pun ada sedikit kawalan tentang penggunaan duit dalam tabung tersebut. Saya ingin maklum kepada Dewan bahawa ini di Bukit Cerakah sebagai contohnya ada tiga tabung. Satu Tabung JKK Kampung yang mendapat RM21,500.00 dan diuruskan oleh pihak pengurusan dan pentadbiran JKKK. Manakala bagi Tabung Amanah Kebajikan dan Tabung Amanah Pendidikan yang berjumlah RM1.5 juta di bawah kawalan Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Dan ada kalau permohonan untuk penggunaannya, satu kertas kerja perlu disediakan dan perlu mendapat kelulusan Ketua Setiausaha. Tapi pemantauan yang kita ada di peringkat Kerajaan Negeri Selangor adalah melalui UPEN, Seksyen Makro dan juga Penswastaaan di mana kita sedang memantau adakah ganti rugi sepenuhnya dibayar. Adakah apa yang dijanji oleh pemaju-pemaju yang telah memindah, yang telah mendapat semula orang asli, adakah mereka telah menunaikan janji tersebut. Jadi, setakat ini UPEN masih memantau perkara ini. Mengapa, saya pun rasa sedikit tersinggung kalau saya hendak bangkitkan perhubungan antara JAKOA Jabatan Kemajuan Orang Asli dan juga Kerajaan Negeri Selangor memang tidak ada perhubungan secara langsung. Bila saya panggil Pengarah JAKOA Selangor dua tahun yang lalu untuk ada satu mesyuarat, kerana ada satu dua perkara yang saya harap kita daripada Kerajaan Negeri Selangor boleh bekerjasama khasnya isu pewartaan tanah orang asli. Pengarah memang itu dia datang, dia sangat *sincere* dan sebagainya. Namun begitu kita bukan ada mesyuarat di pejabat dekat SUK atau pun di pejabat dekat JAKOA, tapi kita terpaksa ada mesyuarat di luar kerana mereka tidak

dibenarkan untuk ada *official meeting* dengan pejabat saya sebagai contohnya. Walau bagaimana pun, di peringkat Daerah, JAKOA dan juga Pejabat Tanah dan sebagainya mereka ada hubungan yang lebih baik. Dan lebih bagus. Tapi dengan Kerajaan Negeri Selangor setakat ini tidak ada perhubungan yang rasmi dan saya harap pihak JAKOA boleh lebih profesionallah. Saya tidak ada niat hendak kutuk sesiapa. Kita hendak bekerjasama demi kebaikan orang asli nak *settle*kanlah, selesaikan isu pewartaan tanah orang asli sahaja.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Ya, Tuan Speaker. Kajang minta mencelah dan minta penjelasan. Nampaknya keadaan hubungan antara Kerajaan Negeri dengan JAKOA ini tidak begitu rapat dan masih ada masalah. Kajang ingin bertanya sama ada ini bukan masalah pegawai yang berkenaan tapi arahan orang politik yang cuba menjejaskan kemajuan di orang asli di Negeri Selangor ini. Apa pendapat EXCO ini?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Saya dimaklumkan bahawa memang ada arahnya adalah mereka tidak boleh ada hubungan dengan kerajaan Pakatan Rakyat. Tapi, mereka tidak ada isu atau masalah berhubung secara rasmi dengan Pejabat Tanah dan sebagainya.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, Tuan Speaker. Bangi agak merasa peliklah ah! mengapa. Ini menjejaskan imej Pakatan Rakyat bahawa kita tidak mahu mengadakan hubungan dengan orang asal yang sepatutnya kita apa dia ni lakukan setaraf mereka sebagai mana rakyat yang lain. Saya ingat ada kesilapan dari segi jawapan, polisi atau tak munasabah kerajaan hendak ambil sikap tak mahu membuat hubungan dengan orang asal. Terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Bangi saya rasa tidak adil atau pun elok untuk saya menjawab bagi pihak kementerian ataupun jabatan di peringkat persekutuan. Itu biar mereka jawablah. Tapi itu bukan sebuah jabatan sahaja yang diberi arahan supaya tidak ada perhubungan yang lebih rasmi atau pun erat dengan Kerajaan Negeri Selangor, ada banyak lagi. Tapi asalkan setakat ini asalkan kalau ada hubungan rasminya dengan Pejabat Tanah itu masih rasmi masih erat, kita tidak ada masalah kita bekerjasama melalui Pejabat Tanah untuk menyelesaikan beberapa isu.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Yang Berhormat terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa pelik sedikit, ini Pejabat Daerah punya Pejabat Orang Asli JAKOA boleh bekerjasama di daerah. Bukankah daerah ini Pejabat Daerah atau, tindakan daerah tu di dalam daerah itu di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri. Kenapa

itu boleh, kenapa ini yang tak boleh. Jadi agak-agak, saya tak dapat terima tau, kalau tak boleh ada arahan mengatakan Kerajaan Negeri atau pegawai Persekutuan tak boleh campur dalam urusan Kerajaan Negeri maksudnya di Pejabat Daerah, di daerah pun tak bolehlah, kalau ada arahan. Jadi kalau nak sebut tu saya tak nak ulanglah biar bagi buktilah. Saya tak nak ulang, biar bagi buktilah.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Saya terima kasih Sg. Pelek. Ini bukan satu soalan yang pelek. Saya telah kalau tadi Sg. Pelek dengar saya telah memberi satu contoh yang amat kukuh di mana Pengarah, Mantan Pengarah JAKOA itu tidak dibenarkan masuk ke pejabat saya. Saya tidak dibenarkan untuk ada mesyuarat di pejabatnya. Kita ada mesyuarat dekat *coffee house* secara tidak rasmi kita boleh bincang banyak perkara, banyak perkara boleh diselesaikan. Ini....

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, saya belum habis...suka mencelah Tuan Speaker, ini suatu yang boleh kita anggap satu yang seriuslah. Kita meletakkan rakyat kita, itu rakyat kita sama taraf engan kita sebagai rakyat nombor dua tidak boleh kita nak menghubungi ataupun nak duduk atau nak berunding dengan EXCO seolah-olah mereka ini lebih daripada taraf rakyat nombor dua, nombor tiga pun. So, kalau macam ni, kalau kita nak tunjukkan kita nak memperjuangkan nasib orang asal mahu membela mereka supaya dapat pemilikan hartanah dan sebagainya tidak ada makna. Kalau kita tidak beri kedudukannya setaraf dengan kita. Kita bertindak sebenar bercanggah dengan polisi ataupun tindakan yang kita pihak kerajaan lakukan. Saya rasa dukacita kalau ini umpama setem Kerajaan Negeri atau Pakatan Rakyat dan ini akan merosakkan imej kita. Bukan aja di mata masyarakat orang asal atau rakyat Malaysia tetapi seluruh dunia akan melihat kita dengan mata serong.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Bangi, bukan kita tidak mahu hubungan yang lebih erat, hubungan yang lebih baik tetapi mereka diberi arahan supaya tidak hubungi pejabat saya. Saya ada *task force secretariat* ada pelbagai pegawai turun ke padang untuk sukat buat, untuk buat peta dan sebagainya. Ada banyak masalah Tuan Speaker, tunggu, tunggu, kerana celah terlalu banyak kali jadi mungkin tak dapat *full picture* yang saya ingin maklum kepada Bangi adalah kita jemput tapi mereka tidak dibenarkan datang. Itu isunya. Saya nak bercakap dengan Pengarah dan sebagainya, banyak isu boleh diselesaikan di peringkat Pengarah antara Pengarah dan juga pejabat saya ataupun dengan EXCO.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, ini, benda ini, pendirian ini seharusnya bukan dibataskan oleh politik, ini polisi negara telah mencerminkan polis negara terhadap dunia dan alam seluruhnya. Jadi kita memperlihatkan sikap kita yang tidak adil terhadap rakyat yang sama lahir di negara kita dan meletakkan mereka,

benda ni di taraf yang paling rendah sehingga tidak boleh berunding dengan kerajaan, tak kiralah Pakatan atau pun BN dan sebagainya. Dari segi hak mereka berhak di negara kita, yang kita malu, kita malu kepada dunia memandangi kita. Ertinya bila kita Kerajaan Persekutuan mengambil setem sedemikian dia juga mencerminkan keseluruhan kerajaan. So saya ingat kita mesti tentang sikap yang seumpama ini, yang tidak adil. Kita memperjuangkan keadilan, ketulusan sebagainya. Kalau kita bersikap sedemikian, kita sebenarnya bertembung, bertentangan dengan pendirian dengan sikap yang kita nak ambil.

TUAN SPEAKER : Saya rasa cukuplah perbincangan di atas dasar ini, sebab cuma Y.B. EXCO cuma menjelaskan kekangan yang beliau hadapi. Saya rasa kita khusus pada sini, sebab ini usul pembangunan yang soal dasar politik tu kita tunggu bila ada Rang Undang-undang akan datang ataupun usul yang akan datang pada masa akan datang. Hari ini kita tumpu pada pembangunan. Ada lagi. Itu saja, baik terima kasih.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BT ISMAIL : Tuan Speaker saya ingin menjawab beberapa soalan yang ditimbulkan apa Yang Berhormat terutamanya daripada Kg. Tunku iaitu, Kg. Tunku mempersoalkan tentang kenapa tidak ada satu peruntukkan khas untuk TASKA kerana di situ hanya menunjukkan token 10 ringgit sahaja. Ingin saya menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya Kerajaan Selangor telah pun sudah siap bangunan Taska Negeri Selangor yang telah pun siap pembinaannya pada 31 Oktober 2011 dan ianya telah dirasmikan dengan sepenuhnya oleh Puan Sri Salbiah Tunut isteri .Y.A.B. Dato' Menteri Besar pada 10 September 2012. Jadi kos pembinaan tersebut adalah sebanyak RM1,376,240.00 yang telah pun selesai dibuat tetapi tahun ini kita letak 10 sebab kemungkinan ada perkara-perkara yang perincian yang baru yang perlu. Kalau kita lihat pada bajet yang telah dikemukakan token itu maknanya dua perkara, satu mungkin akaun itu atau pun apa-apa akaun bayaran belum sempurna ataupun belum ditutup tapi masih lagi *appeal amount* tersebut tapi bila kita kata 10 itu makna juga mungkin ada perincian-perincian yang belum disampaikan lagi kepada kita. Maknanya kita wujudkan akaun tersebut supaya jika ada perkara-perkara baru kita boleh laksanakan terus dengan peruntukkan yang ada. Jadi saya ingin mengatakan bahawa taska itu telah pun wujud dan yang sebenarnya kita di antara taska di antara kerajaan Negeri yang telah pun mempunyai taska tersendiri yang begitu kondusif yang sesuai yang tidak lagi bertempat di tempat-tempat yang tidak selesa kerana sebelum ini Taska SUK adalah bertempat di sebelah kafe yang mana ia tutup dan tidak cukup kondusif untuk keperluan pengembangan anak-anak. Itu jawapan saya untuk Kg. Tunku. Seterusnya kepada Kajang, Kajang bertanya tentang isu pemberdayaan wanita. Saya ucapkan tahniah kerana prihatin tentang isu wanita tetapi tidak benarlah kalau saya hanya fokus kepada pemberdayaan wanita desa. Saya rasa saya telah pun melengkapkan kepada semua Yang Berhormat

buku ini pada tahun ini iaitu buku melakar kesejahteraan wanita di mana di sini saya telah menggariskan bahawa bukan saja sasaran kita kepada wanita desa tetapi sasaran program pemberdayaan wanita ini meliputi kepada 11 kategori wanita termasuk wanita OKU, wanita warga emas, wanita muda, suri rumah, ibu tunggal, wanita bandar, wanita orang asal juga tidak ketinggalan remaja perempuan. Jadi program yang kita laksanakan adalah untuk semua pemberdayaan wanita semua kategori wanita dan bukanlah khusus kepada wanita desa dan insya-Allah kita memang ingin meletakkan program-program wanita ini setaraf dengan program-program dunia yang telah pun pernah diiktiraf dan diberi penekanan dan yang terkini yang paling dekat ini program bengkel hak keselamatan dan Undang-undang Syarie terhadap wanita adalah merupakan satu program yang mana penglibatannya datang daripada Asia Tenggara dan salah seorang *speakers* atau pun ahli panelnya adalah datangnya daripada Hakim Syarie daripada Indonesia yang didatangkan khas untuk membicarakan tentang Undang-undang Wanita. Seterusnya menimbulkan tentang peruntukkan galeri Shah Alam. Sebenarnya galeri Shah Alam tahun ini kita peruntukkan RM5 juta di bawah vot P01 kod projek 10030 iaitu di bawah perbendaharaan perkara 10, RM5 juta ini adalah kita ingin ataupun kita Kerajaan Negeri telah meluluskan untuk menjadikan atau pun memulihara menambah baik galeri Selangor, *sorry* atau galeri Shah Alam yang sekarang ini telah diteliti sedang dalam penelitian konsep pembinaannya dan seterusnya kita akan pastikan ianya kondusif untuk boleh mengisi permintaan daripada pihak-pihak dalam negeri dan luar juga negeri untuk membuat program-program yang selaras dengan galeri tersebut dan untuk aktiviti kita memang tidak pernah menyekat mana-mana pihak hatta memang di antara yang paling aktif memanfaatkan galeri Shah Alam itu adalah terdiri dari pelajar-pelajar UiTM dan kali ini juga kita buka galeri ini kepada kartunis juga membuat pameran dan sebagainya di tempat itu. Sebab itu kerajaan telah memperuntukkan 5 juta untuk memastikan program atau pun galeri Shah Alam lebih dikenali dan dapat dinamakan atau pun dijadikan satu galeri yang paling masyhur di Malaysia.

Y.B. TUAN HAJI YAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker....

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BT ISMAIL: Belum habis lagi Batu Caves nak tanya... (satu cabang). (tak sabar)....(sabar, sabar)

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Saya punya harapan-harapan yang ingin saya sampaikan daripada ucapan tadi ialah saya berharap agar Jawatankuasa Tetap Kebudayaan adakan program yang direncanakan oleh Kerajaan Negeri supaya kita boleh beri ruang mengikut daripada apa yang kita laksanakan dan *expression* khususnya ataupun pengupayaan anak-anak muda ini dapat kita janakan selain daripada program yang sedia ada. Maknanya satu program yang dibuat yang anjurkan

karya sebenarnya itu adalah baik tapi saya harapkan ada satu program khusus yang direncanakan sendiri oleh Kerajaan Negeri khususnya dengan kemudahan yang sedia ada. Terima kasih.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BT ISMAIL: Terima kasih Bt. Caves, setiap tahun kita memang telah berikan program khusus yang mana peruntukkan sebanyak RM100,000.00 sebenarnya untuk aktiviti ini yang dirangka bersama dengan pihak pengurusan galeri Shah Alam tetapi apa pun saya ambil maklum perkara yang ditimbulkan oleh Batu Caves. Tentang Sg. Pelek, sebenarnya saya peleklah yang tak faham ni saya ke Sg. Pelek ke, saya tak tahulah tetapi apa pun fakta-fakta yang telah saya jawab itu sepatutnya diambil kira sebagai fakta baru bukan menimbulkan fakta-fakta yang lama yang masih lagi diungkit yang akhirnya terpaksa mengambil banyak masa kami di sini untuk memperjelaskan. Saya tidak akan menjawab pada persoalan-persoalan yang awal kerana pagi itu saya telah jawab dalam soalan yang lepas tetapi tentang isu yang tuduhan yang mengatakan kononnya gagal itu disebabkan SST ataupun Sijil Simpanan Tetap itu tidak beri saya nak beri satu pengetahuan kepada Sg. Pelek bagaimana proses, bagaimana proses bila mana seseorang pemohon untuk memohon tabung Warisan Anak Selangor ini dimulakan sehingga akhirnya supaya Sg. Pelek faham. Kalau kita lihat Tabung Warisan Anak Selangor ini, adalah kita buka kepada semua ana-anak yang lahir di Negeri Selangor ini ataupun mengikut kriteria yang ditetapkan. Semua boleh memohon. Selepas permohonan dibuat yang layak ikut kriteria kita akan bagi satu borang pemakluman kepada beliau sama ada di lulus atau gagal, yang lulus itu kita bagi dua makluman, satu kita bagi pemakluman kepada pemohon iaitu ibu bapa kepada anak tersebut mengatakan telah lulus kita keluarkan surat rasmi, dan kita bagi satu kad untuk beliau telah ada identiti mereka ini sebahagian daripada ahli TAWAS atau kita panggil dalam Kelab Si Manja. Selepas itu apa yang kita laksanakan Kerajaan Negeri akan menghantar permohonan ataupun peruntukan sebanyak secukupnya kepada bank yang telah diamanahkan untuk menyimpan jumlah wang yang telah kita luluskan untuk dimasukkan dalam SST Tabung Warisan Anak-anak Selangor. Jadi seterusnya di situ bank akan membuat prosedur. Saya ingin bacakan jawapan kerajaan kepada Audit Negara tentang kononnya kita masih lagi tidak dapat SST tidak mengikut tempoh yang diperlukan. Kita sehingga 31 Mei 2011, 2012 minta maaf, 41,597 ahli yang telah pun memiliki SST, dan pada ketika itu yang belum proses adalah sebanyak 16,748, yang kita bertanya dengan pihak bank kenapa berlaku perkara begini. Jawapan daripada pihak bank mereka mengatakan dia tak sangka permintaan untuk Tabung Warisan Anak Selangor terlalu tinggi terlalu banyak jadi sebab itu mereka terpaksa buat *over time* untuk memastikan sijil-sijil itu dikeluarkan. Ini menunjukkan bukan gagal Sg. Pelek, ini menunjukkan Tabung Warisan Anak Selangor begitu mendapat tempat di mata masyarakat. Jadi bank terpaksa mengeluarkan atau memberikan banyak masa untuk sekarang ini tidak ada lagi

backlog yang kita katakan dan kita tengok pertambahan ini meningkat begitu drastik. Itu jawapan daripada saya.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Yang Berhormat, bagi saya celah. Tak nak jawab lagi,.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BT ISMAIL: Saya dah jelaskan Tuan Speaker.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Tak nak jawab.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BT ISMAIL: Soalan seterusnya saya dah jawab sekali yang ada.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: EXCO saya minta penjelasan, yang dipertikaikan adalah satu bilangan yang dikeluarkan oleh data Pejabat pendaftaran sebagai satu angka yang tertentu sedangkan yang telah didaftarkan angka yang sedikit. Jadi persoalan saya sekiranya ada kerjasama daripada pihak Pendaftaran Negara untuk memberi seluruh senarai itu kepada Kerajaan Negeri adakah senarai ini akan diproses. Itu yang asas sekali.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL : Ah, itu perkara tentang Pendaftaran yang ditanyakan tadi Pendaftaran itu saya rasa sudah jawab tapi saya akan ulang balik. Kalau kita tengok apa ini data yang diberi oleh Audit Negara kononnya kata 2008 hingga 2011 313,706 anak yang telah dilahirkan di Negeri Selangor kita tak nafikan betul tetapi bila kita pergi kepada kriteria penerima-penerima TAWAS ini tak semuanya layak daripada kita *vet through* atau pun kita lihat semula yang hanya layak yang lulus hanya adalah 83,551 sebab ada juga ada individu yang kita Selangor ini berada dalam di tengah-tengah antara Utara dan Selatan kadang-kadang ada ibu-ibu yang mengandung ini atau pun keluarga yang mengandung ini ingin pergi ke sana sini ziarah atau pun bekerja dan sebagainya tetapi *emergency* bersalin di sini. Jadi kriteria ini kita ambil kira kalau begitulah semuanya yang bersalin kita tak boleh ambil sebab itu jumlah itu hanya fokus mereka yang layak. Jadi itu sebab jumlah nampak macam kecil kalaulah kita dibekalkan Jabatan Pendaftaran Negara nama-nama tersebut lebih memudahkan tetapi saya ingin nyatakan nama-nama itu terus diberi kepada kita secara automatik kita akan *check* data tersebut dan kita akan salurkan data-data kelahiran anak-anak ini kepada kawasan-kawasan tempat tinggal tersebut untuk Ketua-ketua Kampung, Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Taman untuk menyiasat sama ada mereka ini memang pemastautin atau sebagainya. Saya yakin kalau kerjasama ini ada insya-Allah proses ini lebih cepat dan mudah dan lebih ramai rakyat Selangor akan tampil ke depan untuk mendapat manfaat ini, itu jawapan saya.

TUAN SPEAKER : Sekarang saya mempersilakan Dato' Menteri Besar untuk membawa Usul lanjut masa sebelum kita sambung.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih banyak, saya mengambil masa untuk menerangkan tentang tuduhan ..

TUAN SPEAKER : Dato' Menteri Besar saya pohon untuk membawa Usul lanjut masa.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut:-

“Bahawasanya Dewan yang sedang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dan Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga 5.30 petang”.

Y.B. PUAN TERESA KOH SUH SIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang sekalian, Usul ini telah pun disokong dan saya kemukakan untuk dapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila katakan TIDAK. Dipersetujui.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker, saya menyiapkan sedikit daripada Hulu Klang berkaitan peruntukan asas desa sebanyak RM4 juta. Pada asasnya peruntukan ini ialah untuk baiki balai raya, rekreasi raya dan juga pusat-pusat ekonomi desa. Hulu Klang minta supaya disediakan untuk pembersihan undang pembersihan yang itu boleh dipertimbangkan tapi pada asasnya kebersihan di kawasan pinggir bandar itu di bawah PBT. Berkaitan dengan Infrastruktur Luar Bandar RM4 juta yang dibangkitkan oleh Kampung Tunku ini ada sediakan peruntukan RM4 juta untuk 9 Daerah satu daerah RM400,000 hanya untuk kampung-kampung atau jalan-jalan di luar kawasan PBT jadi untuk Kampung menunjuk Batang Kali ini saya rasa boleh Kampung Tunku cadangkan untuk jadikan prioriti untuk diperbaiki. Tahun lalu, tahun-tahun ini Kerajaan Negeri ada beri RM500,000 di bawah ADUN juga untuk kawasan Luar Bandar saya rasa ADUN-ADUN boleh menggunakan peruntukan ini. Untuk makluman yang RM4 juta ini hanya untuk kawasan kritikal di kawasan-kawasan pinggir PBT dan saya alu-alukan sahabat yang baru balik bersidang ke Dewan ini, selamat bersidang.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima kasih kepada Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Kampung Tunku yang telah membangkitkan isu pelaksanaan program ceria dan telah menyentuh khusus kerja-kerja membaik pulih lif di

sebuah pangsapuri di kawasan beliau. Ingin saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan negeri sentiasa menilai dan memantau kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor yang telah dipilih dan kontraktor yang gagal melaksanakan tugas mereka yang dengan baik akan di senarai hitamkan dan sebagai kerja yang perlu diperbaiki semula akan diperbaiki semula. Dari segi pelaksanaan telah diwujudkan satu Jawatankuasa Pengurusan ceria yang dipengerusikan oleh saya sendiri dengan dianggotai oleh Lembaga Perumahan Hartanah Selangor, PKNS dan wakil-wakil Pihak Kuasa Tempatan. Tugas tanggungjawab ini adalah untuk memantau dan meluluskan permohonan-permohonan untuk membaik pulih. Walau bagaimana pun daripada Peringkat Teknikal iaitu Peringkat Pelaksanaan, ia di kendalikan oleh Lembaga Perumahan Hartanah Selangor begitu juga dengan PKNS yang dinamakan di bawah Jawatankuasa Teknikal. Walau bagaimanapun pelbagai kontraktor telah dilantik walau pun pelbagai kontraktor itu telah dilantik tetapi pengurusannya adalah satu di bawah Jawatankuasa Teknikal. Dari segi komunikasi di mana pihak kontraktor tidak sedar ianya hanya akan dibayar setelah kerja-kerja diselesaikan. Saya rasa saya yakin bahawa perkara ini sebenar telah dinyatakan di dalam kontrak menyatakan sama ada pembayaran akan dibuat secara berjadual atau pun pembayaran itu dibuat secara sekali gus setelah kerja-kerja itu siap. Kenapa dilakukan sedemikian iaitu sekiranya ianya dibayar sekali gus selepas kerja-kerja itu siap adalah untuk memastikannya bahawa kontraktor yang berwibawa sahaja dilantik untuk melakukan atau melaksanakan kerja-kerja tersebut. Mengenai menambahkan pembaikan pelaksanaan program ceria ini pernah di bincang di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perumahan agar kita wujudkan satu entiti yang bukan sahaja melaksanakan kerja-kerja baik pulih juga telah di bincang tentang pengurusan pangsapuri dilakukan oleh satu Syarikat satu entiti di bawah Kerajaan Negeri. Buat makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian ceria, Program Ceria ini telah membaik pulih dan sedang merancang untuk membaik pulih lebih daripada 150 kawasan iaitu untuk fasal pertama sebanyak 17 kawasan telah di baik pulih. Untuk fasal kedua 56 kawasan telah ditawarkan ada yang telah pun siap di baik pulih dan ada juga yang dalam proses baik pulih tapi fasal ketiga kita telah mendapat permohonan daripada 96 kawasan jadi bermakna jumlah kawasan pangsa puri yang hendak di baik pulih itu lebih daripada 160. Ada satu cadangan yang masih dalam perbincangan untuk menyelenggarakan pangsapuri-pangsapuri dan membaik pulih pangsapuri-pangsapuri ditubuhkan satu entiti yang dinamakan Perbadanan Pengurusan bangunan Selangor tapinya masih dalam peringkat kajian lagi. Terima kasih Yang Berhormat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Dato Speaker saya akan menyambung penggulungan rakan-rakan EXCO tapi saya nak menumpukan kepada satu perkara yang dibangkitkan oleh Sungai Burong yang menyatakan saya

dan Kerajaan Negeri telah membelakangkan rakyat menipu rakyat kerana projek persimpangan bertingkat

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, saya tak sebut menipu rakyat, membelakangkan rakyat itu bolehlah. Tapi tak menipu rakyat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Saya terima membelakangkan rakyat dan berkobar-kobar mengatakan kobar-kobar pun tak ada ayat dekat situ tapi kalau kita baca daripada teks yang sudah *prepared* teks itu menunjukkan tujuannya Kerajaan Negeri telah menggunakan duit rakyat untuk membina projek persimpangan bertingkat, menolong sektor korporat yang kaya raya tak ada dalam ayat saudara tapi yang kaya raya kerana duit itu boleh digunakan untuk rakyat. Saya pegawai masa membuat bajet ini datang jumpa saya, dia tanya Tan Sri jangan tulis ini nanti orang UMNO kata Tan Sri gunakan duit rakyat untuk ini. Saya cakap tak kalah dia tanya sebab dia akan tanya soalan lebih awal daripada itu dari mana datang duit ini untuk ini. Saya tetapkan *they must be very profesional*. Takkanlah dia. Tidak Tan Sri nanti dia sebab dalam *revenue* negeri ada pendapatan bukan cukai lebih daripada RM500 juta. Jadi saya eh.. takkanlah jadi ..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, boleh, boleh mencelah, izinkan saya...Saya tanya cara profesional juga isu dia sama ada sekarang ini secara prinsipnya adakah Kerajaan Negeri perlu membayar pembangunan yang dilaksanakan oleh pemaju yang mempunyai keupayaan untuk membina di dalam kawasan merekanya. Itu yang pertama saya tanya itu. Yang kedua saya lihat projek ini banyak memberi tumpuan kepada keuntungan pada i-City bukannya seluruh rakyat. Jadi kenapa kita perlu bagi bajet sebanyak RM40 *million* lebih kepada i-City sepatutnya projek ini sebab pada masa yang sama ...

Y.B. TUAN SPEAKER : Kita dengar dulu Dato' Menteri Besar,

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Akhir sekali sudah tentu Yang Berhormat Sungai Burong perlu mendengar penjelasan dulu, kalau dapat mendengar penjelasan bahawa saya berikan bahawa penjelasan saya macam mana kita buat dahulu, macam mana kita buat dahulu dia kata kita tidak masukan dalam Belanjawan ini, kita masukan seperti yang dibuat oleh Bukit Rimau dan juga dibuat di Persiaran Galaksi, ada saya ada punya rekod. Jawapannya kata saya tidak kita beramalkan ketelusan, kita tahu bajet sebab pendapatan-pendapatan yang kita ambil daripada pemaju-pemaju ini kita juga rekodkan supaya tidak ada ketelusan. Maksudnya bukan kita ambil duit rakyat masukkan ini, gunakan ini, tidak. Saya ada dua akaun. Akaun negeri ada dua. Yang menerima duit kita tulis siapa yang terima. Yang duit tu kita gunakan ada duit. Ini lebih baik daripada

duduk seperti yang dibuat dalam bentuk Persiaran Galaksi dan Bukit Rimau. Sebab apa? Pandangan saya, ada perbincangan ketepian di sini. Kita tak tau berapa diskaun dibagi, berapa pembayaran diberi, apa sebab? Dia tak termasuk dalam bajet negeri. Jadi, macam dekat Bukit Rimau, ada juga pembaharuan kurangkan premium, pembaharuan untuk itu. Kerana pampasan pembayaran. Jadi, tidak betul sebab tak ada rekod. Rekod ini tak ada dalam negeri. Itu sebab saya bawa tulis rekod dekat sini. Dan, telahan pegawai itu betul. Yang Berhormat Sg. Burong dah tanya terus, dia beranggapan, oh sudah. Tan Sri Khalid, orang korporat, dia nak tolong. Orang korporat, tidak. Dan kita pula, gunakan proses, kalau Yang Berhormat Sg. Burong kalau jadi Pengerusi, apa nama dulu? Ahli Dewan menyebut PAC untuk tengok macam mana kiraan dia. Macam mana kan, siapa dapat..siapa..

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Speaker, boleh mencelah?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ya.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya tak jadi lagi ahli PAC ya. Tapi, Tan Sri, saya sebenarnya setuju dengan YAB Menteri Besar yang tentang akaun itu. Itu sebab dalam pertanyaan saya pun, saya tak sebut tentang akaun. Saya sebut hanya PK15 sahaja. Yang maksudnya belanja negeri. Ok, kalau dari segi, saya faham maknanya, Tan Sri akan bawa, bahawa, *developer-developer* ini dia akan menyumbang. Kalau begitu, nanti saya ingin mendapatkan penjelasan daripada akaun tersebut tidak semestinya hari ini lah. Berapakah sumbangan-sumbangan *players* ini? *Developer* yang menyumbang kepada akaun tersebut. Ya, tetapi saya hendak melihat secara prinsipnya, adakah kalau kita bagi RM46 juta kepada syarikat ini, adakah kerajaan negeri, dalam kes-kes yang lain juga akan juga menggunakan prinsip yang sama? Sebab ini ialah satu Presiden, yang akan memberi kesan jangka panjang. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Yang Berhormat Sg. Burong, satu kenyataan yang proaktif, maknanya kita gunakan sekarang proses *Gross Development Value*. *Gross Development Value*, maknanya siapa yang membuat pembangunan yang tinggi, banyak maknanya dia kena bayar lebih banyak. Siapa yang membuat pembangunan yang tak ada, dia tidak bayar. *That means, pay*. Jadi, oleh sebab itu, kalau Yang Berhormat Sg. Burong, yang kena bayar paling banyak ialah hampir RM30 bilion, ialah i-City. Sebab kita ambil kira *Gross Development Value*. Yang ada macam PKNS ada pembangunan sebelah-sebelah tu, dia hanya membayar RM10 juta. Ada juga pembangunan yang kena hanya bayar, Era Wangsa, dia bayar RM265,000.00. Saya ada senarai semua. Cara *Gross Development Value*, cara apa. Dan sebab itu, saya terangkan kepada pegawai kita, supaya perkara ini akan diaudit. Apa *basisnya*,

mengapa kita buat begini. Kenapa kita..semuanya sudah saya nyatakan. Tapi, saya agak tersinggung apabila Sg. Burong telah membuat, apa tu, *conclusion* ya, yang mengatakan..terus saya. Saya dikatakan, ha..ini habislah duit rakyat. Saya rasa itu, saya tak terfikir, soalan boleh macam itu. Saya terfikir, dia akan soal bagaimana kerajaan dapat duit untuk itu. Jadi, kalau soalan, itu pertama, saya jawab, maknanya saya boleh jawab yang ini. Rupanya, Sg. Burong telah membuat satu tanggapan, rumusan bahawa saya, dah Kerajaan Negeri, dah saya pula yang pergi hendak menolong orang korporat nak bagi duit pula. Itu yang saya rasa tersinggung. Sebab saya rasa saya nak tubuhkan, supaya ada ketelusan. Bila ketelusan, tiap-tiap tahun, tiap-tiap kali kita tengok. Jadi ketelusan ini tidak ada dalam program Bukit Rimau dan Galaksi. Tak ada. Tak ada, walaupun ada syarikat-syarikat membayar, tetapi syarikat-syarikat itu tidak membayar cara *Gross Development Value*. Dia, kalau yang tak cekap politik, dia kena perah sikit, dia kena bayar lebih. Ada, ada, saya boleh tunjukkan. Itu sebab saya tak nak. Itu sebab saya kata nanti, pegawai kita, dan .. kita akan ada perundingan. Ini bukan perundingan, ini dia gunakan, ini jumlah trafik, ini dia bayar. Jadi, maknanya proses kita telus dan terang. Jadi, dan..dia di rekod. Di rekod, jadi *Auditor General* kalau datang nak tengok, dia boleh. Kalau *Auditor General* nak audit ini, dia kelam kabut. Sebab dia tak ada dalam akaun kita. Itu sebab saya lakukan begini.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Baik, terima kasih Tuan Speaker dan juga YAB Dato' Menteri Besar. Memang, ni sekarang ni, Pengerusi PAC bercakap ya, daripada Kajang, yang sepatutnya disandang oleh pihak pembangkang, ya. Jadi, dalam keadaan ini, dalam ucapan awal tadi oleh Sg. Burong, kita nampak ada disebutkan korporat membantu korporat ya. Ada buat sangkaan begitu. Dan ternyata dalam laporan daripada Yang Amat Berhormat, langsung tidak ada terlibat dalam campur tangan dalam kes ini. Dan saya nak minta tanya sama ada kerja-kerja yang mengikut peraturan-peraturan dan garis panduan ini dilakukan oleh pegawai-pegawai di Shah Alam, Majlis Bandar raya Shah Alam, dan adakah Yang Amat Berhormat selaku korporat yang disebutkan, campur tangan dalam hal ini?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Dato' Speaker, Kajang. Saya tak boleh campur tangan dalam hal ini sebab hal ini ialah pelaksanaan polisi. Kalau polisi saya boleh campur tangan. Tapi bila sampai ke pelaksanaan, dia dilakukan. Itu sebab, saya gandingkan UPEN buat perancangan, disemak oleh Bandar raya Shah Alam, profesional. Lepas tu, saya juga minta PKNS untuk uruskan sebab dalam pengalaman saya, sebab, dalam pengalaman saya, bila saya kaji untuk Persiaran Galaksi dan Bukit Rimau ini, dibuat oleh pemaju tu. Saya tak tau berapa dia punya nilai sebenar. Kadangkala, tak ada di tender. Jadi, saya minta PKNS, *you are, you* jadi, apa tu, dipanggil *consultant*. Tapi semua ini di tender di bawah Unit Perancang Ekonomi. Jadi,

maknanya, ada dipanggil *check and balance*. Dan saya buat ini. Saya buat ini kerana, saya nanti, sama ada saya jadi Menteri Besar atau tidak, tak jadi masalah. Tetapi cara yang saya buat boleh dipertahankan. Jadi dengan cara itu, kita boleh semak daripada awal. Sebab dulunya, sebab apa ini berlaku? Saya, bila ada keputusan perseimbangan bukan dibuat oleh Kerajaan Negeri pada 2008, bukan. Dia dibuat sebelum 2008. Ini pun telah dipersetujui oleh Sg. Burong. Ada. Dia ada. Jadi, keputusan itu, tapi pelaksanaan keputusan itu tidak jelas. Jadi, saya membetulkan pelaksanaan keputusan. Saya tidak mengubah keputusan tersebut. Pelaksanaan itu. Jadi, saya kaji pelaksanaan yang telah dibuat oleh yang lepas. Itu sebab, Yang Berhormat Sg. Burong pun mengatakan yang lepas pun macam ini, memang itu. Orang semua bayar kerajaan. Betul. Bila saya cakap ok, dia bayar, betul. Kita jangan bayar sebab ini bukan, ini untuk kemajuan *business*. Cara meniru kemajuan *business* dalam peruntukan hartanah, macam mana cara dia? Caranya ialah, *Gross Development Value* bukan ikut berapa ekar tanah *you* punya. Macam, i-City tanahnya tak sampai 70 ekar, dan PKNS tanahnya boleh jadi dekat 600 ekar. Jadi, kalau ikut *ratio* dengan ekar, maknanya memang tak boleh lah. Jadi, cara nak mengukur ialah dengan *Gross Development Value*, jumlah pembangunan yang dibuat. Walaupun 67, 70 ekar seperti yang Kg. Tunku nyatakan. Dia punya nilai lebih daripada RM3000 juta. Jadi, dia kena bayar lebih banyak daripada orang yang membuat penempatan yang kecil. Jadi, nampak ada *ratio* yang jelas. Yang ternyata dekat sini. Jadi, saya harap, saya, masa-masa depan, jadi apabila bajet ini diutarakan, jadi, kita akan mempersoalkan tentang, satu, *value for money*, siapa yang nak membuatnya, bagaimana Kerajaan Negeri dalam membuat keputusan ini, satu keputusan yang munasabah. Saya harap, itu saya nak jelaskan kalau Sg. Burong berminat untuk mengetahui perkara ini. Tak payah saya, Datuk Bandar Shah Alam dengan Pengarah UPEN boleh datang menerangkan usul ini, bukan, tak payah Menteri Besar, sebab nanti katakan Menteri Besar orang korporat jadi dia pergi tolong orang korporat. Saya tidak menghalang orang korporat dapat duit tapi dia jangan ambil duit negeri, sudah, itu sahaja. Saya tidak menghalang, tak ada..Jadi, perkara yang kedua, yang dibangkitkan oleh Sg. Pelek, yang menyatakan..

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Speaker, boleh dapatkan penjelasan? Saya ada dua perkara lagi, berkaitan dengan itu, yang pertama tadi telah dijawab tapi yang dua lagi, belum dijawab. Satu, isu tentang Kawasan Penampian, maknanya, mengapa dibenarkan kawasan Penampian ini digunakan oleh pemaju. Yang telah pun telah diluluskan dalam Pelan Tempatan. Ini akan menjadi kekangan kepada pendekatan Agenda 21 dan Lestari. Yang kedua. Yang ketiga itu saya mempersoalkan tentang apabila, ialah, melihat, saya melihatlah sebagai orang luar ni, bahawa YAB Menteri Besar ataupun Kerajaan Negeri ini menyebelahi pemaju. Pada masa yang sama, terdapat bantahan-bantahan daripada rakyat penduduk di kawasan situ.

Bantahan ini diabaikan. Ini yang saya kata kita, rakyat ini tidak dipedulikan. Jadi, saya nak penjelasan dua perkara ini, terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Sebab, Yang Berhormat Dato' Speaker, sebab saya tak menjawab tentang perkara ini. Dia ni tidak termasuk dalam belanjawan, tapi untuk menjawabnya, satu yang diberitahu oleh, kepada saya, satu, mesti jelas, persimpangan ini tak boleh dipanggil persimpangan i-City, tak boleh. Dia dipanggil Persimpangan Bertingkat Seksyen 7. Kedua, dia kata, urusan bertingkat 7, *Reserved Zone*, dia cakap *Reserved Zone* Penampian boleh digunakan untuk infra. Maknanya, masa yang diluluskan oleh, sebelum 2007, dia ada Zon Penampian, dia kata boleh buat jalan di tengah Zon Penampian. Boleh. Itu memang ada, jadi tidak, bukan, bukan perkara yang menyebelah mana-mana pihak, tak ada. Itu dah memang, kalau *you*, kalau Yang Berhormat tanya konsultan apa tu, *Planning Consultant*, ada pernah dia buat, di mana-mana, ada pernah? Kedua, mengenai perjumpaan dengan masyarakat di persekitaran itu. Isunya, bukan i-City, isu yang paling besar ialah tanah mendap, saya tidak hendak berbincang tentang ini. Isunya, tanah mendap sehinggakan rumah itu, rumah itu, lantai rumah di bawah semua lantai itu turun, tinggal rangka sahaja. Itu berlaku. Dan berapa jauh dia turun? Kadang-kadang lebih daripada 2 meter, maknanya 10 kaki ya. Jadi, apa jawapan saya? Saya kata kita kena buat kajian mengapa jadi begini sebelum saya jumpa masyarakat di seksyen tersebut. Kalau saya kata, saya datang situ menangis bersama mereka pun tidak guna. Sebab, siapa pemajunya? Siapa konsultannya, siapa yang buat perkara ini menjadi begitu. Jadi, itu bila Yang Berhormat Sg. Burong tanya saya takkanlah Menteri Besar, yang mana, Yang Berhormat, Ahli EXCO saya juga Ahli Yang Berhormat kawasan tersebut. Perkara ini dibincang berkali-kali. Bagaimana mengatasi perkara ini. Berkali-kali. Dan kita dah buat persediaan bagaimana nak menolong mereka-mereka ini yang dikatakan mendapat rumah yang mana rumah dia sekarang, lantainya boleh jadi roboh dan antara jawapannya, konsultan punya pelan di Bandar raya Shah Alam pun dah hilang. Itu jawapannya. Jadi, oleh sebab itu, saya tak boleh nak cerita. Kalau saya cerita saya boleh cerita tapi saya tunggu sehingga perkara ini saya dapat satu keputusan yang mana, bagaimana kita nak menolong. Berapa kos yang kita mesti beri sokongan terhadap perkara ini.

Saya juga nak membangkitkan tentang kenyataan Yang Berhormat Sg. Pelek yang mengatakan dia tidak percaya bahawa kenyataan kami bahawa kita tidak mendapat kerjasama daripada Pendaftaran Negara dan seterusnya. Saya telah meminta pegawai saya menulis surat kepada Sg. Pelek dan juga menulis surat kepada Audit Negara menceritakan apa yang berlaku supaya menjadi satu rekod. Supaya boleh jadi, Sg. Pelek ingat ini satu sebab mengapa Menteri Besar kalau tak boleh buat kerja, burukkan orang lain. Jadi, itu sebab saya nak suruh beritahu. Jadi, yang kedua, saya juga tahu,

kalau dia bagi kita untuk pengetahuan Sg. Pelek, kalau dia bagi saya 390,000 *data base* itu, dalam masa 2 jam kita boleh *analyze data base* itu dekat mana, alamat, apa semua dan kita boleh tulis surat kepada semua yang tak mendaftar itu membagi tawaran, kita boleh, jadi jawapannya, kita tak dapat. Jadi kalau Sg. Pelek berdiri dan mengatakan kepada saya akan pergi ke Pendaftaran Negara dan marah kepada orang itu kerana tidak menolong..

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Dapatkan surat itu kemudian baru cerita, tapi memang ada mekanisme Kerajaan Negeri, ada Pejabat Zon PBT, ada Ketua Kampung JKKK, ada Pejabat Khidmat ADUN, betul tak? Boleh jalankan tugas untuk mendaftar ahli TAWAS ini. Ada tak jalankan ini? Sebab saya duduk di Kampung Baru, Sepang, siapa yang lahirkan anak itu saya tahu, takkan Ketua Kampung JKKK yang duduk di Kampung Baru tak tahu? Pejabat Zon PBT itu buka tapi ada tak Ahli Majlis pergi ke pejabat kalau pergi orang boleh pergi daftar dekat sana.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Ini yang saya cakap saya akan beritahu Ketua Kampung *you* pergi rumah Yang Berhormat Sungai Pelek dan beritahu tentang masalah yang mereka dapati. *I think* saya jadi saya akan beritahu...

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Saya pergi ke pejabat Yang Berhormat, orang datang saya daftar, saya tolong daftar tak ada masalah. Kalau Ketua Kampung JKKK nak jumpa saya untuk bantu dia orang daftar tiada masalah.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Yang sebenarnya Yang Berhormat kalau tak ada masalah mengapa kita tidak dapat 390,000? Itu jawapannya. Jawapan yang disoal ada 390,000 kenapa *you* dapat 80,000 sahaja? Itu soalnya.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Dalam laporan audit itu mengatakan banyak orang tak tahu.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Saudara itu sebab saya..

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Pemohon itu kena tandatangan betul ke tidak Yang Amat Berhormat? Dia kena tandatangan dalam borang itu, betul ke tidak itu? Huh..

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Dato' Speaker memang benarlah pelik tapi itu satu hal. Tandatangan ini ialah bila kita tawarkan kalau kita tahu supaya sebagai contoh saya beritahu ini contoh satu kita minta pegawai kita duduk di hospital sebab kita tahu hospital bersalin anak-anak bersalin. Apa telah berlaku kita bagi

borang sebenarnya Ketua Hospital tersebut maknanya Pengarah Hospital tidak beri kita borang .

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Tak apa Yang Amat Berhormat..

TUAN SPEAKER : *Please* lah Sungai Pelek jangan jadi hero cara ini. Saya pun dulu pembangkang tahu macam mana dengarlah dulu penjelasan dahulu belum habis campur. Baiklah duduklah..duduklah. Yang Berhormat bincanglah. Itu bukan ditentukan oleh Yang Berhormat, Yang Berhormat bukan kerajaan. Itu bukan ditentukan oleh Yang Berhormat. Bukan Yang Berhormat yang mengarahkan bagaimana Menteri Besar menjalankan tugas bukan Yang Berhormat sebagai ADUN mengarahkan kerajaan macam-macam kerja. Kalau Yang Berhormat hendak tunggu surat kerajaan baru buat kerja, tunggu surat tapi itu tidak menghalang kerajaan menjawab. Baik sila duduk. Sila duduk. Dipersilakan Yang Amat Berhormat.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Akhir sekali saya akan..

TUAN SPEAKER : Belum pasang *microphone* Yang Amat Berhormat.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Saya hendak memberikan penjelasan dari Pengarah Jabatan Kerja Raya. Antara yang dinyatakan bagi soalan Yang Berhormat Sri Muda, lampu jalan Kebun ke Bukit Kemuning adalah jalan Persekutuan, buat bulatan Bt. 5 pemasangan lampu termasuk dalam projek naik taraf bulatan ini dan kerja naik taraf bulatan sedang berjalan dan lampu jalan dan lampu isyarat termasuk dalam projek ini, itu satu. Kedua, kemudian yang diberitahu persoalan Kota Alam Shah, projek menaik taraf jalan di Daerah Klang adalah terdapat beberapa projek antaranya Jalan Kebun Nanas RM40.3 juta, Jalan Haji Manan RM30.3 juta dan Jalan Teluk Gong RM6.3 juta. Bagi jambatan Sungai Jeluk di Kajang jambatan itu diisyaratkan kepada Pemaju Metro Kajang untuk di naik taraf kerana termasuk di dalam pembangunannya, jadi soalan yang Sri Muda bertanyakan mengapa ada beberapa permohonan yang dia buat tidak diteruskan tapi dibuat oleh JKR. Dalam jawatankuasa Geran Selangorku termasuk pegawai JKR. Dia kalau akan mengatakan itu tak payah buat JKR akan buat jadi kita boleh gunakan Geran ini untuk projek yang lain itu berlaku sebab kalau tidak kita bertindih-tindih kerja itu sebab saya rasa ini mungkin saya nak minta penjelasan tapi biasanya yang berlaku JKR ialah Ahli Jawatankuasa kadang kalanya kalau ada pertindihan dia akan tentukan siapa yang membuatnya. Itu sahaja.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Sedikit soalan yang tidak dijawab oleh Yang Berhormat Ijok berkenaan dengan surat yang ditulis oleh JKR Klang yang memberitahu pemasangan lampu jalan siap pada 31 Julai 2012 tetapi sampai ke hari ini

tidak ada dan saya perlu jawapan itu kerana Yang Amat Berhormat Ijok dulu pernah janji dalam Sidang Bulan Julai yang lepas termasuk 4 jalan dan juga yang jalan itu akan dijawab secara bertulis tapi tak ada jawapan bertulis.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Baiklah saya akan minta pegawai JKR menjawabnya dan menerangkan keadaannya tapi tidak terjawab dalam soalan ini dan saya akan minta jawapan.

TUAN SPEAKER : Ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker. Saya hendak mohon sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat tentang perbahasan tadi saya tak ada jawapan. Di MBI sudah, MBI Geran Selangorku. Terima kasih.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Yang sebenarnya saya memilih soalan-soalan kerana saya memilih soalan-soalan yang akan ada mengenai pembangunan jadi saya tidak memilih soalan-soalan mengenai pentadbiran jadi saya kata *okay* cadangan Sekinchan supaya MBI lebih mesra, lebih bersama, itu kita terima sajalah tak payahlah kita nak ada , kalau tidak saya menjawabnya lagi saya kena jawab lagi itu sebab saya terima jadi dan bila kita baca dan kita buatlah. Jadi maknanya tak payahlah lagi, tak payah kita jawab begitu hanya bawa perkara-perkara yang kita rasa perlu diterangkan jadi perasaan Yang Berhormat Sekinchan kita dah terima, dia rasa ini apa itu Ahli Dewan Negeri tidak dipentingkan apa semua jadi saya faham. Tapi takkanlah saya sama-sama menangis pula tak bolehlah begitu. Saya mestilah saya terima lepas itu saya beritahu pegawai saya tak bolehlah perkara ini berlaku habislah cerita, kalau saya nak cerita pula saya sudah terima itu dah tak bolehlah. Saya kena buat *reaction* saya kalau saya tidak jawab itu *positive*, tapi kalau saya jawab maknanya saya nak kena jelaskan itu adalah tugas saya.

TUAN SPEAKER : Panjang juga itu. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi :

“ Bahawa menurut seksyen 9, subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan sebanyak RM633,019,310.00 yang dinyatakan dalam Bajet Peruntukan Pembangunan, yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut seksyen 4(1) Akta yang sama, seperti mana terdapat di Jadual, hendaklah diluluskan”.

JADUAL PERUNTUKAN PEMBANGUNAN 2013

JADUAL		
Maksud	Tajuk	Amaun (RM)
P.1	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	360,235,000.00
P.4	Perbendaharaan Negeri (Projek Am)	4,000,000.00
P.5	Perbendaharaan Negeri (Pengkomputeran)	1,000,000.00
P.8	Jabatan Pertanian	14,437,050.00
P.10	Jabatan Perhutanan	4,040,040.00
P.12	Jabatan Kerja Raya	59,600,720.00
P.13	Jabatan Pengairan dan Saliran	44,750,000.00
P.14	Jabatan Agama Islam Selangor	120,000,000.00
P.16	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	2,500,000.00
P.17	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	5,875,000.00
P.27	Jabatan Kehakiman Syariah	16,581,500.00
	Jumlah	633,019,310.00

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kaya YA. Ahli-ahli yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya, usul No. 14 Tahun 2012, Usul Bajet Tambahan (No.2) Peruntukan Pembangunan 2012.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian , saya dengan sukacitanya memohon membawa satu usul di dalam Dewan yang mulia ini yang berbunyi seperti berikut :-

“ Bahawa menurut seksyen 9, subseksyen 4(2)(b) dan seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan tambahan sebanyak RM27,160,327.11 yang dinyatakan dalam Bajet Tambahan (No.2) Peruntukan Pembangunan 2012, yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut seksyen 4(1) Akta yang sama, seperti mana terdapat di Jadual hendaklah diluluskan.

Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di dalam Persidangan Dewan Negeri Selangor yang telah diadakan pada 12 Julai 2012, satu Usul Tambahan Bajet Pembangunan telah diluluskan yang berjumlah RM40,420,420.00 bagi tambahan perbelanjaan pembangunan tahun 2012. Berdasarkan perbelanjaan yang telah dibuat sehingga akhir bulan Oktober 2012, terdapat keperluan peruntukan sebanyak RM27,160,327.11. Oleh itu, maka satu peruntukan tambahan bertujuan menampung

kekurangan tersebut adalah diperlukan. Tambahan bagi projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut :-

- i- Bagi Pecahan Kepada 2 atau P.K 2 – Pembangunan Luar Bandar, sebanyak RM1,681,683.21 diperuntukkan bagi membiayai program pembangunan kampung-kampung baru ; dan
- ii- Bagi P.K 16- Pengambilan Balik Tanah, sebanyak RM25,478,643.90 diperuntukkan untuk program pengambilan balik tanah.

Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, memandangkan bahawa kita telah membahaskan tentang peruntukan pembangunan dengan panjang lebar, maka saya dengan ini memohon supaya Usul ini diluluskan.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini adalah suatu usul yang telah dibawa oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar iaitu Usul Bajet Tambahan (No.2) Peruntukan Pembangunan 2012, Oleh itu saya kemukakan usul ini untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi :

“Bahawa menurut seksyen 9, subseksyen 4(2)(b) dan seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan tambahan sebanyak RM27,160,327.00 yang dinyatakan dalam Bajet Tambahan (No. 2) Peruntukan Pembangunan 2012, yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut seksyen 4(1) Akta yang sama, seperti mana terdapat di Jadual, hendaklah diluluskan.”

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya, Usul No. 15 Tahun 2012, Usul Pemilihan 2 Orang Ahli Dewan Negara Bagi Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adalah dimaklumkan dua (2) orang Ahli Dewan Negara bagi Negeri Selangor Darul iaitu Yang Berbahagia Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah dan Yang Berbahagia Senator Dr. Syed Husin Ali yang dipilih oleh Dewan Negeri Selangor menurut Perkara 45 (1) dalam Perlembagaan

Persekutuan akan tamat tempoh perkhidmatan mereka sebagai Ahli Dewan Negara mulai 9 dan 16 Disember 2012.

Mengikut Peruntukan sub perenggan 1 (2) Jadual Ketujuh Perlembagaan Persekutuan, pemberitahu berhubung perkara ini telah dihantar kepada semua Ahli Yang Berhormat bagi mengemukakan pencalonan. Saya telah pun menerima 2 pencalonan bertulis yang telah di cadang dan disokong oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri dan juga telah diterima dan ditandatangani oleh kedua-dua calon tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mengikut sub perenggan 1 (2) Jadual Ketujuh, Perlembagaan Persekutuan, hendaklah diadakan undian bagi memilih calon yang diumumkan. Bagi maksud ini, nama-nama ahli yang mengundi sekali bagi setiap kekosongan. Oleh sebab ada 2 kekosongan bermakna tiap-tiap ahli Yang Berhormat berhak mengundi sebanyak 2 kali sahaja.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan “Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan memilih Encik Chandra Mohan a/l S. Thambirajah sebagai Ahli Dewan Negara mewakili Kerajaan Negeri bagi tempoh selama tiga (3) tahun”.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Encik Chandra Mohan a/l S. Thambirajah merupakan seorang aktivis hak pekerja yang mempunyai pengalaman yang melebihi 30 tahun. Beliau pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Politik selama 18 tahun kepada mendiang Dr. V. David, seorang bekas Ahli Parlimen dan pejuang pekerja yang terkenal. Beliau menyertai pergerakan pekerja melalui Kesatuan Pekerja Pengangkutan (*Transport Workers Union*) dan menjadi Pegawai Perhubungan Perusahaan Kesatuan ini selama 18 tahun, iaitu mulai tahun 1977. Dalam 18 tahun ini, beliau bersama-sama dengan tokoh-tokoh TWU lain telah memperjuangkan pelbagai isu berkaitan dengan hak dan kebajikan pekerja termasuk gaji minimum.

Penglibatan dan pengalamannya dalam bidang pengurusan sumber manusia dan perhubungan perusahaan menyebabkan beliau dilantik sebagai Ahli Panel Mahkamah Perusahaan selama 11 tahun, iaitu daripada tahun 1997 sehingga tahun 2008.

Sehubungan dengan itu, Encik Chandra Mohan dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa ATP, Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB) atau *Human Resource Development Council*, sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia. Beliau memegang jawatan ini selama 5 tahun.

Dari segi latar belakang akademik, Encik Chandra Mohan memegang Ijazah Sarjana Sains dari Universiti Western Sydney, Australia dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengurus Sumber Manusia selama 12 tahun.

Sejak tahun 2000, beliau dilantik sebagai pensyarah sambilan dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia dan Pengurusan Perhubungan Perusahaan di sebuah universiti swasta di Selangor.

Dari segi penglibatan politik pula, beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Pengerusi dan juga Setiausaha DAP Selangor. Kini beliau adalah Pengerusi DAP Cawangan Sungai Chua, Kajang dan juga Timbalan Pengerusi DAP, Bahagian Hulu Langat.

Encik Chandra Mohan kini berkhidmat sebagai Ahli Majlis di Majlis Perbandaran Kajang sejak tahun 2008 sehingga sekarang, di samping penasihat kepada beberapa Persatuan Penduduk dan institusi tempatan.

Pengalamannya yang luas dalam bidang perjuangan pekerja dan perkhidmatan kepada rakyat merupakan *credential* atau pun kelayakan bagi beliau bagi dilantik sebagai Ahli Dewan Negara.

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, dengan ini saya mohon mencadangkan.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan ini telah pun disokong. Oleh itu saya mengisytiharkan nama calon pertama bagi pemilihan Ahli Dewan Negara iaitu Encik Chandra Mohan a/l S. Thambirajah. Sebelum undian dijalankan, saya melantik wakil-wakil untuk mengira undi mengikut bahagian. Blok A di sebelah kanan saya, Yang Berhormat daripada kawasan Kinrara. Blok B di hadapan saya, Yang Berhormat Sekinchan dan Blok C di sebelah kiri saya, Yang Berhormat Sungai Burong. Saya minta buat pengundian sekarang. Dipersilakan.

Yang Berhormat - Yang Berhormat ambil salinan. Kena tanya tahu. Kena panggil satu-satu dan tanya.

- Proses pengundian dijalankan -

- Setelah tamat pengiraan undi -

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, keputusan pengundian pemilihan Ahli Dewan Negara adalah seperti berikut, yang bersetuju Blok A – 13, Blok B – 12, jumlah 25. Yang tidak bersetuju Blok C -12. Oleh yang demikian, saya mengisytiharkan bahawa Dewan yang bersidang pada hari ini memilih Encik Chandra Mohan a/l S. Thambirajah sebagai Ahli Dewan Negara mewakili Negeri Selangor bagi tempoh selama tiga (3) tahun.

SETIAUSAHA DEWAN: Pemilihan Ahli Dewan Negara seterusnya.

TUAN SPEAKER: Dipersilakan Dato' Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan "Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan memilih Senator Dr. Syed Husin bin Ali sebagai Ahli Dewan Negara mewakili Kerajaan Negeri bagi tempoh selama tiga (3) tahun."

Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Tuan Syed Husin bin Ali mempunyai Ijazah Kedoktoran (Ph.D) dari *London School of Economics and Political Science* pada tahun 1972. Beliau juga merupakan pemegang Ijazah Sarjana dalam Pengurusan di Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan dan Pentadbiran di Universiti Malaya, Singapura. Beliau juga merupakan aktivis sosial, ahli akademik serta tokoh politik.

Dalam bidang pendidikan, Tuan Syed Husin Ali menyumbangkan khidmat sebagai :-

- i. Profesor di Pembangunan Manusia, IPT, Universiti Malaya pada tahun 1982 hingga 1986;
- ii. Profesor di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya pada tahun 1986 – 1990;
- iii. Ahli Senat Universiti Malaya pada tahun 1981 – 1990;
- iv. Ahli Majlis, Universiti Malaya pada tahun 1986 – 1990;
- v. Presiden bagi Malaysian Social Science Association pada tahun 1981 dan 1990;
- vi. British Academy Visiting Professor di University of Cambridge pada tahun 2005.

Beliau juga telah menulis dan mengedit 20 buku di samping 100 buah kertas kerja untuk makalah serta pembentangan di peringkat negara dan antarabangsa. Antara buku-buku yang ditulis oleh beliau berjudul; Apa Erti Pembangunan, *The Malays – Their Problems and Future* dan Buku Pembangunan di Malaysia – Perancangan, Pelaksanaan dan Prestasi.

Tuan Syed Husin Ali telah lama berkecimpung dalam bidang politik selama 50 tahun serta bergiat aktif dalam Badan Bukan Kerajaan. Beliau juga merupakan ahli pengasas SUARAM. Beliau turut menyediakan laporan dan kertas kerja bagi penilaian dan laporan mengenai pergerakan buruh dan wanita bagi kegunaan organisasi-organisasi di peringkat antarabangsa. Beliau turut menyumbangkan kepakarannya dalam kepelbagaian bidang untuk UNESCO dan United Nations University, serta merupakan ahli *International Mission to Investigate Massacre in Bangkok* pada tahun 1992, panel hakim untuk *Permanent People's Tribunal on Industrial and Environmental Hazards (Bhopal and Bombay)* pada tahun 1992 dan turut terlibat dalam *International Inquiry on Displaced People* di Sri Lanka pada tahun 1994.

Sekarang, Tuan Syed Husin Ali adalah mantan Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan pernah memegang jawatan sebagai Presiden Parti Rakyat Malaysia pada tahun 1990 hingga 2001.

Pernyataan ini merupakan *credential* bagi penyambungan pelantikan beliau sebagai Ahli Dewan Negara selama tiga 3 tahun. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon mencadangkan.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan ini telah pun disokong. Dengan ini saya mengisytiharkan nama calon kedua bagi pemilihan Ahli Dewan Negara iaitu Senator Dr. Syed Husin Ali dan seperti kaedah pengundian tadi, saya minta dibuat pengundian sekarang. Dipersilakan. Y.B. Kinrara, Y.B. Sekinchan dan juga Y.B. Sungai Burong, sila pastikan dipanggil lagi dan sebelum dicatat.

- Setelah Tamat Pengiraan Undi -

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, keputusan pengundian pemilihan Ahli Dewan Negara adalah seperti berikut. Yang bersetuju Blok A – 13, Blok B – 12, jumlah 25. Yang tidak bersetuju Blok C -12. Dengan itu saya mengisytiharkan

bahawa Dewan yang bersidang pada hari ini memilih Dr. Syed Husin bin Ali sebagai Ahli Dewan Negara mewakili Negeri Selangor bagi tempoh selama 3 tahun.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya, Usul No.16 Tahun 2012, Usul di bawah Peraturan Tetap 26 oleh Y.B. Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker. Sekinchan ingin membawa Usul No.16 yang berbunyi seperti berikut :-

“Bahawasanya Dewan yang mulia ini, mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pertanian menyemak semula keputusan tawaran tender benih padi sah RM164.8juta tahun 2013-2014 yang ternyata wujud penyelewengan dan monopoli oleh syarikat kroni demi mempertahankan hak petani dan sekali gus menjamin kesinambungan bekalan makanan negara”.

Tuan Speaker, mohon izin saya untuk membawa berbahas untuk Usul ini. Seperti kita sedia maklum bahawa Kerajaan Negeri Selangor selama ini telah (sepanjang 4 tahun setengah ini) kita mengamalkan sistem tender terbuka dan ketelusan, kebertanggungjawaban dan keupayaan dan beberapa reformasi telah kita lakukan khususnya melalui tender terbuka dan dasar *value for money*. Maka dengan itu saya

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, mengenai penjelasan ni.

TUAN SPEAKER : Ya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ini cadang ke, cadang dan bahas?

TUAN SPEAKER : Pencadang. Pencadang dia boleh juga membawa.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Sebab dia sebut tadi cadang dan bahas.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tak, tak, tak. Saya tak sebut. Sungai Burong, saya tak sebut cadang dan bahas. Perkataan tu tak ada ya. Untuk makluman Sungai Burong, terima kasih atas peringatan tersebut. Terima kasih Tuan Speaker. Oleh kerana dasar yang kita amalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah ketelusan dan kita mengambil dua konsep yang penting iaitu tender terbuka dan juga *value for money*. Dan saya dimaklumkan kita telah berjaya menjimatkan lebih RM100 juta dalam (semasa) kita mengagihkan tender melalui tender terbuka. Dan di sini, saya ingin sentuh dalam

perbahasan saya untuk mengenai pengagihan tender yang ditawarkan oleh Kementerian Pertanian baru-baru ini yang telah mengagihkan atau menawarkan tender benih padi sah 2013 dan dalam 2014.

Semasa dalam tawaran tender yang disiarkan di dalam akhbar, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, kenyataan tender di dalam akhbar yang dinyatakan bahawa pada bulan Mac yang lalu, 2012 telah menawarkan tender memanggil mana-mana pembekal yang mempunyai lesen untuk menawarkan tender benih padi sah sejumlah 80,000 tan untuk setiap tahun telah ditawarkan dan ini dia tawarkan tender ini untuk 3 tahun berturut-turut.

TUAN SPEAKER : Baik, boleh sambung esok.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ha, boleh.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam menunjukkan 5.30 petang. Maka saya menangguhkan Dewan sehingga hari esok, 30 November 2012, jam 9.30 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan jam 5.30 petang)